# JAWAPAN

yakin
PUSTAKA YAKIN PELAJAR SDN. BHD.

# KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN SEBENAR SPM 2021-2023

JAWAPAN LENGKAP DAN BERKUALITI DISEDIAKAN
PANEL GURU PAKAR & GURU CEMERLANG

FORMAT TERKINI

# SEJARAH

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

### KERTAS 1

1 **B**

**Ulasan:** Kedudukan raja diperkukuhkan dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh pembesar. Selain itu, raja memperoleh ketaatan daripada rakyatnya. Oleh itu, wilayah pengaruh seorang raja adalah kawasan yang rakyatnya menerima, memperakui dan mentaati pemerintahan seorang raja.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4*

2 **A**

**Ulasan:** Antara sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka ialah daripada urusan perdagangan, cukai dan ufti daripada wilayah taklukan dan naungan. Penghulu Bendahari bertanggungjawab menjaga perbendaharaan Melaka manakala Syahbandar bertanggungjawab mengutip cukai di pelabuhan dan pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan. Sistem kewangan yang teratur di Kesultanan Melayu Melaka menjadikan Melaka semakin maju dan makmur.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9*

3 **B**

**Ulasan:** Raden Adjeng Kartini terlibat dalam nasionalisme Indonesia apabila beliau mempelopori perjuangan memajukan pendidikan kaum wanita. Karya *Hilang Gelap Terbitlah Terang* diterbitkan pada 1911 dan diterjemah ke dalam bahasa Inggeris berjudul *Letters of a Javanese Princess* (*Penulisan Seorang Puteri Jawa*) mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran bangsa Indonesia.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 30*

4 **B**

**Ulasan:** Perkembangan sistem pendidikan telah melahirkan golongan intelektual seperti lepasan Timur Tengah. Golongan ini telah membawa idea nasionalisme dan menyebarkan idea kemajuan dan pemodenan kepada masyarakat. Golongan ini menggunakan akhbar serta menubuhkan persatuan bersifat sosioekonomi dan politik untuk menyedarkan rakyat tentang nasionalisme.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 35*

5 **A**

**Ulasan:** Nasionalisme di China bermula dengan penentangan terhadap kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria) yang dianggap sebagai orang luar dan kehilangan mandat. Masyarakat China hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu kerana gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat. Gerakan ini bercorak anti-Barat kerana menentang campur tangan kuasa Barat di China.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26*

6 **D**

**Ulasan:** Pakatan ketenteraan merupakan salah satu faktor dan pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama yang melibatkan pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga. Pakatan Bertiga dianggotai oleh Britain, Perancis dan Rusia. Pakatan ini disokong oleh Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece. Manakala Kuasa Tengah dianggotai oleh Jerman dan Austria-Hungary yang kemudian disertai oleh Bulgaria dan Empayar Uthmaniyah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54*

7 **A**

**Ulasan:** Jepun telah melaksanakan sistem ekonomi kawalan, iaitu Rancangan Pengeluaran Lima Tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan untuk

mengawal selia pelupusan barangan dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan. Selain itu, Rancangan Perindustrian Lima Tahun dan memperkenalkan mata wang Jepun (wang pokok pisang) juga dasar ekonomi Jepun bagi menyelesaikan kemelesetan ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 71*

8 **D**

**Ulasan**: Amerika Syarikat telah menggunakan bom atom dalam serangan terhadap Jepun pada Ogos 1945 bagi menghalang kemaraan Jepun di Asia. Pada 6 Ogos 1945 Bom Atom "Little Boy" telah digugurkan di Hiroshima. Namun kabinet Jepun memutuskan untuk meneruskan peperangan. Pada 9 Ogos 1945, bom atom "Fat Man" digugurkan di bandar Nagasaki menyebabkan Maharaja Jepun mengumumkan untuk menyerah kalah pada 15 Ogos 1945. Serangan bom atom menyebabkan kekalahan tentera Jepun dan pengakhiran Perang Dunia Kedua.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 82*

9 **A**

**Ulasan**: Rosli Dhoby merupakan anggota Kumpulan Rukun 13 yang memperjuangkan antipenyerahan Sarawak kepada British. Kumpulan Rukun 13 ini menyasarkan pembunuhan pegawai tinggi British, iaitu Duncan Stewart. Pembunuhan ini dilakukan oleh Rosly Dhoby yang juga dikenal sebagai peristiwa "Sungkit Berdarah". Pembunuhan itu menyebabkan beliau dihukum gantung sehingga mati. Walaupun gerakan antipenyerahan ini berjaya digagalkan oleh British tetapi telah membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Sarawak.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 112*

10 **C**

**Ulasan**: Kedudukan negara kita bukan sahaja strategik sebagai laluan perdagangan Timur dan Barat tetapi juga strategik untuk dijadikan pangkalan tentera seperti zaman Jepun. Kedudukan Singapura di hujung Semenanjung Tanah Melayu boleh membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera. Borneo pula boleh membuka jalan penaklukan Jepun ke Pulau Jawa. Pelbagai sumber asli seperti bijih timah, getah, emas, bijih besi, arang batu, minyak dan bauksit juga menjadi faktor kedatangan kuasa asing ke negara kita bagi memenuhi keperluan perindustrian negara asing.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68*

11 **B**

**Ulasan**: Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948 telah menggantikan Malayan Union. Orang Melayu menyokong PTM 1948 kerana kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan yang membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara tertentu dan mengesahkan rang undang-undang. PTM 1948 juga diterima kerana Tanah Melayu dikembalikan taraf naungan dan syarat kewarganegaraan diperketatkan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 135*

12 **D**

**Ulasan**: Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah mengiktiraf orang Melayu sebagai penduduk asal yang diberi kedudukan istimewa di samping membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara dan dijaga kepentingan sah mereka. Hal ini telah mewujudkan kerjasama kaum di samping kedudukan Raja-raja Melayu telah dikembalikan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136*

13 **B**

**Ulasan**: China merupakan salah satu negara yang menyebarkan ideologi komunis ke Tanah Melayu melalui pembukaan cawangan Parti Kuomintang (KMT) pada hampir setiap bandar di negeri Melayu seperti Muar, Melaka, Seremban, Klang, Kuala Lumpur dan Sungai Petani. Selain itu, penyebaran ideologi komunis adalah melalui pertubuhan seperti Main School yang bergerak dalam kalangan orang Hainan di bawah arahan Parti Komunis China (PKC). Perpecahan antara KMT dan PKC menyebabkan penubuhan parti baharu, iaitu Parti Komunis Malaya (PKM) yang berusaha menyebarkan ideologi komunis ke Tanah Melayu melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, akhbar dan sekolah Cina.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146–147*

14 **D**

**Ulasan**: Lombong bijih timah dan ladang getah sasaran utama serangan komunis untuk melemahkan ekonomi British. Pada tahun 1948–1956, komunis menyerang 80 lombong di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Komunis juga merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai dan sekolah serta membunuh pekerja. Hal ini menyebabkan pekerja lombong dan ladang getah menderita. Selain mengganggu kerja harian di lombong dan ladang, nyawa mereka turut terancam.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 149*

15 **B**

**Ulasan**: Kesatuan Melayu Melaka dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob. Antara perjuangan KMM adalah memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Idea ini adalah penyatuan bangsa dan dunia Melayu berdasarkan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa. Selepas KMM


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

diharamkan, idea Melayu Raya diteruskan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Melaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172*

**16 B**

**Ulasan**: Sistem Ahli bermaksud sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Sistem Ahli memberikan latihan kepada penduduk tempatan berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan. Anggotanya terdiri daripada beberapa orang dari Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberi tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178*

**17 A**

**Ulasan**: Independence of Malayan Party (IMP) ditubuhkan pada September 1951. IMP dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar dan Tan Cheng Lock. Perjuangannya adalah untuk menyatukan rakyat pelbagai kaum di Tanah Melayu. Hal ini kerana kerjasama kaum sebagai dasar penting untuk mencapai kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 184*

**18 D**

**Ulasan**: Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan. Di negara kita, pilihan raya diadakan bermula dari peringkat majlis perbandaran, diikuti peringkat negeri dan seterusnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 196*

**19 A**

**Ulasan**: Raja-raja Melayu mengemukakan memorandum sendiri, iaitu mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara, Yang di-Pertuan Agong (YdPA). YdPA harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan. Tempoh jawatan sebagai YdPA ialah lima tahun. YdPA boleh meletak jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222*

**20 D**

**Ulasan**: Merdeka ditakrifkan sebagai kebebasan dan usaha mendaulatkan nusa dan bangsa. Rakyat telah berjuang untuk membebaskan negara daripada cengkaman kuasa asing. Kemerdekaan yang diperoleh memberi kesan terhadap negara kita terutama pada peringkat awal kemerdekaan. Perkara ini dapat dilihat melalui penglibatan negara kita di dalam atau di luar negara dan penglibatan dari sudut politik, ekonomi dan sosial.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 232 & 242*

**21 B**

**Ulasan**: Konsep kedaulatan tradisional ialah negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu. Raja menjadi pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi dan diperkukuh oleh taat setia rakyat. Warisan ini menjadikan negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 6*

**22 C**

**Ulasan**: Yang di-Pertuan Agung (YdPA) berkuasa untuk melantik diplomat Malaysia ke luar negara dan menerima untuk menghadap diplomat asing sebelum mereka mula menjalankan tugas di Malaysia. Selain itu, YdPA juga berkuasa melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, melantik jawatan penting seperti Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara, merupakan pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia, memperkenankan rang undang-undang, mempunyai kuasa memanggil dan memberhentikan serta membubarkan Parlimen bersidang, merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah, bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah serta melindungi kepentingan sah kaum lain, boleh membuat pengisytiharan darurat, melantik Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri, dan berkuasa memberi keampunan dan meringankan hukuman.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 48–49*

**23 D**

**Ulasan**: Pilihan raya membuktikan amalan demokrasi dilaksanakan di Malaysia. Pilihan raya umum diadakan dalam tempoh lima tahun. Rakyat akan melibatkan diri dalam memilih pemimpin dan kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 50*

© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**24** **A**

**Ulasan:** Kandungan Senarai Negeri ialah undang-undang Islam, tanah, pertanian dan perhutanan, kerajaan tempatan dan hari kelepasan negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70*

**25** **A**

**Ulasan:** Pada 1 Jun 1966, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak dan Dr. Adam Malik, Menteri Luar Indonesia mengadakan rundingan damai di Bangkok, Thailand. Hasil rundingan, kedua-dua negara ini mencapai kata sepakat akan memeterai perjanjian damai di Jakarta pada 11 Ogos 1966.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 109*

**26** **A**

**Ulasan:** Pada Ogos 1962 hingga September 1962 berlaku rundingan antara kerajaan Persekutuan dan Singapura yang menghasilkan persetujuan penyertaan Singapura dalam pembentukan Malaysia. Pada September 1962, referendum diadakan bagi menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia. Keputusannya, rakyat Singapura setuju untuk bergabung dengan syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 100*

**27** **C**

**Ulasan:** Peralihan kepimpinan di Indonesia pada 30 September 1963 telah menamatkan konfrontasi. Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi. Kerajaan Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi pada 4 Ogos 1966.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 109*

**28** **A**

**Ulasan:** Ancaman komunis di Singapura dan Sarawak telah menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman menganggap, Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis, manakala Sarawak menghadap ancaman komunis melalui Clandestine Communist Organization (CCO). Jadi langkah penyatuan ini akan membendung ancaman komunis di Singapura dan Sarawak.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93*

**29** **C**

**Ulasan:** Kejayaan kemerdekaan negara dan pembentukan Persekutuan Malaysia telah melibatkan semua pihak sama ada pemimpin mahupun rakyat. Sikap toleransi yang ditunjukkan perlu diamalkan oleh generasi muda bagi menjamin kesejahteraan negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 102*

**30** **B**

**Ulasan:** Penubuhan Inter-Governmental Committee/ Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) adalah pada Ogos 1962. JAK diwakili kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. JAK bertujuan menyediakan rangka perlembagaan dan membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah. Pengerusinya ialah Lord Lansdowne (Menteri Tanah Jajahan) Tun Abdul Razak (Timbalan Pengerusi). Wakil Sarawak terdiri daripada Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Temenggong Jugah, Pengarah Montegrai, Ling Beng Siew dan Chia Chin Sin (Ketua Setiausaha, Peguam Negeri dan Setiausaha Kewangan). Wakil Sabah pula terdiri daripada Datu Mustapha, Donald Stephens dan Koo Siak Chiew (Ketua Setiausaha, Peguam Negeri dan Setiausaha Kewangan). JAK mempunyai lima jawatankuasa kecil, iaitu Perlembagaan, Kewangan, Perkhidmatan Awam, Perundangan dan Kehakiman, dan Organisasi Jabatan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 102*

**31** **C**

**Ulasan:** Penyata Razak 1956 dibentuk untuk memupuk perpaduan kaum. Matlamat dasar ini adalah untuk mengadakan sistem pendidikan yang memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik. Elemen penting dalam membentuk perpaduan ialah mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara bagi mewujudkan perasaan cinta kepada negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 144–145*

**32** **A**

**Ulasan:** Kajian Aminuddin Baki telah memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan bagi menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik. Ia juga memperkenalkan kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang melibatkan pelbagai kaum serta sebagai persediaan memenuhi permintaan pasaran kerja.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 145*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**33 B**

Ulasan: Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan. SUKMA disertai 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. SUKMA bertujuan mengeratkan hubungan kaum serta integrasi antara negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 153*

**34 D**

Ulasan: Prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu. Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima sebagai elemen penting. Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 150*

**35 A**

Ulasan: Pembukaan tanah baharu untuk pertanian dilakukan di bawah FELDA. Penduduk luar bandar yang miskin dipindahkan ke FELDA dan diberi tanah seluas 10 ekar untuk diusahakan dengan tanaman kelapa sawit, getah dan rumah kediaman. Terdapat juga kemudahan seperti klinik, sekolah, pengangkutan dan koperasi FELDA. Hal ini dapat meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 170*

**36 C**

Ulasan: Dasar penswastaan dilancarkan pada bulan Mac 1983 oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dasar ini bermatlamat untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan, meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan atau barangan dan mempercepat pembangunan ekonomi negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 175*

**37 D**

Ulasan: Semasa tempoh pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, dasar luar berbentuk probarat dan antikomunis. Dasar luar berkenaan disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial. Faktor politik merujuk pada ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara dan juga di dalam negara melalui Parti Komunis Malaya. Oleh itu, Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel terutama Britain, Australia dan New Zealand. Bagi menyekat perkembangan pengaruh komunis, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu (AMDA) pada tahun 1956 dengan British. Mengikut perjanjian ini, pihak British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 195*

**38 B**

Ulasan: Sumbangan ASEAN terhadap negara-negara anggota dalam kerjasama ekonomi ialah pada 1978, Projek Industri ASEAN (AIP) dimulakan, iaitu projek baja urea di Indonesia (1984) dan Malaysia (1986). Selain itu, pengeluaran baja fosfat dan kuprum di Filipina serta penghasilan serbuk soda di Thailand. Potensi perdagangan antara negara ASEAN yang besar menyebabkan Malaysia menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN. Beberapa insentif dilaksanakan termasuklah melalui Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) yang dilaksanakan pada tahun 1978 dan pemotongan cukai barangan ke atas pelbagai produk keluaran ASEAN melalui skim ini. Dalam kerjasama sosial, Malaysia menjalinkan kerjasama melalui Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO). Kerjasama ini dalam semua bidang yang berkaitan pendidikan, pertukaran pelajar dan penubuhan pusat serantau pendidikan. Kemudian menjadi Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik (RECSAM) di Pulau Pinang. Kerjasama dalam bidang kebudayaan dilaksanakan seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian melalui penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN. Sukan SEA pula dilaksanakan untuk menjalinkan kerjasama dalam sukan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210–211*

**39 B**

Ulasan: Salah satu faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia ialah keperluan nasional yang mana mengutamakan kepentingan dan kedaulatan negara. Hubungan baik menjamin kebajikan rakyat Malaysia di luar negara. Selain itu, kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar bebas dan berkecuali serta menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi. Selain itu, faktor penggubalan dasar luar ialah ikatan sejarah antara Malaysia dengan negara lain melalui hubungan serantau dan antarabangsa, faktor kepimpinan yang memerlukan pemimpin bijak dan peka perubahan pada peringkat antarabangsa, faktor terakhir ialah persekitaran luar yang mana pembentukan dasar luar disesuaikan dengan perkembangan antarabangsa.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 197*

**40 D**

Ulasan: Malaysia menentang dasar Aparteid kerana menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit. Hasilnya, Afrika Selatan menarik diri dari Komanwel.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 207*

## KERTAS 2

**Bahagian A**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*) | F1 Raja | 1 |
| *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4* | F2 Undang-undang | 1 |
| | F3 Wilayah pengaruh | 1 |
| | F4 Rakyat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan dua ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*) | **Raja** | |
| *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 4* | F1 Tonggak utama kerajaan | 1 |
| | F2 Sistem pentadbiran memperkukuh kedudukan raja | 1 |
| | F3 Pembesar membantu pentadbiran | 1 |
| | F4 Sentiasa ditaati | 1 |
| | F5 Dianggap suci | 1 |
| | F6 Contohnya, Raja Champa dianggap pemerintah suci/ Dewa Siva | 1 |
| | F7 Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat | 1 |
| | F8 Mewujudkan perpaduan rakyat | 1 |
| | F9 Bertanggungjawab terhadap kemakmuran/ kestabilan kerajaan | 1 |
| | **Undang-undang** | |
| | F10 Perkenal undang-undang untuk mengawal rakyat | 1 |
| | F11 Menjamin kesejahteraan sesebuah kerajaan | 1 |
| | F12 Dipakai di seluruh wilayah | 1 |
| | F13 Menjadi rujukan pentadbiran | 1 |
| | F14 Contohnya, Majapahit mengamalkan undang-undang *Kutara Manawa* | 1 |
| | **Wilayah pengaruh** | |
| | F15 Kawasan yang menerima/ memperakui pemerintahan seorang raja | 1 |
| | F16 Contohnya, Funan meliputi dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, Myanmar dan Segenting Kra | 1 |
| | F17 Diperoleh melalui penaklukan/ naungan/ perkahwinan | 1 |
| | **Rakyat** | |
| | F18 Penduduk di sesebuah wilayah dan setia kepada raja | 1 |
| | F19 Penduduk Srivijaya mengikuti upacara persetiaan/ meminum air sumpah | 1 |
| | F20 Setia kepada raja/ tidak menderhaka | 1 |
| | F21 Sistem kerah dan serah | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan dua ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat yang berada dalam (*a*), iaitu Raja, undang-undang, wilayah pengaruh dan rakyat. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **1**(*c*) | F1 Pemimpin perlu menyatukan rakyat | 1 |
| *KBAT* | F2 Kita perlu memperkuatkan negara | 1 |
| | F3 Mewujudkan negara stabil | 1 |
| | F4 Membentuk ekonomi maju | 1 |
| | F5 Pendapatan negara bertambah | 1 |
| | F6 Pembangunan lancar | 1 |
| | F7 Rakyat sejahtera | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki untuk menjelaskan cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 183* | F1 Sistem persekolahan yang sama untuk kanak-kanak semua kaum<br>F2 Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama<br>F3 Kandungan kurikulum seragam<br>F4 Sukatan pelajaran bersifat kebangsaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan tiga teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dalam Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 183* | F1 Sekolah Umum (rendah) menggunakan bahasa Melayu<br>F2 Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan sama ada bahasa Inggeris/ Cina/ Tamil<br>F3 Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mata pelajaran wajib semua sekolah<br>F4 SMK menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar<br>F5 Bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran di SMK<br>F6 Sekolah Menengah Inggeris menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan tiga cadangan yang dikemukakan oleh Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **2**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mewujudkan sistem pendidikan kebangsaan yang mantap<br>F2 Sistem persekolahan seragam<br>F3 Semua murid akan mempelajari kurikulum yang sama<br>F4 Adil untuk semua pihak<br>F5 Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar<br>F6 Hal ini dapat memantapkan bahasa kebangsaan<br>F7 Rakyat menggunakan satu bahasa yang sama<br>F8 Hal ini dapat meningkatkan komunikasi antara rakyat<br>F9 Oleh itu, perpaduan dapat dibentuk<br>F10 Akhirnya, dapat mempercepat kemerdekaan Tanah Melayu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk menjelaskan kepentingan cadangan yang dikemukakan oleh Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 38* | F1 Raja berkuasa mutlak<br>F2 Raja memiliki kuasa pemerintahan/ pentadbiran/ perundangan/ kehakiman<br>F3 Pemerintahan berdasarkan undang-undang/ Hukum Kanun Melaka/ Undang-undang Laut Melaka<br>F4 Menyerlahkan ciri bernegara dan sistem berperlembagaan<br>F5 Islam memperkukuh ciri bernegara<br>F6 Raja menjadi ketua agama Islam<br>F7 Kesultanan Melayu selepasnya mewarisi tradisi<br>F8 Raja adalah ketua kerajaan/ sumber undang-undang/ ketua agama<br>F9 Raja mempertahankan adat dan struktur masyarakat<br>F10 Keabsahan tindakan raja terangkum pada kedaulatan raja<br>F11 Sistem pemerintahan dibantu dengan sistem pembesar empat lipatan<br>F12 Dibantu empat pembesar utama, iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **3**(*b*) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 39 | F1 Sistem beraja menyukarkan British untuk menjajah | 1 |
| | F2 Raja-raja Melayu memerintah dengan campur tangan British | 1 |
| | F3 Menandatangani perjanjian/ surat perisytiharan | 1 |
| | F4 British mencampuri urusan pentadbiran negeri-negeri Melayu | 1 |
| | F5 Di NNMB British mengambil alih fungsi pembesar | 1 |
| | F6 Raja-raja kekal sebagai pemerintah | 1 |
| | F7 Tetapi raja menerima nasihat pegawai British/ Residen | 1 |
| | F8 Di NNMTB kedudukan Raja-raja Melayu lebih kukuh | 1 |
| | F9 British hanya menempatkan Penasihat British | 1 |
| | F10 Pentadbiran dilaksanakan oleh pembesar yang dilantik raja | 1 |
| | F11 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor/ Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang merupakan salah satu ciri Raja Berperlembagaan | 1 |
| | F12 Menghalang peluasan pengaruh British | 1 |
| | F13 Malayan Union menggugat pemerintahan beraja/ hilang kuasa | 1 |
| | F14 Kuasa pemerintahan diambil oleh Raja England/ Gabenor | 1 |
| | F15 Kuasa raja dikembalikan dalam PTM 1948 | 1 |
| | F16 Undang-Undang Tubuh negeri-negeri Melayu diguna pakai hingga kini | 1 |
| | F17 Raja-raja Melayu menggunakan sistem Raja Berperlembagaan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan situasi sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu pada zaman British. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **3**(*c*) KBAT | F1 Raja merupakan tonggak sistem pemerintahan | 1 |
| | F2 Raja juga menjadi lambang kedaulatan negara | 1 |
| | F3 Dan lambang penyatuan rakyat | 1 |
| | F4 Raja bertindak sebagai pelindung rakyat | 1 |
| | F5 Hal ini dapat mewujudkan hubungan baik antara rakyat dengan pemerintah | 1 |
| | F6 Oleh itu, dapat melahirkan rakyat yang setia kepada negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki untuk memberikan pandangan mengenai sebab "Kesetiaan Kepada Raja dan Negara" diletakkan dalam prinsip Rukun Negara yang kedua. Calon boleh memberikan kepentingan mewujudkan perasaan yang setia kepada raja dan sebab kita perlu setia kepada raja dan negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 90 | F1 Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F2 Sarawak | 1 |
| | F3 Sabah/ Borneo Utara | 1 |
| | F4 Singapura | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan wilayah yang membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **4**(*b*) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 97 | F1 Sultan mengalu-alukan cadangan | 1 |
| | F2 Pada peringkat awal rakyat berminat | 1 |
| | F3 Namun ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu | 1 |
| | F4 Parti Rakyat menentang | 1 |
| | F5 Ingin menggabungkan Brunei, Sarawak dan Sabah dalam satu kesatuan | 1 |
| | F6 Menganggap British ingin mengekalkan pengaruh | 1 |
| | F7 Menganggap British ingin menguasai ekonomi | 1 |
| | F8 Khuatir Brunei akan hilang kekayaan | 1 |
| | F9 Membentuk suruhanjaya bagi meninjau pendapat rakyat | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F10 Anggap gagasan Malaysia satu bentuk neokolonialisme | 1 |
| | F11 Pasukan tentera nasional Kalimantan Utara memberontak | 1 |
| | F12 Akhirnya, Brunei menarik diri | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan reaksi Brunei terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| 4(*c*) KBAT | F1 Masyarakat dapat berkongsi sumber ekonomi | 1 |
| | F2 Contohnya, minyak/ gas/ sumber hutan/ galian/ pertanian | 1 |
| | F3 Dapat menjamin keselamatan negara/ wilayah terlibat | 1 |
| | F4 Pembentukan Malaysia dapat mengatasi ancaman terhadap negara | 1 |
| | F5 Seperti menghapuskan pengganas komunis | 1 |
| | F6 Hal ini dapat mengekalkan keamanan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki membuktikan bahawa pembentukan Malaysia ini memberi nikmat dan faedah kepada negara kita. Calon boleh memberikan jawapan yang umum dan munasabah terhadap kehendak soalan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 5(*a*) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 94–95 | F1 Mengembalikan keamanan dan kestabilan | 1 |
| | F2 Membubarkan pasukan MPAJA | 1 |
| | F3 Memulihkan kehidupan rakyat | 1 |
| | F4 Mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap British | 1 |
| | F5 Memperbaiki infrastruktur yang rosak/ jentera | 1 |
| | F6 Memperkukuh semula kedudukan British | 1 |
| | F7 Menguasai pentadbiran | 1 |
| | F8 Membolot kekayaan | 1 |
| | F9 Memulihkan ekonomi | 1 |
| | F10 Mengatasi kekurangan ubat-ubatan/ bekalan makanan/ kebuluran | 1 |
| | F11 Menyelesaikan masalah jenayah/ keganasan | 1 |
| | F12 Mengatasi masalah wabak penyakit | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tujuan British melaksanakan BMA di Tanah Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| 5(*b*) Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96–100 | (i) F1 Tanah Melayu menjadi tanah jajahan mutlak British | 1 |
| | F2 Sultan kehilangan kedaulatan dan kuasa politik | 1 |
| | F3 Merugikan dan mengancam masa depan orang Melayu | 1 |
| | F4 Kerakyatan secara *jus soli*/ semua yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura | 1 |
| | F5 Pegawai British mendapatkan tandatangan sultan secara paksaan | 1 |
| | F6 Menghapuskan taraf negeri naungan | 1 |
| | F7 Tanah Melayu menjadi kesatuan | 1 |
| | F8 Kerajaan negeri terjejas | 1 |
| | F9 Menghapuskan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| | F10 *Status quo*/ hak istimewa Melayu tergugat | 1 |
| | F11 Raja hanya berkuasa dalam hal ehwal Islam/ ahli biasa dalam Malayan Union | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F12 Sultan tidak diberi masa berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri | 1 |
| | F13 Semangat setia kawan | 1 |
| | F14 Masa tidak sesuai membuat perubahan politik | 1 |
| | F15 Kedudukan agama Islam tercabar | 1 |
| | F16 Pentadbiran diambil alih oleh Gabenor | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab orang Melayu menentang pembentukan Malayan Union. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 100–106* | (ii) F1 Raja-raja Melayu membawa kes ke Mahkamah Tinggi England | 1 |
| | F2 Sultan Kedah, Perak dan Johor menghantar surat bantahan ke London | 1 |
| | F3 Raja-raja mendakwa diugut dan dipaksa | 1 |
| | F4 Raja-raja Melayu menyokong Kongres Melayu menolak Malayan Union | 1 |
| | F5 Perhimpunan besar-besaran di Kuala Kangsar sempena lawatan Ahli Parlimen British | 1 |
| | F6 Permaisuri Perak mengetuai barisan hadapan perarakan | 1 |
| | F7 Dato' Onn bin Jaafar mempersembahkan hasrat supaya Raja-raja Melayu bersama-sama rakyat | 1 |
| | F8 Raja-raja Melayu memulaukan pelantikan Gabenor Malayan Union | 1 |
| | F9 Ribuan orang Melayu berhimpun di hadapan Hotel Station melaungkan "Daulat Tuanku" dan "Hidup Melayu" | 1 |
| | F10 Bantahan melalui akhbar mengecam/ mengutuk Malayan Union | 1 |
| | F11 Menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak Malayan Union | 1 |
| | F12 Melaporkan berita penentangan orang Melayu | 1 |
| | F13 Menyedarkan orang Melayu tentang muslihat British/ implikasi pelaksanaan Malayan Union | 1 |
| | F14 Bantahan daripada kaum wanita/ cendekiawan/ bekas pegawai British | 1 |
| | F15 Persatuan-persatuan Melayu menganjurkan perhimpunan | 1 |
| | F16 Bantahan di Kelantan, Kedah dan Johor | 1 |
| | F17 Pemimpin persatuan dan sultan bekerjasama mengadakan bantahan | 1 |
| | F18 Menganjurkan kongres | 1 |
| | F19 Menubuhkan UMNO | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara-cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*c*) KBAT | F1 Kita perlu bersikap berani kerana benar | 1 |
| | H1a Untuk mempertahankan hak bangsa dan tanah air daripada penjajahan asing | 1 |
| | H1b Jika takut penindasan akan berterusan | 1 |
| | H1c Hal ini akan menjejaskan masa depan negara kita | 1 |
| | H1d Kerana kita semua akan diperhambakan oleh bangsa asing sekiranya kita tidak mempertahankan kedaulatan negara kita | 1 |
| | F2 Selain itu, perpaduan dan kerjasama penting dalam perjuangan | 1 |
| | H2 Hal ini menjadikan kita kuat dan fokus kepada matlamat | 1 |
| | F3 Seterusnya, ilmu pengetahuan juga penting | 1 |
| | H3 Supaya kita peka kepada perkembangan semasa dan tipu muslihat musuh | 1 |
| | F4 Kesimpulannya, masa depan negara dan bangsa adalah tanggungjawab semua warganegara. | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan pengajaran atau iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa BMA dan juga Malayan Union. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 149–151* | F1 Bintang Tiga PKM melalui MPAJA melakukan kekacauan | 1 |
| | F2 Melakukan kekejaman terhadap penduduk | 1 |
| | F3 Membunuh orang Melayu, Cina dan India atas dakwaan bersubahat dengan Jepun | 1 |
| | F4 Mempengaruhi pertubuhan dengan ideologi komunis | 1 |
| | F5 Menyusup masuk dalam kesatuan sekerja/ (Pan-Malayan Federation of Trade Unions/ PKMM/ MDU/ PUTERA-AMCJA) | 1 |
| | F6 Menguasai 335 kesatuan sekerja | 1 |
| | F7 Mengancam keselamatan/ menjejaskan ekonomi negara | 1 |
| | F8 Memusnahkan lombong bijih timah dan rumah pekerja /ladang getah | 1 |
| | F9 Merosakkan infrastruktur pengangkutan/ perhubungan | 1 |
| | F10 Menyerang pekerja pembaikan jalan raya/ pemasangan paip | 1 |
| | F11 Menjejaskan kehidupan rakyat | 1 |
| | F12 Bertindak ganas terhadap penduduk yang enggan memberi kerjasama (membunuh/ memusnahkan harta/ menganiaya) | 1 |
| | F13 Mengancam pasukan keselamatan | 1 |
| | F14 Mencetuskan huru-hara | 1 |
| | F15 Menimbulkan kesangsian antara kaum | 1 |
| | F16 Mengancam keselamatan rakyat | 1 |
| | F17 Menyerang balai polis | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tindakan komunis yang kejam dan ganas untuk melumpuhkan ekonomi, merosakkan infrastruktur, mengancam keselamatan penduduk dan pasukan keselamatan sehingga meninggalkan kesan parut yang mendalam dalam diri masyarakat negara kita. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 152–160* | F1 Menguatkuasakan Undang-Undang Darurat | 1 |
| | F2 Menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan komunis tanpa perbicaraan | 1 |
| | F3 Hukuman berat kepada yang membantu komunis | 1 |
| | F4 Mengetatkan undang-undang senjata api | 1 |
| | F5 Hukuman bunuh terhadap pembawa senjata api/ bahan letupan | 1 |
| | F6 Menggeledah rumah kediaman | 1 |
| | F7 Mengharamkan PKM | 1 |
| | F8 Mengharamkan parti radikal | 1 |
| | F9 Seperti AWAS/ PETA/ PERAM/ PKMM/ Hizbul Muslimin | 1 |
| | F10 Menangkap pemimpin radikal | 1 |
| | F11 Seperti Ahmad Boestamam/ Ishak Haji Muhammad/ Abu Bakar al-Baqir/ Khatijah Sidek | 1 |
| | F12 Memperkasa pasukan keselamatan | 1 |
| | F13 Seperti Polis – Cawangan Khas/ Special Constables/ Polis Hutan | 1 |
| | F14 Tentera – Askar Melayu/ Askar Komanwel/ Sarawak Rangers | 1 |
| | F15 Sukarelawan – Home Guard | 1 |
| | F16 Memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan | 1 |
| | F17 Orang ramai yang berumur 12 tahun ke atas mesti mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa | 1 |
| | F18 Memperkenalkan kad pengenalan | 1 |
| | F19 Rakyat mesti membawa kad pengenalan | 1 |
| | F20 Melancarkan Rancangan Briggs | 1 |
| | F21 Mewujudkan Kampung Baru | 1 |
| | F22 Memindah dan menempatkan penduduk | 1 |
| | F23 Menyediakan sistem keselamatan dan kemudahan asas | 1 |
| | F24 Memagar kawasan Kampung Baru | 1 |
| | F25 Memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen | 1 |
| | F26 Menyekat bantuan kepada komunis | 1 |
| | F27 Menawarkan pengampunan kepada komunis | 1 |
| | F28 Risalah dan pas pengampunan disebarkan | 1 |
| | F29 Melancarkan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat | 1 |
| | F30 Menggalakkan rakyat mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F31 Mengajak rakyat bekerjasama menentang komunis | 1 |
| | F32 Melaksanakan perintah berkurung | 1 |
| | F33 Operasi pasukan keselamatan dipermudahkan | 1 |
| | F34 Melancarkan Perang Saraf | 1 |
| | F35 Berusaha memenangi hati/ fikiran rakyat | 1 |
| | F36 Menjalin hubungan baik rakyat dengan kerajaan | 1 |
| | F37 Melakukan lawatan terhadap rakyat jelata | 1 |
| | F38 Menyelesaikan/ mengenal pasti masalah rakyat | 1 |
| | F39 Melonggarkan syarat kerakyatan | 1 |
| | F40 Menarik kaum bukan Melayu menjadi warganegara | 1 |
| | F41 Berusaha membentuk bangsa yang bersatu | 1 |
| | F42 Menawarkan hadiah wang tunai kepada penduduk yang memberikan maklumat tentang komunis | 1 |
| | F43 Mendapatkan kepercayaan Orang Asli supaya menyokong kerajaan | 1 |
| | F44 Membina kubu yang dilengkapi kemudahan/ makanan | 1 |
| | F45 Memajukan perkhidmatan penerangan | 1 |
| | F46 Jabatan Penerangan/ radio menjadi medium menimbulkan kesedaran rakyat – menyebar risalah | 1 |
| | F47 Memperkenalkan kawasan hitam dan kawasan putih | 1 |
| | F48 Rundingan Baling membawa pertemuan wakil Tanah Melayu dengan wakil komunis | 1 |
| | F49 Kerajaan meminta komunis meletakkan senjata/ serah diri | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tindakan pihak kerajaan dalam usaha menangani ancaman komunis.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Negara kita makmur dan kaya dengan bahan mentah dan galian | 1 |
| | C1 Seperti bijih timah/ petroleum | 1 |
| | F2 Selain itu, negara kita mempunyai tanah subur | 1 |
| | H2a Yang berpotensi untuk pertanian | 1 |
| | C2 Seperti tanaman makanan atau tanaman dagangan misalnya, getah | 1 |
| | H2b Oleh itu, sumber kekayaan yang ada di negara kita memberikan sumber ekonomi bagi kuasa asing yang menguasai negara kita sama ada PKM mahupun British | 1 |
| | F3 Di samping itu, kedudukan negara strategik | 1 |
| | H3a Kerana berada di laluan perdagangan Timur-Barat | 1 |
| | H3b Hal ini membolehkan aktiviti perdagangan negara kita berkembang | 1 |
| | H3c Sehingga mampu menguasai perdagangan dunia | 1 |
| | F4 Kedudukan negara kita yang strategik juga sesuai menjadi pangkalan ketenteraan | 1 |
| | H4a Hal ini memudahkan penjajah asing meluaskan pengaruh di sebelah Timur | 1 |
| | H4b Dengan penguasaan negara kita, ia dapat meninggikan imej kuasa-kuasa besar di mata dunia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab PKM ingin menguasai Tanah Melayu dan kesungguhan British mempertahan Tanah Melayu daripada dikuasai oleh PKM. Secara tidak langsung soalan ini meminta calon menerangkan kelebihan negara kita sehingga mampu menyebabkan perebutan kuasa-kuasa asing menguasai negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 4–5* | F1 Kekuasaan tertinggi/ kewibawaan sesebuah negara | 1 |
| | F2 Berhak/ bebas melaksanakan pemerintahan/ pentadbiran | 1 |
| | F3 Bebas membuat undang-undang/ mentafsir dan melaksanakannya | 1 |
| | F4 *Supernuus*/ *superanus*/ *sovereignty*/ *daulah*/ daulat | 1 |
| | F5 Asas negara yang merdeka | 1 |
| | F6 Memiliki hak antarabangsa untuk mengatur urusan dalam negeri | 1 |
| | F7 Tidak mengikut telunjuk kuasa asing | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan konsep kedaulatan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **7**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8–9* | F1 Mempunyai sistem pemerintahan yang teratur | 1 |
| | F2 Menjaga kestabilan politik/ keamanan/ pertahanan/ ekonomi | 1 |
| | F3 Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | F4 Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara | 1 |
| | F5 Perdana Menteri Ketua Kerajaan | 1 |
| | F6 Perdana Menteri dibantu oleh Jemaah Menteri | 1 |
| | F7 Mempunyai perundangan sebagai asas peraturan negara | 1 |
| | F8 Memelihara kesejahteraan/ menjamin keadilan | 1 |
| | F9 Melindungi rakyat | 1 |
| | F10 Perlembagaan sebagai asas perundangan negara | 1 |
| | F11 Memiliki rakyat sebagai penduduk | 1 |
| | F12 Terikat kepada undang-undang yang disediakan pemerintah | 1 |
| | F13 Rakyat Malaysia disatukan oleh bahasa kebangsaan/ kebudayaan nasional/ Rukun Negara/ identiti nasional | 1 |
| | F14 Mempunyai sempadan negara | 1 |
| | F15 Malaysia berkongsi sempadan dengan Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura dan Brunei | 1 |
| | F16 Diakui masyarakat antarabangsa/ PBB | 1 |
| | F17 Memudahkan pentadbiran/ pemerintahan/ pertahanan/ pembangunan/ ekonomi | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan ciri-ciri negara yang berdaulat.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Bersatu untuk pertahankan kedaulatan negara | 1 |
| | H1a Menjadikan rakyat dan negara stabil dan kuat | 1 |
| | H1b Dapat mengekang ancaman yang boleh menghancurkan negara | 1 |
| | C1 Seperti keganasan/ hidup bebas/ jenayah | 1 |
| | F2 Jangan tabur sentimen negatif dalam masyarakat | 1 |
| | H2a Kerana ia boleh mengundang perbalahan/ perpecahan | 1 |
| | C2 Seperti mengungkit perkara-perkara sensitif – perkauman/ hak sesuatu kaum | 1 |
| | H2b Kerana ia akan menjejaskan kerukunan hidup masyarakat berbilang kaum/ budaya/ agama | 1 |
| | F3 Mengeratkan persefahaman dan perpaduan | 1 |
| | H3a Patuh dan taat kepada raja dan negara/ kerajaan | 1 |
| | H3b Permasalahan negara dan rakyat akan dapat diuruskan dengan berkesan | 1 |
| | F4 COVID-19 dapat dicegah jika patuh arahan MKN | 1 |
| | H4 Amalkan SOP dan norma baharu kehidupan | 1 |
| | C4 Penjarakan fizikal/ memakai pelitup muka/ kerap mencuci tangan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut. Calon boleh menyatakan dan menjelaskan apa sahaja yang calon nampak atau peroleh daripada poster tersebut.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 166–167* | FI Bermula pada 1970–1990/ dalam tempoh 20 tahun | 1 |
| | F2 Rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan | 1 |
| | F3 Dilancarkan melalui Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) | 1 |
| | F4 Bertujuan memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum/ wilayah | 1 |
| | F5 Terbentuk hasil perbincangan MAPEN | 1 |
| | F6 Melibatkan pakar ekonomi tempatan dan luar negara | 1 |
| | F7 Dr. Rais Saniman/ Dr. Just Faaland (Norway)/ Dr. Jack R. Parkinson (Britain) | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan latar belakang pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB).<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 8(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 168–173* | F1 Mengenal pasti isu sosioekonomi | 1 |
| | H1 Jurang antara bumiputera dengan bukan bumiputera/ bandar/ desa/ wilayah/ negeri | 1 |
| | C1 Melayu, Cina, India/ pantai timur, pantai barat/ Semenanjung, Sabah, Sarawak | 1 |
| | F2 Melancarkan strategi Serampang Dua Mata | 1 |
| | H2 Membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan/ peluang pekerjaan kepada semua kaum | 1 |
| | C2 Perniagaan/ industri | 1 |
| | F3 Menyusun semula masyarakat | 1 |
| | H3 Mengurangkan/ menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi | 1 |
| | C3 Melayu (petani)/ Cina (peniaga)/ India (buruh) | 1 |
| | F4 Meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar | 1 |
| | H4 Fokus kepada penduduk miskin menerusi Gerakan Koperasi | 1 |
| | C4 Petani/ nelayan/ pekebun/ buruh/ penduduk kampung baharu | 1 |
| | F5 Penerokaan tanah baharu | 1 |
| | H5 Memberi pelbagai bentuk bantuan nasihat/ subsidi | 1 |
| | C5 Benih dan baja/ kemudahan kredit/ pemasaran/ pusat kemajuan peladang/ peralatan pertanian | 1 |
| | F6 Meningkatkan taraf hidup penduduk bandar | 1 |
| | H6 Memajukan pelbagai industri dan perniagaan/ menambah peluang pekerjaan/ meningkatkan pendapatan/ menyediakan kemudahan asas | 1 |
| | C6 Pendidikan/ biasiswa/ buku teks percuma/ makanan tambahan/ rumah murah/ bekalan air dan elektrik/ jala | 1 |
| | F7 Menubuhkan pelbagai agensi kerajaan yang boleh mempelbagaikan kegiatan ekonomi | 1 |
| | H7 Memberi bantuan penanaman semula/ menstabilkan harga padi/ memodenkan industri perikanan | 1 |
| | C7 LPN/ LPP/ LKIM/ RISDA | 1 |
| | F8 Membuka tanah baharu untuk pertanian secara teratur melalui FELDA | 1 |
| | H8 Bekerjasama dengan Yayasan Sabah/ SALCRA/ memindahkan penduduk luar bandar ke tanah rancangan FELDA | 1 |
| | C8 Jengka/ Palong/ Wilayah Sahabat/ Umas | 1 |
| | F9 Peneroka diberi tanah untuk kediaman/ tanaman | 1 |
| | H9 Kemudahan asas disediakan | 1 |
| | C9 Klinik/ sekolah/ pengangkutan/ koperasi/ getah/ kelapa sawit | 1 |
| | F10 Pembangunan wilayah dilaksanakan | 1 |
| | H10 Industri getah/ kelapa sawit | 1 |
| | C10 KEJORA/ KETENGAH/ DARA/ KESEDAR | 1 |
| | F11 Penubuhan UDA | 1 |
| | H11 Membuka bandar baharu/ membangunkan industri | 1 |
| | C11 Bandar Tun Hussein Onn/ Bandar Baru UDA | 1 |
| | F12 Menambah modal saham bumiputera dalam sektor korporat | 1 |
| | H12 Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera | 1 |
| | C12 Menubuhkan PNB | 1 |
| | F13 Melancarkan amanah saham | 1 |
| | H13 Memudahkan bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad | 1 |
| | C13 ASN/ ASB/ Amanah Saham Malaysia untuk kaum bukan bumiputera | 1 |
| | F14 Memperkenalkan IKS | 1 |
| | H14 Menambah daya pengeluaran/ pendapatan penduduk | 1 |
| | C14 Makanan/ pakaian/ kraf/ inap desa | 1 |
| | F15 Memberi pinjaman/ insentif/ nasihat melalui bank | 1 |
| | H15 Modal menjalankan perusahaan/ perniagaan | 1 |
| | C15 Bank Bumiputra/ Perbadanan Nasional/ Bank Pertanian Malaysia/ AIM | 1 |
| | F16 Melahirkan tenaga kerja mahir | 1 |
| | H16 Untuk memenuhi keperluan perindustrian dan pertanian | 1 |
| | C16 Menyediakan latihan kemahiran sejak di bangku sekolah/ memperkenalkan mata pelajaran kemahiran | 1 |
| | F17 Pendidikan menengah dibahagikan kepada akademik dan vokasional | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H17 Menawarkan kursus pelbagai bidang untuk memenuhi keperluan | 1 |
| | C17 Menubuhkan sekolah teknik/ vokasional/ politeknik/ Maktab Perguruan Teknik/ UTM/ UiTM | 1 |
| | F18 Rancangan Buku Hijau | 1 |
| | H18 Menambah pendapatan rakyat/ pengeluaran makanan/ penggunaan tanah sepenuhnya | 1 |
| | C18 Tanaman jangka pendek/ perkebunan berkelompok/ penternakan/ pemasaran/ projek kecil | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DEB sehingga tahun 1990. | |
| | [*Mana-mana* 9 × 1*m*] | [*Maksimum*: 9 *markah*] |
| **8**(*c*) *KBAT* | Maklumat yang diperoleh: | |
| | F1 Pengagihan kekayaan negara tidak menyeluruh | 1 |
| | F2 Kemajuan antara wilayah tidak seimbang | 1 |
| | F3 Melebarkan jurang antara golongan kaya dengan miskin | 1 |
| | F4 Yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin | 1 |
| | F5 Jurang pendapatan antara kaum/ bandar dengan luar bandar ketara | 1 |
| | F6 Orang Cina menjalankan perniagaan/ pendapatan tinggi berbanding orang Melayu dan bumiputera menjalankan pertanian tradisional berpendapatan rendah | 1 |
| | Kesan sekiranya tidak di atasi: | |
| | F7 Mewujudkan situasi bahaya terhadap negara | 1 |
| | F8 Perasaan iri hati antara kaum terhadap kaum lain | 1 |
| | F9 Perpaduan kaum akan tergugat | 1 |
| | F10 Menyebabkan negara terjejas | 1 |
| | F11 Kemajuan antara wilayah tidak seimbang | 1 |
| | F12 Taraf kehidupan rakyat berbeza-beza | 1 |
| | F13 Menjejaskan imej negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya tidak diatasi. Calon perlu mencari maklumat melalui petikan tersebut dan memberikan pendapat sekiranya isu tersebut tidak dapat diatasi. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 194–195* | FI Hubungan dengan pelbagai kerajaan di rantau dan di luar Alam Melayu | 1 |
| | F2 Berbentuk diplomatik dengan menghantar utusan | 1 |
| | F3 China/ Ryukyu/ Siam/ Makassar/ Pasai/ Turki | 1 |
| | F4 Hubungan perdagangan dengan wilayah/ kerajaan yang menguntungkan | 1 |
| | F5 Yaman/ Pegu/ Luzon/ Gujerat/ Koromandel/ Parsi/ Bengal/ Turki/ Mesir/ China | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan hubungan luar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **9**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 197* | F1 Ikatan sejarah | 1 |
| | H1 Dengan negara serantau/ antarabangsa | 1 |
| | C1 Singapura/ Indonesia/ Thailand/ Brunei/ Filipina/ Myanmar/ China/ India | 1 |
| | F2 Ikatan keagamaan | 1 |
| | H2 Hubungan dengan negara Islam yang terjalin sejak lama | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | C2 Mesir/ Arab Saudi/ Yaman/ Turki | 1 |
| | F3 Pengalaman sejarah | 1 |
| | H3 Hubungan dengan negara bekas jajahan British Komanwel | 1 |
| | C3 Britain/ Kanada/ India/ Australia | 1 |
| | F4 Kepentingan nasional | 1 |
| | H4 Mengutamakan manfaat/ keuntungan terhadap negara | 1 |
| | C4 Keamanan/ keselamatan rakyat/ ekonomi | 1 |
| | F5 Kepimpinan | 1 |
| | H5 Kebijaksanaan/ kepekaan terhadap perkembangan pada peringkat antarabangsa | 1 |
| | C5 Perubahan daripada hanya hubungan dengan negara maju kepada hubungan dengan negara membangun/ Afrika dan Pasifik Selatan | 1 |
| | F6 Persekitaran luar | 1 |
| | H6 Bergantung kepada perubahan politik/ ekonomi /sosial antarabangsa | 1 |
| | C6 Daripada probarat kepada tidak berpihak/ berkecuali | 1 |
| | F7 Kepentingan ekonomi | 1 |
| | H7 Pasaran bebas/ pasaran bahan mentah/ pasaran modal/ pelaburan | 1 |
| | C7a Negara maju/ negara membangun | 1 |
| | C7b Getah/ bijih timah/ barangan kilang | 1 |
| | F8 Faktor politik | 1 |
| | H8 Demokrasi Berparlimen/ bebas menentukan hala tuju/ keamanan sejagat | 1 |
| | C8 Menyokong Palestin/ menentang dasar Aparteid | 1 |
| | F9 Faktor geografi | 1 |
| | H9 Kedudukan strategik/ bersempadan dengan kebanyakan negara/ laluan kapal dagang dunia | 1 |
| | C9a Singapura/ Thailand/ Indonesia/ Filipina/ Brunei | 1 |
| | C9b Selat Melaka/ Laut China Selatan | 1 |
| | F10 Faktor demografi | 1 |
| | H10 Rakyat pelbagai kaum/ perpaduan kaum/ hak asasi manusia | 1 |
| | C10 Tiada hubungan dengan Israel/ Afrika Selatan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan faktor penggubalan dasar luar negara Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 9 × 1*m*] | [*Maksimum*: 9 *markah*] |
| **9**(*c*) KBAT | F1 Elakkan daripada terjebak dalam pertikaian | 1 |
| | F2 Dalam masa yang sama hak negara mesti dipertahankan | 1 |
| | F3 Gunakan saluran diplomatik | 1 |
| | F4 Untuk membuat bantahan/ menyuarakan pandangan dalam pertubuhan antarabangsa/ PBB/ NAM | 1 |
| | F5 Hal ini dapat meneruskan hubungan baik dengan kedua-dua pihak | 1 |
| | F6 Pemimpin perlu menyatakan pendirian tegas untuk melindungi hak negara | 1 |
| | F7 Perlu menggesa kedua-dua kuasa menghormati undang-undang antarabangsa dan kedaulatan negara lain | 1 |
| | F8 Meneruskan hubungan perdagangan/ kerjasama ekonomi | 1 |
| | F9 Menjamin kemakmuran negara dan rakyat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan cara untuk menangani situasi di mana kapal-kapal perang China dan Amerika sedang berlegar di Laut China Selatan sehingga dikatakan mengganggu kerja penggalian minyak oleh Petronas menerusi pandangan dan peranan seorang pemimpin. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022 (SEPTEMBER)

### KERTAS 1

1 **B**
**Ulasan:** Peribahasa tersebut mempunyai kaitan dengan hubung kait antara pemerintah dengan rakyat. Rakyat bertanggungjawab untuk taat setia dan patuh kepada arahan pemerintah. Di samping itu, rakyat berperanan untuk menjadi tentera, menghadiri majlis umum seperti gotong-royong, menjadi pendayung dan menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 13*

2 **A**
**Ulasan:** Kesultanan Melayu Melaka meluaskan pengaruhnya melalui taklukan atau peperangan seperti Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar. Selain itu, melalui naungan, iaitu wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka melalui perkahwinan atau persahabatan seperti Lingga, Patani dan Kedah.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

3 **A**
**Ulasan:** Isu kasut di Burma telah membangkitkan semangat nasionalisme masyarakat Burma terutama daripada golongan pertengahan berpendidikan Barat yang membentuk persatuan seperti Persatuan Belia Buddha (1906). Perbuatan orang British ini dianggap mencemari kesucian agama Buddha.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 28–29*

4 **A**
**Ulasan:** Melalui Perjanjian Versailles, Jerman dikehendaki bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang, membayar pampasan, menghadkan saiz tentera dan menyerahkan wilayah dan tanah jajahannya. Walau bagaimanapun, kemunculan ideologi nazisme pimpinan Adolf Hitler telah menyebabkan Jerman mengetepikan Perjanjian Versailles dengan membina angkatan tentera Jerman untuk mendapatkan kembali tanah jajahan Jerman.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58*

5 **A**
**Ulasan:** Pada peringkat awal Kesatuan Melayu Muda (KMM) bekerjasama dengan Jepun kerana berharap Jepun akan memberi kemerdekaan terhadap Tanah Melayu. Hal ini kerana kejayaan tentera Jepun mengalahkan British menyedarkan orang Melayu bahawa negara daripada Asia juga mampu mengalahkan kusa Barat.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 80*

6 **C**
**Ulasan:** Leftenan Adnan Saidi dan Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC merupakan tokoh daripada Rejimen Askar Melayu yang menentang Jepun. Leftenan Adnan menonjolkan keberanian dan sanggup berkorban untuk tanah air semasa pertempuran di Bukit Candu. Manakala Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC pula menyelamatkan hampir 2000 orang tentera Bersekutu yang terperangkap di kawasan pantai Johor. Beliau juga dianugerahi pingat Military Cross.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 74*

7 **B**
**Ulasan:** Pemerintahan British Military Administration (BMA) bermula apabila Jepun menyerah kalah pada 1945. Tugas BMA adalah mengembalikan kestabilan dan keamanan negara dan memulihkan kepercayaan rakyat.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 94*

8 **A**
**Ulasan:** Perjuangan menentang Malayan Union menunjukkan kekuatan semangat juang dan penyatuan orang Melayu. Menerusi laporan Gammans dan Rees Williams, mereka menyokong penuh terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu kerana bantahan terhadap Malayan Union membuka mata British tentang keburukan Malayan Union.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 106*

9 **A**
**Ulasan:** Isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah sebuah persekutuan dibentuk dengan gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan yang mana membolehkan Majlis Raja-Raja memberikan pandangan dalam perkara tertentu. Pesuruhjaya Tinggi dibantu oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan pada peringkat persekutuan, manakala pada peringkat negeri dibantu oleh Dewan Perundangan Negeri. Hal ini menunjukkan terdapat pembahagian kuasa. Syarat kerakyatan diperketatkan. Kerakyatan *jus soli* hanya diberi kepada rakyat Raja dan rakyat British.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 134–135*

**10 D**

**Ulasan:** Gabungan PUTERA-AMCJA telah menolak Perjanjian Persekutuan kerana membantah Jawatankuasa Kerja yang tidak mempunyai wakil bukan Melayu. Gabungan ini menganggap Perlembagaan Persekutuan sebagai tidak demokratik, mengukuhkan British dan perkauman.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 128*

**11 A**

**Ulasan:** Komunis telah mencetuskan huru-hara di seluruh negara agar penduduknya hilang keyakinan terhadap British. Antara tindakan komunis ialah melumpuhkan ekonomi, merosakkan infrastruktur, mengancam keselamatan penduduk dan pasukan keselamatan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 14*

**12 D**

**Ulasan:** Perisytiharan darurat dilaksanakan setelah komunis membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah, iaitu Arthur Walker, John Allison, pengurus Ladang Phin Soon dan pembantunya Ian Cristian.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148*

**13 D**

**Ulasan:** Sistem Ahli dapat menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Selain itu, memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui negara sebelum merdeka. Sistem Ahli juga penting untuk memupuk perpaduan kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pelbagai kaum.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179*

**14 A**

**Ulasan:** Semasa pentadbiran British, sistem persekolahan berkembang mengikut kaum. Terdapat sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil, di samping sekolah beraliran agama dan Inggeris.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 180*

**15 D**

**Ulasan:** Pilihan raya peringkat negeri, 1954 dapat dilihat bahawa Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi. Hal ini menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum dalam politik negara kita pada masa itu.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 197*

**16 D**

**Ulasan:** Pilihan Raya Umum 1954 merupakan perintis kepada ke arah kemerdekaan. Rundingan untuk memilih Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) telah dijalankan dan disepakati. Dua bentuk penyusunan MPP telah dicadangkan. Perbincangan dan kesepakatan yang mereka peroleh telah menyetujui 52 orang ahli MPP akan dipilih melalui pilihan raya. Oleh itu, nilai yang boleh diambil daripada peristiwa ini adalah permuafakatan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 203, KBAT*

**17 B**

**Ulasan:** Rombongan kemerdekaan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau merancang perjalanan ke Karachi mengikut jalan laut. Tujuannya adalah untuk menyusun strategi dan perbincangan semasa pelayaran.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 217*

**18 C**

**Ulasan:** Proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menekankan sikap keterbukaan dengan menerima pandangan daripada pelbagai pihak agar negara kekal maju dan harmoni.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222–223, KBAT*

**19 C**

**Ulasan:** Tunku Abdul Rahman telah diarak di Padang Banda Hilir Melaka setelah tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka. Mereka telah berkumpul untuk mendengar perisytiharan tarikh kemerdekaan, iaitu pada 31 Ogos 1957.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 219*

**20 A**

**Ulasan:** Jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan ditubuhkan untuk menonjolkan identiti negara dan memastikan sambutan kemerdekaan ini disambut dengan meriah. Antara yang disediakan oleh jawatankuasa persediaan fizikal ialah Stadium Merdeka, Istana Negara, Lagu *Negaraku*, Bendera Persekutuan Tanah Melayu, Jata Negara dan bunga raya. Bagi jawatankuasa sambutan, bangunan dihiasi dengan lampu untuk memeriahkan suasana, menteri memakai pakaian khas iaitu "baju muskat", kursus protokol dan pemberian gaji seminggu awal.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 236–237*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

21 **C**
**Ulasan:** Konsep kedaulatan tradisional ialah negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu. Raja menjadi pemerintah yang mempunyai kuasa mutlak dan diperkukuh oleh taat setia rakyat.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 6*

22 **B**
**Ulasan:** Ciri negara berdaulat mesti mempunyai pemerintahan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi. Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan yang mengamalkan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Selain itu, mempunyai sempadan yang memisahkan antara negara dan negeri seperti Thailand yang berkongsi sempadan darat, air dan udara. Seterusnya mempunyai perundangan yang menjadi asas peraturan negara untuk memelihara kesejahteraan. Asas perundangan adalah Perlembagaan Persekutuan. Akhir sekali ialah mempunyai rakyat yang merupakan penduduk dalam sebuah negara. Rakyat terikat dengan undang-undang daripada pemerintah.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8–9*

23 **C**
**Ulasan:** Menurut Ibnu Khaldun, kedaulatan merupakan kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya. Semangat ini diiringi dengan kekuatan semangat beragama menyebabkan rela berkorban demi cita-cita yang sama.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 5*

24 **A**
**Ulasan:** Charter of Justice diperkenalkan di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 24*

25 **D**
**Ulasan:** Majlis Raja-Raja berfungsi sebagai memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, memberi persetujuan atau tidak berkenaan perkara yang memerlukan persetujuan, memberi nasihat tentang pelantikan jawatan tertentu, menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum lain, menjadi lembaga pengampunan, memperkenan perubahan sempadan negeri, dan memperkenan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 44–45*

26 **C**
**Ulasan:** Penyelarasan pentadbiran dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri serta majlis khas. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan. Hal ini dapat menjamin sistem Persekutuan dapat beroperasi dengan berkesan.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 80–81*

27 **D**
**Ulasan:** British bercadang untuk menyatukan wilayah penguasaannya di Asia Tenggara di bawah satu pentadbiran dan ekonomi. Hal ini memudahkan British melaksanakan pentadbiran.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 90*

28 **D**
**Ulasan:** 20 Januari 1963, Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia. Indonesia menganggap Malaysia merupakan satu neokolonialisme (peluasan pengaruh politik oleh sebuah negara besar terhadap negara lain). Antara tindakan Indonesia ialah pendaratan tentera Indonesia di Johor, Sarawak dan Sabah, melancarkan "Ganyang Malaysia", melancarkan serangan gerila dan berbalas tembakan dengan tentera Indonesia.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 106–107*

29 **A**
**Ulasan:** Cabaran utama bagi Malaysia ialah dalam bidang pembangunan ekonomi terutamanya di Sarawak dan Sabah. Selain itu, Malaysia juga menghadapi isu dalam persaingan politik yang boleh menggugat perpaduan kaum.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 116–118*

30 **A**
**Ulasan:** Lee Kuan Yew telah menuntut hak sama rata untuk semua kaum melalui kempen Malaysian Malaysia. Ia telah menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk. Beliau juga tidak berpuas hati dengan peranan Singapura yang terhad. Ini telah menjadi faktor pemisah antara Singapura dan Malaysia.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*

31 **B**
**Ulasan:** Kesan daripada tindakan Lee Kuan Yew yang inginkan persamaan taraf telah menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk. Oleh itu, Tunku

Abdul Rahman telah mengambil keputusan untuk membawa usul pemisahan Singapura ke Parlimen setelah rundingan dan perbincangan tidak mencapai kata sepakat. Pada 7 Ogos 1965, Singapura telah keluar daripada Malaysia.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*

**32** **C**

**Ulasan:** Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan antara tindakan kerajaan dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. UKM telah memperkenalkan pelbagai jurusan yang berkaitan dengan bidang bahasa Melayu, penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) yang kemudian diubah menjadi Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), dan melakukan penyelidikan. DBP pula berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi melalui penerbitan buku dan majalah, penganjuran aktiviti dan bulan bahasa.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 149*

**33** **B**

**Ulasan:** Laporan Rahman Talib menjadi asas kepada penggubalan Akta Pelajaran 1961. Laporan ini masih mengekalkan sistem pendidikan sebagai teras perpaduan dan integrasi. Antaranya ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat pendidikan untuk mewujudkan perpaduan. Selain itu, mewujudkan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara kita di semua jenis sekolah.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 145*

**34** **A**

**Ulasan:** Matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan melalui peluang pekerjaan yang banyak tanpa mengira kaum. Selain itu, menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 167*

**35** **D**

**Ulasan:** Pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional telah mewujudkan kawasan perindustrian baharu yang memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas, iaitu kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif. Tujuannya untuk menarik pengusaha melabur dan merangsang ekonomi kawasan sekitarnya seperti Sime Darby Berhad, Axiata Group Berhad dan Proton Holding Berhad.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 186*

**36** **D**

**Ulasan:** Malaysia mengambil pendirian berkenaan dengan isu dasar Aparteid melalui Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel kerana dasar ini menyalahgunakan isu hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 207*

**37** **C**

**Ulasan:** Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN pada 1971 telah menetapkan Deklarasi Zone of Peace Freedom and Neutrality atau Zon Aman Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Deklarasi ini merupakan langkah Malaysia menjalinkan hubungan dengan China. Selain itu, Malaysia menjadikan ASEAN sebagai satu platform perubahan dasar luar antaranya mendapat pengiktirafan daripada kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Rusia dan China.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210*

**38** **B**

**Ulasan:** Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) diwujudkan bagi meningkatkan ekonomi ASEAN terutamanya Malaysia melalui pasaran dan perdagangan antarabangsa. AFTA dapat menjadikan kawasan ASEAN sebagai tempat produksi yang kompetitif bagi hasil keluaran negara ASEAN. Satu bentuk kerjasama ekonomi dalam kalangan ASEAN dapat dilaksanakan terutama untuk mengurangkan sekatan dan halangan perdagangan seperti cukai dan tarif. Melalui AFTA juga Malaysia meminta agar layanan yang saksama diberikan kepada semua negara bagi mengurangkan dominasi negara maju.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 230*

**39** **D**

**Ulasan:** Kepulauan Spratly menjadi rebutan antara Malaysia, China, Vietnam, Brunei dan Filipina. Kedudukan Kepulauan Spratly yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara penting dari sudut geostrategik dan aspek perdagangan. Hal ini yang menyebabkan Kepulauan Spratly menjadi rebutan. Isu ini belum selesai sehingga sekarang.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 227*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**40** **D**

**Ulasan:** Isu pelepasan gas rumah hijau menjadi agenda penting dalam Sidang Kemuncak Bumi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana ia menunjukkan kesungguhan Malaysia dalam memulihara alam sekitar. Hal ini penting supaya pembangunan yang dilaksanakan tidak menjejaskan alam sekitar dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

*Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 239*

## KERTAS 2

### Bahagian A

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6–7* | **X** Undang-undang<br>**Y** Lambang kebesaran<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki melengkapkan dua ciri pembentukan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 8–9* | F1 Dikenali Pembesar Empat Lipatan<br>F2 Sultan Melaka memberikan kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah/ sungai/ pulau kepada Pembesar Berempat<br>F3 Setiap kawasan pentadbiran ini dikenal sebagai kawasan pegangan<br>F4 Sistem pentadbiran tersusun dan berhierarki<br>F5 Sultan mengetuai pemerintahan<br>F6 Mempunyai kuasa dalam segala aspek/ pemerintahan/ peperangan/ hubungan diplomatik/ agama<br>F7 Pembesar Berempat/ Bendahara/ Penghulu Bendahari/ Temenggung/ Laksamana Pembesar lain yang membantu dalam pentadbiran/ Syahbandar/ Bentara/ Orang Kaya/ Hulubalang/ Penghulu<br>F8 Terbahagi kepada dua, iaitu pentadbiran pusat dan peringkat jajahan<br>F9 Hubungan dan persefahaman dua hala antara sultan dengan pembesar<br>F10 Mewujudkan proses pentadbiran yang sempurna mengelakkan sebarang tindakan sewenang-wenangnya oleh pemerintah<br>F11 Bendahara sebagai ketua pentadbir/ ketua turus angkatan tentera/ menasihati sultan dalam pelbagai hal/ menjadi pemangku sultan<br>F12 Mempunyai sistem kewangan yang teratur<br>F13 Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan secara teratur<br>F14 Syahbandar mengutip cukai di pelabuhan<br>F15 Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan<br>F16 Hasil perbendaharaan akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan/ membeli senjata/ membina istana<br>F17 Mempunyai sistem keselamatan yang kemas<br>F18 Menjaga keamanan di darat/ di laut<br>F19 Temenggung dilantik menjaga keamanan di Kota Melaka<br>F20 Laksamana sebagai panglima angkatan laut Melaka<br>F21 Pada peringkat jajahan, pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di kampung/ daerah<br>F22 Pembesar dilantik oleh sultan/ Pembesar Berempat<br>F23 Peranan mereka menjaga keamanan/ mengutip cukai<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Kestabilan politik negara terjamin<br>F2 Pentadbiran negara berjalan lancar<br>F3 Kesepakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum<br>F4 Keamanan negara dikecapi<br>F5 Dasar negara dapat dilaksanakan<br>F6 Kedaulatan negara dikekalkan<br>F7 Mewujudkan negara stabil<br>F8 Membentuk ekonomi maju<br>F9 Pendapatan negara bertambah<br>F10 Pembangunan lancar<br>F11 Rakyat sejahtera<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk menjelaskan sebab sebuah negara memerlukan sistem pentadbiran yang mantap.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54* | F1 Jerman<br>F2 Austria-Hungary<br>F3 Bulgaria<br>F4 Uthmaniyah<br>F5 Britain<br>F6 Perancis<br>F7 Rusia<br>F8 Serbia<br>F9 Itali<br>F10 Romania<br>F11 Portugal<br>F12 Greece<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan dua negara yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 54* | F1 Persaingan kuasa imperialis<br>H1a Perkembangan Revolusi Industri<br>H1b Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan<br>H1c Bagi memperoleh bahan mentah<br>H1d Seperti arang batu/ petroleum/ bijih timah<br>H1e Serta memasarkan hasil industri<br>H1f Membawa kepada permusuhan antara kuasa imperialis di Eropah<br>H1g Seperti Perancis/ Jerman<br>F2 Pakatan ketenteraan<br>H2a Muncul disebabkan oleh permusuhan antara kuasa Eropah<br>H2b Seperti Pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga<br>H2c Pakatan Kuasa Tengah terdiri daripada Jerman/ Austria-Hungary<br>H2d Pakatan ini kemudiannya disertai oleh Bulgaria/ empayar Uthmaniyah<br>H2e Pakatan Bertiga terdiri daripada Britain/ Perancis/ Rusia<br>H2f Pakatan ini disokong oleh Serbia/ Itali/ Romania/ Portugal/ Greece<br>H2g Negara turut bersaing menghasilkan senjata moden<br>H2h Dan sedia berperang<br>H2i Bagi mempertahankan kepentingan masing-masing<br>F3 Krisis rantau Balkan<br>H3a Berlaku akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia<br>H3b Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb<br>H3c Supaya berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria Hungary | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H3d Kemuncak krisis pembunuhan Archduke Ferdinand/ Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya oleh pemuda Serbia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab atau faktor Perang Dunia Pertama. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*c*) *KBAT* | F1 Menyelesaikan sebarang bentuk masalah di meja rundingan/ perbincangan | 1 |
| | F2 Menghentikan perlumbaan mencipta senjata/ nuklear/ bom atom yang boleh merosakkan keamanan dunia | 1 |
| | F3 Memupuk semangat saling bekerjasama antara satu sama lain | 1 |
| | F4 Mengamalkan sikap tolong-menolong/ bantu-membantu | 1 |
| | F5 Contohnya negara yang dilanda musibah/ bencana/ kebuluran/ kemiskinan/ Tsunami di Acheh/ kebuluran di Afrika/ kemiskinan di negara dunia ketiga | 1 |
| | F6 Sentiasa meningkatkan diri dengan ilmu dan kemahiran supaya setanding dengan negara maju | 1 |
| | F7 Pemimpin dan rakyat berfikiran matang dalam membuat sebarang bentuk keputusan/ perbincangan | 1 |
| | F8 Bersikap terbuka dalam menerima pendapat orang lain | 1 |
| | F9 Mempertingkat hubungan diplomatik yang boleh mengeratkan hubungan persahabatan | 1 |
| | F10 Melalui hubungan dagangan dua hala/ pertukaran teknologi/ kepakaran aktiviti sukan dan pendidikan dan sebagainya | 1 |
| | F11 Mengadakan kempen kesedaran tentang resolusi keamanan dunia melalui media sosial/ penulisan dan sebagainya | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara untuk generasi muda mengelakkan daripada berlakunya peperangan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 4* | F1 Kekuasaan tertinggi | 1 |
| | F2 Kewibawaan sesebuah negara yang bebas | 1 |
| | F3 Berhak untuk melaksanakan pentadbiran negara | 1 |
| | **Bahasa Melayu** | |
| | F4 Daulat | 1 |
| | F5 Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara | 1 |
| | F6 Kewibawaan sesebuah negara yang bebas | 1 |
| | F7 Hak untuk melaksanakan pemerintahan/ pentadbiran | 1 |
| | **Bahasa Arab** | |
| | F8 *Daulah* | 1 |
| | F9 Kuasa pemerintahan sesebuah negara | 1 |
| | **Bahasa Yunani** | |
| | F10 *Supernuus*/ *superanus*/ agung/ tertinggi | 1 |
| | F11 Negara yang bebas | 1 |
| | F12 Negara yang merdeka | 1 |
| | **Bahasa Inggeris** | |
| | F13 Kedaulatan ialah *sovereignty* | 1 |
| | F14 Negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maksud daulat. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s.8–9* | F1 Mempunyai pemerintahan | 1 |
| | F2 Diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik/ keamanan/ pertahanan/ ekonomi | 1 |
| | F3 Pemerintahan dijalankan secara teratur | 1 |
| | F4 Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan | 1 |
| | F5 Malaysia mengamalkan Demokrasi Berparlimen | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F6 Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F7 Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri | 1 |
| | F8 Mempunyai sempadan | 1 |
| | F9 Sempadan merupakan garis pemisah antara negeri dan negara | 1 |
| | F10 Malaysia berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran | 1 |
| | F11 Sempadan diakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu | 1 |
| | F12 Penetapan sempadan memudahkan urusan pentadbiran | 1 |
| | F13 Mempunyai perundangan | 1 |
| | F14 Perundangan menjadi asas peraturan negara | 1 |
| | F15 Perundangan penting dalam memelihara kesejahteraan negara | 1 |
| | F16 Sistem perundangan negara berpandukan Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | F17 Parlimen menggubal sistem perundangan negara | 1 |
| | F18 Mempunyai rakyat | 1 |
| | F19 Rakyat merupakan penduduk sesebuah negara | 1 |
| | F20 Rakyat terikat pada undang-undang | 1 |
| | F21 Rakyat terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat | 1 |
| | F22 Disatukan melalui satu bahasa/ budaya/ identiti nasional | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan ciri-ciri negara berdaulat. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Kemasukan secara tidak sah | 1 |
| | H1 Tiada tapisan di pintu sempadan | 1 |
| | F2 Bergerak bebas | 1 |
| | H2 Pelbagai sektor pekerjaan | 1 |
| | C2 Pembinaan dan pertanian | 1 |
| | F3 Tanpa identiti diri yang jelas | 1 |
| | C3 Penjenayah/ pengganas/ pemerdagangan manusia | 1 |
| | F4 Jenayah akan meningkat | 1 |
| | C4 Bermaharajalela di Pasar Borong Selayang | 1 |
| | F5 Membina petempatan haram/ komuniti sendiri | 1 |
| | F6 Kesannya mengancam kestabilan politik | 1 |
| | F7 Mengancam keselamatan rakyat dan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki untuk menjelaskan kesan isu pelarian Rohingya yang mengancam kedaulatan negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 159* | F1 Kepercayaan kepada Tuhan | 1 |
| | F2 Kesetiaan kepada raja dan negara | 1 |
| | F3 Keluhuran perlembagaan | 1 |
| | F4 Kedaulatan undang-undang | 1 |
| | F5 Kesopanan dan kesusilaan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan dua prinsip Rukun Negara. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 158* | F1 Memelihara corak hidup demokratik | 1 |
| | H1a Perlembagaan menjamin kebebasan hak asasi | 1 |
| | H1b Kepentingan negara hendaklah diutamakan berbanding dengan kepentingan sesuatu kaum | 1 |
| | F2 Mencapai perpaduan masyarakat | 1 |
| | H2a Tanpa mengira kaum dan kepercayaan | 1 |
| | H2b Setia dan cinta akan negara | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F3 Membentuk masyarakat liberal | 1 |
| | H3a Bebas mengamalkan agama, adat dan budaya | 1 |
| | H3b Mencipta satu masyarakat yang menjadi sumber kekuatan kepada bangsa dan negara | 1 |
| | F4 Mencipta masyarakat adil | 1 |
| | H4a Peluang yang sama menikmati kekayaan negara | 1 |
| | H4b Pihak yang lemah dibantu supaya mendapat peluang yang sama | 1 |
| | F5 Membina masyarakat progresif | 1 |
| | H5a Maju dalam sains dan teknologi selari dengan globalisasi | 1 |
| | H5b Menjadi negara maju/ Wawasan 2020 | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab Rukun Negara digubal yang juga merupakan matlamat pembentukan Rukun Negara. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*) *KBAT* | F1 Rakyat yang mempunyai pegangan agama mudah diurus | 1 |
| | H1a Menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab | 1 |
| | H1b Saling menghormati dan bertoleransi | 1 |
| | F2 Menghormati institusi beraja | 1 |
| | H2a Simbol penyatuan rakyat | 1 |
| | H2b Pelindung hak istimewa peribumi | 1 |
| | H2c Penderhakaan kepada raja bermaksud penderhakaan kepada negara | 1 |
| | F3 Mematuhi/ mempertahan kemuliaan perlembagaan | 1 |
| | H3 Tidak melakukan kesalahan undang-undang | 1 |
| | F4 Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai murni | 1 |
| | H4 Melambangkan keperibadian seseorang individu | 1 |
| | F5 Kesannya, mewujudkan keamanan/ keharmonian negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sikap rakyat sekiranya mereka menghayati prinsip Rukun Negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96–100* | F1 Tanah Melayu menjadi tanah jajahan mutlak British | 1 |
| | F2 Sultan kehilangan kedaulatan dan kuasa politik | 1 |
| | F3 Merugikan dan mengancam masa depan orang Melayu | 1 |
| | F4 Kerakyatan secara *jus soli*/ semua yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura | 1 |
| | F5 Pegawai British mendapatkan tandatangan sultan secara paksaan | 1 |
| | F6 Menghapuskan taraf negeri naungan | 1 |
| | F7 Tanah Melayu menjadi kesatuan | 1 |
| | F8 Kerajaan negeri terjejas | 1 |
| | F9 Menghapuskan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| | F10 *Status quo*/ hak istimewa Melayu tergugat | 1 |
| | F11 Raja hanya berkuasa dalam hal ehwal Islam/ ahli biasa dalam Malayan Union | 1 |
| | F12 Sultan tidak diberi masa berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri | 1 |
| | F13 Semangat setia kawan | 1 |
| | F14 Masa tidak sesuai membuat perubahan politik | 1 |
| | F15 Kedudukan agama Islam tercabar | 1 |
| | F16 Pentadbiran diambil alih oleh Gabenor | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab orang Melayu menentang pembentukan Malayan Union. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 5(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 100–106* | F1 Bantahan melalui akhbar | 1 |
| | H1a Menyuarakan bantahan dengan keras/ mengecam/ mengutuk Malayan Union kerana merugikan orang Melayu | 1 |
| | H1b Akhbar *Utusan Melayu*/ *Majlis*/ *Warta Negara* | 1 |
| | H1c Menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran | 1 |
| | H1d Melaporkan perkembangan berita tentang penentangan orang Melayu | 1 |
| | F2 Bantahan daripada cendekiawan | 1 |
| | H2a Pemimpin/ tokoh pentadbir Melayu | 1 |
| | H2b Dato' Onn Jaafar/ Dato Nik Ahmad Kamil/ Za'ba/ Dato' Hamzah Abdullah | 1 |
| | H2c Bantahan wanita | 1 |
| | H2d Cikgu Zaharah Abdullah/ Halimahton Abd Majid/ Saleha Mohd Ali | 1 |
| | H2e Merupakan benteng barisan hadapan menggembleng tenaga bersama kaum lelaki menunjukkan bantahan | 1 |
| | F3 Bantahan persatuan Melayu | 1 |
| | H3a SABERKAS/ Persatuan Melayu Kedah/ Perikatan Melayu Perak/ Persatuan Melayu Selangor | 1 |
| | H3b Menghimpunkan orang Melayu dari seluruh negara untuk membantah Malayan Union | 1 |
| | H3c Menjadi penggerak menganjurkan rapat umum | 1 |
| | H3d Membantah tindakan MacMichael mendapatkan tandatangan | 1 |
| | F4 Bantahan negeri Kelantan/ Kedah/ Johor | 1 |
| | H4a Pemimpin persatuan Melayu dan sultan | 1 |
| | H4b Bekerjasama mengadakan bantahan dengan berhimpun dan berarak | 1 |
| | F5 Mengadakan Kongres Melayu | 1 |
| | H5a Za'ba mencadangkan penubuhan sebuah badan induk | 1 |
| | H5b Bagi menentang Malayan Union secara tersusun | 1 |
| | H5c Pemimpin/ cendekiawan Melayu bersetuju menganjurkan Kongres Melayu | 1 |
| | H5d Diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur | 1 |
| | H5e Persetujuan dicapai untuk menubuhkan UMNO bagi menentang Malayan Union | 1 |
| | H5f Orang Melayu berhimpun memakai lilitan kain putih sebagai tanda berkabung | 1 |
| | F6 Bantahan UMNO | 1 |
| | H6a Menganjurkan bantahan besar-besaran di seluruh negara/ tunjuk perasaan | 1 |
| | H6b Diadakan di bandar-bandar besar | 1 |
| | H6c Alor Setar, Kedah/ Padang Francis Light School, Pulau Pinang/ Ipoh, Perak/ Kampung Baru, Kuala Lumpur/ Seremban, Negeri Sembilan/ Klang, Selangor | 1 |
| | F7 Raja-raja Melayu membawa kes ke Mahkamah Tinggi England | 1 |
| | H7 Menurut sistem perundangan British, MacMichael mendapatkan tandatangan daripada Raja-raja Melayu dengan cara yang tidak sah | 1 |
| | F8 Sultan Kedah, Perak dan Johor menghantar surat bantahan ke London | 1 |
| | H8 Raja-raja mendakwa diugut dan dipaksa | 1 |
| | F9 Raja-raja Melayu menyokong Kongres Melayu menolak Malayan Union | 1 |
| | H9 Perhimpunan besar-besaran di Kuala Kangsar sempena lawatan Ahli Parlimen British | 1 |
| | F10 Permaisuri Perak mengetuai barisan hadapan perarakan | 1 |
| | F11 Dato' Onn bin Jaafar mempersembahkan hasrat supaya Raja-raja Melayu bersama-sama rakyat | 1 |
| | F12 Raja-raja Melayu memulaukan pelantikan Gabenor Malayan Union | 1 |
| | H12 Ribuan Orang Melayu berhimpun di hadapan Hotel Station melaungkan "Daulat Tuanku" dan "Hidup Melayu" | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara-cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*c*) *KBAT* | F1 Kita perlu bersikap berani kerana benar<br>H1a Untuk mempertahankan hak bangsa dan tanah air daripada penjajahan asing<br>H1b Jika takut penindasan akan berterusan<br>H1c Hal ini akan menjejaskan masa depan negara kita<br>H1d Kerana kita semua akan diperhambakan oleh bangsa asing sekiranya kita tidak mempertahankan kedaulatan negara kita<br>F2 Selain itu, perpaduan dan kerjasama penting dalam perjuangan<br>H2 Hal ini menjadikan kita kuat dan fokus kepada matlamat<br>F3 Seterusnya ilmu pengetahuan juga penting<br>H3 Supaya kita peka pada perkembangan semasa dan tipu muslihat musuh<br>F4 Kesimpulannya, masa depan negara dan bangsa adalah tanggungjawab semua warganegara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan iktibar atau pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa Malayan Union.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 144* | F1 Membina perpaduan kaum<br>F2 Melahirkan integrasi nasional<br>F3 Menyediakan tenaga kerja mahir<br>F4 Menggalakkan perkembangan kebudayaan/ ekonomi/ sosial/ politik<br>F5 Melahirkan masyarakat berilmu<br>F6 Membentuk individu yang seimbang<br>F7 Menyumbang kepada keharmonian/ kemakmuran negara<br>F8 Memenuhi keperluan negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*) *Rujukan Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 145* *KBAT* | F1 Meningkatkan pengetahuan mereka mengenai sejarah negara<br>H1a Memupuk semangat patriotik dalam kalangan generasi muda<br>H1b Menghargai budaya dan warisan bangsanya<br>H1c Membuka ruang kepada pelajar mengetahui perjuangan tokoh negara<br>C1 Tunku Abdul Rahman/ H.S. LEE/ Tun V.T. Sambanthan<br>H1d Menanamkan rasa bersyukur dan menghargai kenikmatan kemerdekaan<br>H1e Mempercepatkan pembentukan negara bangsa Malaysia<br>H1f Mengikis anggapan pelajar bahawa mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran tidak penting<br>F2 Menanam perasaan cinta kepada bangsa dan negara<br>H2a Menyemai rasa taat dan setia kepada raja dan negara<br>H2b Tidak melakukan khianat kepada negara<br>C2 Menjual rahsia negara<br>H2c Memperkukuhkan semangat kekitaan dan kebersamaan<br>H2d Membentuk sikap bertoleransi dan bekerjasama<br>H2e Melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan saling memahami<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pendapat mengenai penambahan mata pelajaran Sejarah dan Tatarakyat dalam mencapai matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| 6(*c*) KBAT | **Maklumat yang terkandung** | |
| | F1 Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan pendidikan kepada semua warganegara tanpa mengira latar belakang | 1 |
| | F2 Hal ini bagi mengelakkan masalah keciciran dalam kalangan masyarakat di Malaysia | 1 |
| | F3 Kerajaan telah menyediakan pendidikan percuma dan berkualiti dalam semua bidang | 1 |
| | F4 Pendidikan yang berkualiti dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara | 1 |
| | F5 Pendidikan dapat melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi | 1 |
| | F6 Sistem pendidikan mestilah memenuhi keperluan industri dan ekonomi | 1 |
| | F7 Melahirkan modal insan yang inovatif, produktif dan berkemahiran | 1 |
| | **Kesan** | |
| | F8 Pendidikan berkualiti mampu menjadikan Malaysia sebagai hab atau pusat pendidikan serantau | 1 |
| | F9 Hal ini demikian kerana dapat memajukan negara kita setanding dengan negara maju yang lain | 1 |
| | F10 Banyak sektor tempatan dapat dimajukan dari semasa ke semasa | 1 |
| | F11 Ekonomi negara dapat ditingkatkan hasil daripada pendidikan yang berkualiti | 1 |
| | F12 Pelajar-pelajar dari luar negara akan memilih universiti tempatan untuk menyambung pengajian mereka | 1 |
| | F13 Meningkatkan pengaliran wang asing ke negara kita | 1 |
| | F14 Meningkatkan ekonomi negara kita | 1 |
| | F15 Melahirkan banyak tenaga pakar di negara kita | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya inisiatif kerajaan berjaya dilaksanakan. [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: *8 markah*] |
| 7(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 41* | F1 Mengiktiraf raja sebagai pemerintah tertinggi negara | 1 |
| | F2 Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai ketua utama negara | 1 |
| | F3 Kedudukan dan bidang kuasa raja termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | F4 Baginda bertindak atas nasihat Perdana Menteri | 1 |
| | F5 Baginda tidak boleh bertindak sendirian kecuali dalam perkara tertentu | 1 |
| | F6 Memerlukan budi bicara baginda untuk membuat keputusan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan tentang konsep Raja Berperlembagaan. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: *4 markah*] |
| 7(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 56–57* | F1 Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran | 1 |
| | C1 Mengekalkan pemerintahan beraja | 1 |
| | H1a Menjadi sebahagian warisan politik orang Melayu | 1 |
| | H1b Unsur moden pula bagi Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | H1c Berdasarkan model Westminster, England | 1 |
| | H1d Mengimbangi sosiopolitik negara kita | 1 |
| | F2 Semak dan imbang dalam pentadbiran | 1 |
| | H2a Melalui Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | H2b Mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi | 1 |
| | H2c Raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar luar negara | 1 |
| | C2 Perselisihan antara kaum/ pertikaian parti politik | 1 |
| | F3 Kewujudan pengasingan kuasa | 1 |
| | C3 Badan perundangan/ eksekutif/ kehakiman | 1 |
| | H3a Badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang | 1 |
| | H3b Badan eksekutif sebagai badan pelaksana | 1 |
| | H3c Sekiranya timbul konflik/ kekeliruan penyelesaian dibuat melalui badan kehakiman | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F4 Kuasa budi bicara raja | 1 |
| | H4a Kuasa yang boleh dilaksanakan tanpa mendengar/ menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu | 1 |
| | H4b Dalam pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan/ Perdana Menteri | 1 |
| | H4c Mempunyai kuasa budi bicara dalam permintaan pembubaran Parlimen | 1 |
| | H4d Pada peringkat negeri raja/ Yang di-Pertua Negeri memiliki kuasa yang sama | 1 |
| | C4 Dalam hal pelantikan Menteri Besar/ Ketua Menteri | 1 |
| | F5 Kerjasama politik | 1 |
| | H5a Menekankan soal perkongsian kuasa antara kaum | 1 |
| | H5b Berdasarkan prinsip tolak ansur/ perundingan/ pengorbanan | 1 |
| | H5c Bagi memastikan suara setiap kaum diwakili | 1 |
| | H5d Pembentukan pakatan pelbagai parti politik berasaskan kaum/ ideologi | 1 |
| | H5e Bertujuan membentuk Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*c*) *KBAT* | F1 Dapat melahirkan taat setia rakyat yang tidak berbelah bahagi kepada pemimpin yang dipilih | 1 |
| | H1a Rakyat juga terlibat dalam menentukan hala tuju politik negara | 1 |
| | H1b Sistem Demokrasi Berparlimen memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang berkebolehan dan berkualiti | 1 |
| | H1c Pemimpin yang terpilih akan berkhidmat dengan sebaik mungkin kepada rakyat | 1 |
| | C1 Tidak terlibat dengan rasuah | 1 |
| | H1d Kepercayaan/ keyakinan rakyat terhadap kerajaan semakin kukuh | 1 |
| | F2 Kecekapan pentadbiran negara yang sistematik telah dibentuk | 1 |
| | H2a Permasalahan dapat diselesaikan melalui rundingan | 1 |
| | H2b Hal ini dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian negara | 1 |
| | H2c Dengan itu, perancangan pembangunan kerajaan mudah diatur | 1 |
| | C2 Dapat membantu dalam perkembangan ekonomi negara | 1 |
| | F3 Kerjasama dalam masyarakat dapat ditingkatkan | 1 |
| | H3a Keadaan ini dapat mengurangkan tekanan antarabangsa | 1 |
| | H3b Menjamin kestabilan politik | 1 |
| | H3c Yang secara tidak langsung menarik pelaburan asing | 1 |
| | H3d Membantu perkembangan sistem industri negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan kebaikan yang diterima oleh rakyat melalui pengamalan sistem Demokrasi Berparlimen. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93* | F1 Aspek keselamatan | 1 |
| | H1a Untuk membendung ancaman komunis di Singapura | 1 |
| | H1b Mengancam keselamatan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | H1c Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis | 1 |
| | H1d Langkah penyatuan dengan Singapura memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | H1e Dalam bidang keselamatan/ pertahanan | 1 |
| | H1f Di Sarawak, ancaman melalui Clandestine Communist Organization (CCO) | 1 |
| | H1g Pembentukan Malaysia dapat membendung ancaman komunis di Sarawak | 1 |
| | F2 Membentuk keseimbangan komposisi penduduk | 1 |
| | H2a Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura tidak disetujui | 1 |
| | H2b Dibimbangi akan mewujudkan ketidakseimbangan antara orang Melayu dan orang Cina | 1 |
| | H2c Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan dapat mengatasi masalah tersebut | 1 |

© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F3 Mempercepatkan kemerdekaan | 1 |
| | H3a Dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi British | 1 |
| | H3b Mempercepatkan kemerdekaan wilayah Borneo (Sarawak/ Sabah) | 1 |
| | H3c British perlu memastikan Sarawak dan Sabah memberikan sokongan | 1 |
| | F4 Pembangunan wilayah | 1 |
| | H4a Semua wilayah dapat bersatu | 1 |
| | H4b Dalam usaha mempercepatkan pembangunan | 1 |
| | H4c Meningkatkan taraf hidup peribumi | 1 |
| | C4 Seperti memajukan infrastruktur/ sosial/ ekonomi yang seimbang | 1 |
| | H4d Dapat membantu dalam perkembangan ekonomi negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan rasionalnya pembentukan Persekutuan Malaysia. [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **8**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 97 & 106* | F1 Pada peringkat awal Indonesia tidak menentang | 1 |
| | F2 Dr. Mohammad Hatta/ Naib Presiden Indonesia/ Dr. Subandrio/ Menteri Luar Indonesia | 1 |
| | F3 Mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia | 1 |
| | F4 Penentangan bermula selepas Pemberontakan Brunei 7 Disember 1962 | 1 |
| | F5 Tunku Abdul Rahman telah membuat kenyataan yang Indonesia terlibat dalam membantu pemberontakan | 1 |
| | F6 Partai Komunis Indonesia menggunakan kesempatan menyelar Rancangan Malaysia | 1 |
| | F7 Menganggap Malaysia sebagai penerusan dasar neokolonialisme | 1 |
| | F8 Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia | 1 |
| | F9 Menggunakan alasan mengancam kedudukan Indonesia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia. [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **8**(*c*) *KBAT* | F1 Melayu Raya ialah perjuangan daripada kesatuan pemikiran untuk bersatu | 1 |
| | F2 Dan mengembalikan keutuhan rumpun Melayu di Nusantara | 1 |
| | F3 Melalui gerakan ini mereka berusaha menyatukan kembali rumpun bangsa Melayu seperti sebelum era penjajahan | 1 |
| | F4 Tanah Melayu hanya akan menjadi kuat dan mantap melalui perpaduan bangsa Melayu di Kepulauan Melayu | 1 |
| | F5 Kedatangan imperialis Barat berjaya memecahkan dan menggugat perpaduan bangsa Melayu | 1 |
| | F6 Kuasa Barat telah menetapkan sempadan-sempadan koloni menyebabkan perhubungan antara Melayu Raya menjadi renggang | 1 |
| | F7 Perasaan kenegerian itu semakin kuat | 1 |
| | F8 Pertalian persaudaraan beransur-ansur renggang | 1 |
| | F9 Mewujudkan situasi bahaya terhadap negara | 1 |
| | F10 Perasaan iri hati antara Malaysia dan Indonesia | 1 |
| | F11 Hubungan diplomatik tergugat | 1 |
| | F12 Menyebabkan negara terjejas | 1 |
| | F13 Menjejaskan imej negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut. [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 242* | (i) F1 Menjamin akses sumber makanan yang mencukupi<br>H1a Memastikan makanan yang selamat<br>H1b Mendapat sumber makanan berkhasiat<br>H1c Memenuhi keperluan makanan penduduk ASEAN<br>H1d Antara isu yang dibincangkan adalah kenaikan harga barangan yang keterlaluan/ bekalan barangan terhad disebabkan masalah pengeluaran/ bencana alam/ pencemaran makanan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan strategi Malaysia menuju masa depan menerusi bidang keselamatan makanan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 243* | (ii) F1 Menandatangani Perjanjian Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan<br>H1a Mengawal pembakaran terbuka/ hutan tanpa kawalan<br>H1b Mengambil tindakan perundangan/ pentadbiran yang sewajarnya<br>H1c Menekankan prinsip "ASEAN Tanpa Jerebu 2020"<br>H1d Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pencegahan kebakaran tanah gambut<br>C1 Malaysia/ Singapura<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan strategi Malaysia menuju masa depan menerusi bidang alam sekitar.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 244–245* | (iii) F1 Menyelesaikan punca isu pelarian/ PATI kerana merupakan isu saling berkait antara negara<br>H1a Isu PATI memberi impak kepada sosial, ekonomi, jenayah, politik dan hubungan diplomatik<br>H1b Mengancam ketenteraman dan keselamatan negara<br>H1c Malaysia membendung PATI menerusi mekanisme pengurusan wang asing<br>F2 Malaysia terlibat dengan program di bawah PBB/ United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)/ Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu<br>H2 Dilantik menjadi ahli UNHCR ini pada tahun 1993 hingga 1995<br>F3 Sebuah badan berkaitan hak asasi manusia ditubuhkan<br>H3 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan strategi Malaysia menuju masa depan menerusi bidang hak asasi manusia dan pendatang tanpa izin.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*b*)<br>*KBAT* | F1 Memastikan keamanan dan keselamatan ASEAN<br>H1a Menandatangani Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ)<br>H1b Menekankan negara ASEAN tidak mengembangkan/ mengeluarkan/ memperoleh/ memiliki/ mengawal senjata nuklear<br>H1c Tidak membenarkan kapal perang asing menggunakan perairan Asia Tenggara membawa senjata nuklear<br>F2 Membawa konflik buruk kepada rantau Asia Tenggara<br>H2a Elak persaingan kuasa besar<br>C2 China/ Amerika Syarikat<br>H2b Mengancam nyawa manusia/ kehidupan<br>H2c Memastikan negara aman dan selamat<br>F3 Menunjukkan komitmen negara terhadap dunia yang bebas senjata nuklear<br>H3 Memastikan keselamatan/ menjamin masa depan generasi akan datang<br>C3 Berjuang supaya perlucutan senjata nuklear dalam PBB<br>F4 Mahu melahirkan masyarakat sivil dunia<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberi pandangan berkenaan komitmen Malaysia dalam menjadikan Asia Tenggara bebas daripada senjata nuklear dan banyak menggunakannya untuk tujuan keamanan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

## KERTAS 1

1 **C**
**Ulasan:** Sistem pentadbiran yang teratur memperlihatkan kebijaksanaan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mentadbir kerajaan. Kebijaksanaan pemerintah mengawal perbendaharaan menjadikan juga Kesultanan Melayu Melaka semakin maju dan makmur. Perbendaharaan yang maju hasil daripada kutipan cukai dan perdagangan yang pesat dari kedudukan Melaka yang strategik menjadikan Melaka tumpuan kepada para pedagang.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9*

2 **A**
**Ulasan:** Bendahara berperanan sebagai ketua pentadbir dan ketua turus angkatan tentera. Beliau juga berperanan untuk menasihati sultan dan menjadi pemangku sultan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9*

3 **A**
**Ulasan:** Penentangan terhadap Dinasti Manchu oleh masyarakat China kerana kerajaan Manchuria dianggap sebagai orang luar yang telah kehilangan mandat. Masyarakat China hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu kerana gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26*

4 **B**
**Ulasan:** Nasionalisme di Thailand berbeza dengan gerakan nasionalisme di negara lain yang bersifat antipenjajah dan menuntut kemerdekaan. Gerakan nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan. Oleh itu, Revolusi Thai telah menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 31*

5 **A**
**Ulasan:** Kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita didorong oleh beberapa faktor seperti kemunculan golongan intelektual yang berpunca daripada perkembangan sistem pendidikan. Selain itu faktor peranan agama, penulisan kreatif, media cetak dan pengaruh luar serta serantau juga menjadi penyebab kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 34–35*

6 **B**
**Ulasan:** Revolusi Perancis membawa kemunculan Republik Perancis yang mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 25*

7 **A**
**Ulasan:** Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson merupakan asas perdamaian yang merangkumi dua prinsip utama, iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 56*

8 **A**
**Ulasan:** Akibat kemelesetan ekonomi, Jepun telah melaksanakan sistem ekonomi kawalan, iaitu Rancangan Pengeluaran Lima Tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan untuk mengawal selia pelupusan barangan dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 71*

9 **B**
**Ulasan:** Bermula dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu merangkumi gabungan negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan yang disatukan di bawah satu pentadbiran. Pentadbiran ini diteruskan dengan cadangan gabungan antara Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan dua buah negeri selat menjadi satu unit pentadbiran yang dipanggil kesatuan. Manakala Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan gabungan sembilan buah negeri-negeri di Tanah Melayu dan dua buah negeri selat di bawah satu pentadbiran yang dipanggil persekutuan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 97 & 126*

10 **C**
**Ulasan:** Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu sebelum perang, menjaga kedudukan istimewa orang Melayu, membuka ruang kewarganegaraan dan mewujudkan perpaduan kaum di negara kita. PTM 1948 merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan dan berpeluang berkerajaan sendiri.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136–137*

11 **A**

**Ulasan:** Antara perkara yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 termasuklah pentadbiran berbentuk persekutuan; kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan dengan terbentuknya Majlis Raja-Raja yang boleh memperkenankan rang undang-undang; perundangan yang mempunyai Majlis Perundangan Persekutuan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian; serta kewarganegaraan yang diperketatkan melalui kuat kuasa undang-undang dan secara pendaftaran.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 134*

12 **B**

**Ulasan:** Antara tindakan British dalam Undang-Undang Darurat ialah menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dalam pergerakan komunis tanpa sebarang perbicaraan. Mengetatkan undang-undang senjata api dengan mengenakan hukuman mati terhadap mereka yang membawa senjata api dan bahan letupan. Mengharamkan PKM dan parti politik berfahaman radikal. Antaranya termasuklah AWAS, Ikatan Pembela Tanah Air (PETA), Pemuda Radikal Melayu (PERAM), PKMM dan Hizbul Muslimin. Mengenakan hukuman berat kepada sesiapa sahaja yang membantu komunis. Menggeledah rumah kediaman, memagar kampung, mengadakan perintah berkurung, mewujudkan Kampung Baru dan memindahkan serta menempatkan penduduk. Menangkap pemimpin gerakan radikal seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, Abu Bakar al-Baqir dan Khatijah Sidek.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 152*

13 **D**

**Ulasan:** Di dalam persidangan Gerakan Komunis Antarabangsa di India, pengikut komunis telah digesa memperhebatkan perjuangan menentang kuasa imperialis di Asia. Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM telah mengambil keputusan untuk melancarkan perjuangan bersenjata bagi menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148*

14 **D**

**Ulasan:** Sistem Ahli dapat menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Selain itu, memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui negara sebelum merdeka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178*

15 **C**

**Ulasan:** Setiap Ahli bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi. Ahli juga bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan jabatannya. Hal ini kerana ia dapat memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179*

16 **B**

**Ulasan:** Pilihan Raya Umum merupakan asas kepada berkerajaan sendiri dan memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan yang mantap.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 196*

17 **C**

**Ulasan:** Pilihan Raya Umum pertama di Tanah Melayu diadakan untuk merintis jalan ke arah kemerdekaan. Rakyat berpeluang dalam memilih wakil atau parti yang mereka kehendaki dalam membentuk kerajaan. Ini akan membentuk kerjasama antara kaum dalam politik.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 198*

18 **C**

**Ulasan:** Antara isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen; Kewarganegaraan diberi melalui tiga cara, iaitu penguatkuasaan undang-undang, permohonan pendaftaran dan naturalisasi. Seterusnya menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Kedudukan bahasa Melayu pula dijadikan bahasa kebangsaan manakala agama Islam merupakan agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224–225*

19 **C**

**Ulasan:** Antara tugas utama Suruhanjaya Reid atau Suruhanjaya Perlembagaan ialah membincangkan, menyusun dan merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220*

20 **A**

**Ulasan:** Kedaulatan tradisional merujuk kepada sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan kerajaan. Raja merupakan pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi dan diperkukuhkan dengan taat setia rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 6*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

21 **C**

**Ulasan**: Ciri negara berdaulat mesti mempunyai pemerintahan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi. Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan yang mengamalkan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Selain itu, mempunyai Sempadan yang memisahkan antara negara dan negeri seperti Thailand yang berkongsi sempadan darat, air dan udara. Seterusnya mempunyai perundangan yang menjadi asas peraturan negara untuk memelihara kesejahteraan. Asas perundangan adalah Perlembagaan Persekutuan. Akhir sekali ialah mempunyai rakyat yang merupakan penduduk dalam sebuah negara. Rakyat terikat dengan undang-undang daripada pemerintah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8–9*

22 **D**

**Ulasan**: Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara. Perlembagaan merupakan unsur penting dalam negara yang membolehkan hala tujuan dan panduan dalam pemerintahan negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 22*

23 **A**

**Ulasan**: Tunku Abdul Rahman telah membawa usul pindaan Singapura di Parlimen pada tahun 1965. Parlimen telah meluluskan usul ini dan membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 31*

24 **D**

**Ulasan**: Charter of Justice diperkenalkan di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 24*

25 **A**

**Ulasan**: Parlimen merupakan badan perundangan tertinggi di Malaysia. Parlimen terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 53*

26 **D**

**Ulasan**: Pilihan raya merupakan elemen penting dalam Demokrasi di negara kita. Rakyat diberikan mandat untuk membentuk kerajaan dengan memilih wakil rakyat atau pemimpin yang boleh membentuk kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 50*

27 **B**

**Ulasan**: Antara fungsi kerajaan tempatan ialah menyediakan perkhidmatan pembersihan, mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja, membangunkan perumahan awam, menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan, menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat, menyediakan perkhidmatan kecemasan, menyediakan kemudahan awam, menyelenggara jalan raya, menyelenggara sistem saliran, mengindahkan kawasan dan menjaga kesihatan awam.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 71*

28 **D**

**Ulasan**: Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Antara yang terkandung dalam Senarai Bersama termasuklah kebajikan awam; biasiswa; perlindungan haiwan liar dan taman negara; perancangan bandar dan luar bandar; kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit; kebudayaan dan sukan; dan perumahan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70*

29 **B**

**Ulasan**: Antara strategi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memastikan semua rakyat dapat memiliki rumah sendiri adalah melalui pembinaan rumah mampu milik. Antaranya Program Perumahan Rakyat (PPR) daripada Kerajaan Persekutuan yang bertujuan membina rumah awam di seluruh negara. Kerajaan negeri pula membina rumah menerusi agensi pembangunan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak yang membina rumah bagi yang berpendapatan rendah. Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) juga diperkenalkan. Antara program di bawah Kerajaan Persekutuan untuk perumahan mampu milik ialah Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA) dan Rumah Mesra Rakyat. Program peringkat negeri pula seperti Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik Johor.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 76–77*

30 **C**

**Ulasan**: Ibrahim Haji Yaakob, Harun Aminurrashid, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan Dr. Burhanuddin al-Helmi merupakan tokoh yang memperjuangkan Konsep Melayu Raya. Idea mereka untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia. Idea ini tidak berhasil apabila Presiden Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan

Indonesia pada tahun 1945 tanpa melibatkan Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 92*

31 **D**

**Ulasan:** Pegawai-pegawai British tersebut mencadangkan pembentukan Malaysia kerana mereka melihat potensi ekonomi menerusi penggabungan wilayah ini. Selain itu, penggabungan ini juga bertujuan untuk menjaga keselamatan dan pertahanan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 91*

32 **B**

**Ulasan:** Antara faktor yang menyebabkan Singapura berpisah dengan Malaysia ialah keengganan Singapura mematuhi dasar kerajaan. Antaranya ialah Singapura tidak berpuas hati dengan peranan mereka yang terhad; kempen Malaysian Malaysia yang menuntut hak sama rata untuk semua kaum sehingga menyebabkan berlaku rusuhan kaum; Singapura juga menuntut pembukaan pasaran bersama disegerakan; Singapura juga tidak bersetuju dengan peningkatan cukai yang dikenakan terhadapnya dan menuntut faedah pinjaman kepada kerajaan Malaysia bagi pembangunan Sabah dan Sarawak.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*

33 **D**

**Ulasan:** Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan melalui peluang pekerjaan yang banyak tanpa mengira kaum. Selain itu, menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 143*

34 **A**

**Ulasan:** Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 memberi penekanan terhadap aktiviti kokurikulum yang melibatkan semua kaum adalah untuk memperkukuhkan perpaduan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 146*

35 **D**

**Ulasan:** Perkhidmatan Feri Malaysia yang juga dikenali sebagai *Cruise Muhibah* telah diperkenalkan pada 31 Ogos 1986 yang bertujuan mengintegrasikan penduduk di Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 140*

36 **A**

**Ulasan:** Kegiatan ekonomi yang berbeza mengikut kaum juga menyebabkan pemisahan dari segi petempatan seperti di kawasan perlombongan, estet, bandar dan kampung. Keadaan ini menyebabkan setiap kaum kurang berinteraksi dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang seterusnya menyebabkan perpaduan sukar dicapai.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 141*

37 **B**

**Ulasan:** Beberapa langkah dilaksanakan berkaitan dengan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Antaranya termasuklah meningkatkan taraf hidup rakyat, memperkenalkan Rancangan Buku Hijau, memperkasakan peranan agensi kerajaan, pembangunan tanah oleh FELDA, pembangunan wilayah, pemilikan modal saham, pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan pendidikan untuk tenaga kerja mahir.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 168–173*

38 **C**

**Ulasan:** Malaysia memberikan perhatian yang serius dalam hubungannya dengan negara serantau. Malaysia berpandangan bahawa keselamatan dan keutuhan masa depan negara berkaitan rapat dengan kemantapan dan keamanan kawasan Asia Tenggara. Pelibatan Malaysia dalam negara serantau membolehkan negara kita menjadi anggota ASEAN yang memberikan manfaat dalam ekonomi, sosial dan politik.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210*

39 **D**

**Ulasan:** Dasar luar negara memasuki era baharu setelah negara kita mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan membolehkan kita menggubal sendiri dasar luar untuk kepentingan negara. Terdapat dua perkembangan penting dalam dasar luar. Pertama, semasa tempoh pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, dasar luar berbentuk probarat dan antikomunis. Perkembangan kedua bermula ketika pentadbiran Tun Abdul Razak Hussein apabila Malaysia lebih bersikap tidak memihak dan menjalinkan hubungan dengan negara lain tanpa mengira ideologi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 195*

40 **B**

**Ulasan:** Anugerah Langkawi diberikan kepada warganegara Malaysia yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar. Anugerah ini dimulakan pada tahun 1991.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 238*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

## KERTAS 2

### Bahagian A

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96* | F1 Melicinkan pentadbiran<br>F2 Meningkatkan pelaburan/ ekonomi<br>F3 Memperkukuh pertahanan<br>F4 Mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga<br>F5 Usaha menakluki negara<br>F6 Membolot kekayaan negara<br>F7 Menjimatkan perbelanjaan/ kos<br>F8 Ke arah berkerajaan sendiri<br>F9 Membentuk bangsa Malayan Union<br>F10 Pendatang melupakan negara asal/ menumpukan taat setia<br>F11 Mengurangkan kuasa politik orang Melayu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk memberikan sebab British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 107* | F1 Masalah pewarisan takhta<br>H1a Vyner Brooke semakin tua/ uzur<br>H1b Vyner Brooke tiada anak lelaki sebagai pewaris<br>H1c Enggan melantik anak saudara sebagai pengganti<br>F2 Desakan kerajaan British<br>H2a Mahu kuasa yang lebih luas di Sarawak<br>H2b Ingin menjadikan Sarawak tanah jajahan<br>H2c Menguasai kekayaan ekonomi/ pelaburan<br>H2d Pejabat Tanah Jajahan mendesak penyerahan<br>F3 Masalah kewangan<br>H3a Sukar memulihkan semula Sarawak<br>H3b Sumber ekonomi musnah akibat perang<br>C3a Lombong minyak/ ladang getah<br>H3d Tidak mampu memulihkan kemudahan asas<br>C3b Kesihatan/ jalan raya/ pendidikan/ lapangan terbang<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab Vyner Brookes menyerahkan Sarawak kepada British.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menimbulkan kemarahan penduduk tempatan<br>H1a Mendapat bantahan/ tentangan penduduk<br>H1b Demonstrasi diadakan secara aman<br>H1c Menyedarkan penduduk asal tentang muslihat orang asing<br>H1d Semua penjajah sama<br>F2 Penduduk lebih bersatu menghadapi permasalahan<br>H2a Sedar muslihat penjajah<br>F3 Penjajahan dilaksanakan<br>H3a Di bawah Pejabat Tanah Jajahan British<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk menjelaskan kesan tindakan British dan Vyner Brooke.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 234–235* | F1 Bebas daripada cengkaman kuasa asing<br>F2 Bebas menentukan pemerintahan/ hala tuju negara<br>F3 Bebas daripada penjajahan/ kurungan/ naungan<br>F4 Bebas daripada sebarang masalah/ penindasan/ kemiskinan<br>F5 Bebas selama-lamanya<br>F6 Bebas berfikir/ bertindak<br>F7 Merangkumi politik/ ekonomi/ moral<br>F8 Mewujudkan sebuah negara yang baharu dan berdaulat<br>F9 Menyayangi negara dengan sepenuh hati<br>F10 Sanggup berkorban demi negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maksud merdeka.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 218* | **Perwakilan Tanah Melayu**<br>F1 Hapuskan jawatan Setiausaha Kewangan<br>H1 Wujudkan Menteri Kewangan<br>F2 Menteri Hal Ehwal Ekonomi dalam kalangan rakyat tempatan<br>F3 Menteri Pertahanan dalam kalangan rakyat Tanah Melayu<br>F4 Jawatan Pengarah Pertahanan dimansuhkan<br>F5 Tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957<br>F6 Rundingan tentang isu Suruhanjaya Perlembagaan/ kewangan/ keselamatan dalam negeri/ perkhidmatan awam<br>**British**<br>F7 Ahli Majlis Eksekutif selain Ketua Setiausaha Peguam Negara dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan nasihat Ketua Menteri<br>F8 Ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan<br>F9 Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama antara PTM dengan British<br>F10 British dan Komanwel akan memberikan bantuan seperti pertahanan kepada Tanah Melayu<br>F11 Bersetuju membentuk Suruhanjaya Perlembagaan/ Reid<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan dua perkara yang dipersetujui dalam rundingan kemerdekaan di London.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Masyarakat yang merdeka perlu sedia berkorban<br>H1a Kerana ancaman terhadap kemerdekaan sentiasa ada<br>H1b Penjajahan bentuk baharu<br>H1c Menjajah minda/ sikap<br>C1a Terikut-ikut dengan gejala negatif/ budaya Barat<br>H1d Akhlak/ moral masyarakat luntur<br>C1b Memusnahkan bangsa dan negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk menghuraikan pernyataan yang diberikan. Calon boleh menggunakan stimulus yang diberikan sebagai rangsangan kepada calon untuk menjawab soalan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 53* | (i) F1 Menggubal undang-undang<br>F2 Parlimen ialah badan perundangan tertinggi<br>F3 Dewan Undangan Negeri di peringkat Kerajaan Negeri<br>F4 Dewan Negara/ Senat membahas rang undang-undang yang diluluskan Dewan Rakyat<br>F5 Membuat pindaan undang-undang<br>F6 Menyemak dasar kerajaan<br>F7 Meluluskan perbelanjaan kerajaan<br>F8 Meluluskan sistem cukai baharu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan fungsi badan perundangan (legislatif).<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 54* | (ii) F1 Melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan<br>F2 Jemaah Menteri<br>H2a Menggubal dasar negara<br>H2b Melaksanakan pembangunan<br>F3 Perdana Menteri menjalankan pentadbiran Persekutuan<br>F4 Menteri mengetuai kementerian<br>F5 Menteri melaksanakan dasar<br>F6 Tanggungjawab bersama secara kolektif<br>F7 Mempertahankan keputusan Jemaah Menteri<br>F8 Menteri Besar/ Ketua Menteri mengetuai pentadbiran negeri<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan fungsi badan eksekutif (Jemaah Menteri).<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 55* | (iii) F1 Mentafsir undang-undang<br>F2 Diketuai Ketua Hakim Negara<br>F3 Melaksanakan undang-undang<br>F4 Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan<br>F5 Hakim memastikan keadilan ditegakkan<br>F6 Mengadili pertikaian antara rakyat-kerajaan/ rakyat-rakyat<br>F7 Menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan<br>F8 Hakim bebas daripada pengaruh politik<br>F9 Fungsi badan kehakiman berbeza mengikut status mahkamah<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan fungsi badan kehakiman.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 55*<br>*KBAT* | F1 Mewujudkan pemerintahan yang adil dan saksama<br>F2 Membentuk konsep semak dan imbang dalam pentadbiran<br>F3 Mengelakkan penyalahgunaan kuasa<br>F4 Menjamin kelicinan pentadbiran<br>F5 Setiap badan fokus kepada fungsi masing-masing<br>F6 Mengelakkan pertindihan kuasa<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk memberikan sebab kepentingan pengasingan kuasa di negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 152–153* | F1 1Murid 1Sukan<br>F2 Sukan dan perpaduan melalui pendidikan<br>F3 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)<br>F4 Sukan Malaysia (SUKMA)<br>F5 Bola sepak (Liga Super/ Liga Malaysia)<br>F6 Badminton<br>F7 Bola jaring<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan dua sukan yang dapat membentuk perpaduan negara. Calon boleh memberikan jawapan sama ada jenis-jenis sukan dan permainan yang dimainkan di Malaysia atau penganjuran-penganjuran sukan yang pernah dianjurkan oleh Malaysia.<br>[*Mana-mana jawapan berkaitan*]<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*KBAT* | F1 Peserta dari pelbagai kaum<br>F2 Mewujudkan persefahaman/ saling mengenal/ mewujudkan silaturahim<br>F3 Meningkatkan kemesraan dalam kalangan peserta<br>F4 Mewakili negeri<br>F5 Menyatukan penyokong<br>F6 Kemenangan atlet menjadi kebanggaan semua<br>F7 Rakyat memberi fokus kepada sukan yang digemari<br>F8 Menjauhkan isu-isu yang menjejaskan perpaduan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara masyarakat mewujudkan perpaduan daripada sukan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mengeratkan hubungan sesama masyarakat<br>F2 Melaksanakan program yang melibatkan pelbagai kaum<br>F3 Memupuk semangat kerjasama sesama anggota<br>F4 Sistem persekolahan yang seragam<br>F5 Kanak-kanak pelbagai kaum dapat berinteraksi<br>F6 Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi<br>F7 Mengukuhkan semangat "Keluarga Malaysia"<br>F8 Seluruh warga Malaysia bersatu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan cadangan cara untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan kaum selain daripada sukan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6–7* | F1 Kerajaan<br>H1a Mempunyai raja<br>H1b Raja pemerintah tertinggi<br>H1c Mempunyai pembesar yang membantu raja<br>H1d Sistem Pembesar Empat Lipatan<br>H1e Selepas Islam menggunakan gelaran sultan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F2 Rakyat | 1 |
| | H2a Setia kepada sultan | 1 |
| | H2b Rakyat mematuhi undang-undang | 1 |
| | H2c Mengakui kekuasaan sultan | 1 |
| | H2d Orang Melayu/ Orang Laut/ golongan merdeka dan hamba | 1 |
| | H2e Sultan menjamin kesejahteraan rakyat | 1 |
| | F3 Kedaulatan | 1 |
| | H3a Lambang kekuasaan tertinggi sultan | 1 |
| | H3b Hak mutlak sultan mengawal rakyat/ wilayah | 1 |
| | H3c Diakui oleh kerajaan lain | 1 |
| | H3d Bebas daripada campur tangan asing/ paksaan/ taklukan | 1 |
| | H3e Diiktiraf oleh Dinasti Ming | 1 |
| | H3f Utusan Dinasti Ming dihantar mempererat hubungan | 1 |
| | H3g Mengawal rakyat/ wilayah | 1 |
| | F4 Wilayah pengaruh | 1 |
| | H4a Wilayah kekuasaan yang diakui rakyat | 1 |
| | H4b Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera | 1 |
| | H4c Diperoleh melalui penaklukan/ naungan/ perkahwinan | 1 |
| | H4d Sempadan tidak ditetapkan seperti sempadan negara moden | 1 |
| | F5 Undang-undang | 1 |
| | H5a Undang-undang bertulis | 1 |
| | H5b Hukum Kanun Melaka/ Undang-Undang Laut Melaka | 1 |
| | H5c Mengukuh kerajaan | 1 |
| | H5d Melindungi rakyat | 1 |
| | H5e Menjadikan Melaka kerajaan unggul | 1 |
| | F6 Lambang kebesaran | 1 |
| | H6a Identiti/ kerajaan | 1 |
| | H6b Simbol kedaulatan | 1 |
| | H6c Adat istiadat/ warna/ nobat/ cap mohor/ bahasa Melayu/ agama Islam | 1 |
| | H6d Keistimewaan sultan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 8–9* | F1 Peringkat pusat | 1 |
| | H1a Sultan berkuasa dalam semua perkara | 1 |
| | H1b Dilaksanakan oleh Pembesar Berempat | 1 |
| | H1c Bendahara/ Penghulu Bendahari/ Temenggung/ Laksamana | 1 |
| | H1d Bendahara ketua pentadbir/ ketua turus tentera/ penasihat/ pemangku sultan | 1 |
| | H1e Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan | 1 |
| | H1f Syahbandar, Bentara, Orang Kaya, hulubalang, penghulu | 1 |
| | H1g Syahbandar mengutip cukai di pelabuhan | 1 |
| | H1h Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan | 1 |
| | H1i Hasil perbendaharaan disalurkan kepada kerajaan | 1 |
| | H1j Digunakan untuk pembelian senjata dan membina istana | 1 |
| | H1k Temenggung menjaga keselamatan kota Melaka | 1 |
| | H1l Laksamana sebagai panglima angkatan laut | 1 |
| | F2 Kawasan pegangan | 1 |
| | H2a Kuasa memerintah/ mentadbir kawasan diberikan kepada Pembesar Berempat | 1 |
| | C2a Bendahara – Muar, Bentan/ Penghulu Bendahari – Sening Ujung, Kampar/ Laksamana – Temasik/ hulubalang – Sungai Raya, Siantan | 1 |
| | F3 Peringkat jajahan | 1 |
| | H3a Pembesar ditugaskan mentadbir daerah/ kampung | 1 |
| | H3b Mengutip cukai | 1 |
| | H3c Mengekalkan keamanan | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H3d Dilantik oleh Pembesar Berempat/ sultan | 1 |
| | F4 Sistem tersusun dan berhierarki | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan mengenai Sistem Pembesar Empat Lipatan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*c*) *KBAT* | H1 Warisan dan budaya adalah khazanah bangsa yang sangat berharga | 1 |
| | H2 Mesti dijaga dan dipelihara | 1 |
| | H3 Kebanggaan semua pihak | 1 |
| | H4 Memperkukuh identiti dan jati diri bangsa | 1 |
| | H5 Bukti ketinggian tamadun bangsa | 1 |
| | H6 Setanding dengan tamadun lain | 1 |
| | H7 Meningkatkan keyakinan bangsa | 1 |
| | H8 Untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan bangsa lain yang maju | 1 |
| | H9 Jika diabaikan, maruah bangsa akan tercalar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan mesej yang terkandung dalam petikan yang diberi. Calon boleh menggunakan dan mengolah jawapan daripada petikan. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68* | F1 Keperluan ekonomi/ pasaran | 1 |
| | H1a Keperluan perindustrian | 1 |
| | H1b Tanah Melayu mempunyai banyak bahan mentah | 1 |
| | H1c Bijih timah/ getah/ emas/ besi/ arang batu/ bauksit | 1 |
| | H1d Sumber minyak utama | 1 |
| | H1e Miri/ Lutong | 1 |
| | H1f Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya | 1 |
| | H1g Mengukuhkan ekonomi Jepun | 1 |
| | F2 Kepentingan strategik | 1 |
| | H2a Kedudukan negara kita strategik | 1 |
| | H2b Sesuai untuk ketenteraan Jepun | 1 |
| | H2c Singapura pangkalan tentera British | 1 |
| | H2d Diperlukan untuk penguasaan minyak di Sumatera | 1 |
| | H2e Penguasaan Borneo penting | 1 |
| | H2f Untuk operasi tentera di Jawa | 1 |
| | F3 Propaganda/ slogan "Semangat Asia"/ "Asia untuk Orang Asia" | 1 |
| | H3a Menanam semangat antipenjajah/ elak imperialis Barat | 1 |
| | H3b Menonjolkan imej Jepun | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan faktor Jepun menguasai Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 70–71* | F1 Pemerintahan tentera | 1 |
| | H1a Menggabungkan Tanah Melayu dan Sumatera | 1 |
| | H1b Membentuk Kawasan Pertahanan Khas | 1 |
| | H1c Di bawah pentadbiran tentera ke-25 di Singapura | 1 |
| | H1d Pentadbiran Tanah Melayu dan Sumatera dipisahkan | 1 |
| | H1e Sumatera diletakkan di bawah pentadbiran tentera ke-25 di Bukit Tinggi | 1 |
| | H1f Tanah Melayu ditadbir tentera ke-29 di Taiping | 1 |
| | H1g Pentadbiran Singapura diasingkan daripada Tanah Melayu | 1 |
| | H1h Tanah Melayu – *Malai Baru* | 1 |
| | H1i Singapura – *Syonan-to* (Pulau Cahaya Selatan) | 1 |
| | H1j Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran Siam | 1 |
| | H1k Sarawak, Sabah, Brunei digabungkan menjadi satu pentadbiran/ *Kita Boruneo* | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H1l Diketuai Gabenor Jeneral di Kuching | 1 |
| | H1m Di bawah tentera ke-37 | 1 |
| | H1n Menubuhkan pasukan polis tentera/ Kempeitai | 1 |
| | H1o Bertindak ganas/ kejam terhadap sesiapa yang antipentadbiran tentera Jepun | 1 |
| | F2 Dasar terhadap Raja-raja Melayu | 1 |
| | H2a Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu | 1 |
| | H2b Menjadi ketua hal ehwal agama Islam/ adat Melayu | 1 |
| | H2c Diberikan bayaran pencen | 1 |
| | H2d Menjadi sultan di negeri masing-masing | 1 |
| | H2e Di bawah pengawasan Gabenor Jepun | 1 |
| | F3 Dasar kepimpinan tempatan | 1 |
| | H3a Memberi peluang kenaikan pangkat/ jawatan lebih tinggi | 1 |
| | H3b Kepada yang berpendidikan/ berpengalaman | 1 |
| | H3c Mengatasi kekurangan pegawai | 1 |
| | H3d Di samping mendapatkan sokongan penduduk | 1 |
| | H3e Menubuhkan Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda/ Koa Kunrenjo | 1 |
| | H3f Melatih/ menanamkan semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan dasar pentadbiran Jepun di negara kita. [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*c*) KBAT | F1 Hubungan sesama kaum semakin renggang | 1 |
| | H1a Menyebabkan perpaduan semakin goyah | 1 |
| | H1b Hal ini kerana selepas kekalahan Jepun pergaduhan sering berlaku | 1 |
| | H1c Bintang Tiga menguasai Tanah Melayu | 1 |
| | H1d Menubuhkan mahkamah sendiri yang dikendalikan oleh komunis | 1 |
| | H1e Menghukum sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun | 1 |
| | H1f Hubungan orang Melayu-Cina renggang | 1 |
| | H1g Orang Melayu bangkit menentang | 1 |
| | H1h Pergaduhan kaum berlaku | 1 |
| | H1i Negara tidak aman | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan kesan hubungan renggang dalam kalangan penduduk tempatan selepas pendudukan Jepun di negara kita. [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*a*) Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 22 | (i) F1 Raja sebagai pemerintah | 1 |
| | H1a Rakyat setia kepada raja | 1 |
| | F2 Undang-undang/ sistem pemerintahan ditentukan oleh raja | 1 |
| | H2a Undang-undang Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| | H2b Mempengaruhi undang-undang negeri Melayu lain | 1 |
| | C2 Hukum Kanun Melaka/ Undang-Undang Laut Melaka | 1 |
| | F3 Undang-undang bertulis negeri | 1 |
| | H3a Hukum Kanun Pahang/ Undang-Undang Kedah/ Undang-Undang Johor/ Undang-Undang 99 Perak | 1 |
| | H3b Mengalami perubahan | 1 |
| | H3c Panduan kepada raja dan pembesar | 1 |
| | F4 Undang-undang adat | 1 |
| | H4a Mengawal tingkah laku masyarakat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan asas pembentukan Perlembagaan di negara kita berdasarkan Undang-undang Negeri Melayu. [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 23–24* | (ii) F1 British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat | 1 |
| | H1a Diambil daripada undang-undang yang digubal di England | 1 |
| | H1b Charter of Justice I – 1807 | 1 |
| | H1c Mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang | 1 |
| | H1d Charter of Justice II – 1826 | 1 |
| | H1e Menyatukan mahkamah di Singapura/ Pulau Pinang/ Melaka | 1 |
| | H1f Charter of Justice III – 1855 | 1 |
| | H1g Mewujudkan mahkamah di Melaka/ Singapura/ Pulau Pinang | 1 |
| | H1h Melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan | 1 |
| | F2 Di Sarawak terdapat The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949 | 1 |
| | H2a Menggunakan Common Law of England | 1 |
| | H2b Memberi kuasa kepada Council Negri/ Majlis Negeri membuat undang-undang | 1 |
| | F3 Di Sabah terdapat Sabah Application of Laws Ordinance 1951 | 1 |
| | H3 Memberi kuasa kepada Gabenor menggubal undang-undang | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan asas pembentukan Perlembagaan di negara kita berdasarkan undang-undang Inggeris. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **7**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 25–27* | F1 Bermula pada 1877 | 1 |
| | H1a Undang-undang di negeri Melayu bermula dengan Perak | 1 |
| | H1b Majlis Negeri Perak menggubal undang-undang | 1 |
| | H1c Majlis negeri yang lain menggubal undang-undang negeri | 1 |
| | F2 Pada 1946 undang-undang Negeri-negeri Selat digubal | 1 |
| | H2a Oleh Majlis Undangan Negeri | 1 |
| | H2b Majlis Persekutuan menggubal undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu | 1 |
| | H2c Majlis Negeri menggubal undang-undang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu | 1 |
| | F3 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 | 1 |
| | H3a Permulaan sebuah Persekutuan | 1 |
| | H3b Negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang disatukan | 1 |
| | H3c Menetapkan bidang pentadbiran/ kuasa raja Melayu/ perundangan/ kewarganegaraan | 1 |
| | F4 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | H4a Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu/ Suruhanjaya Reid ditubuhkan | 1 |
| | H4b Perlembagaan disesuaikan dengan model Westminster | 1 |
| | H4c Berkuat kuasa sejurus selepas merdeka | 1 |
| | H4d Menjadi asas perlembagaan negara | 1 |
| | H4e Mengandungi lima terma rujukan utama | 1 |
| | H4f Kerajaan Persekutuan yang kukuh/ kedudukan raja-raja/ kedudukan istimewa orang Melayu/ Parlimen/ kewarganegaraan | 1 |
| | F5 Perlembagaan 1963 | 1 |
| | H5a Penggabungan Tanah Melayu/ Sarawak/ Sabah/ Singapura | 1 |
| | H5b Terdapat tiga perkara utama pindaan perlembagaan | 1 |
| | H5c Menetapkan struktur Mahkamah Atasan/ Mahkamah Tinggi Borneo/ jawatan Yang di-Pertua Negeri | 1 |
| | F6 Perlembagaan 1965/ pindaan Singapura | 1 |
| | H6a Tunku Abdul Rahman membawa usul pindaan | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H6b Parlimen meluluskan Singapura keluar dari Malaysia | 1 |
| | H6c Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan | 1 |
| | H7c Imigresen/ kewangan/ hubungan luar negara/ pertahanan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **7**(*c*) *KBAT* | F1 Penghayatan terhadap perlembagaan | 1 |
| | H1 Wujudkan persefahaman | 1 |
| | F2 Mengurangkan konflik dalam masyarakat | 1 |
| | H2 Supaya perpaduan kukuh | 1 |
| | F3 Keluarga Malaysia mesti mengukuh perpaduan/ integrasi nasional | 1 |
| | H3 Menjadikan negara aman/ sejahtera | 1 |
| | F4 Masyarakat perlu didedahkan dengan perlembagaan | 1 |
| | H4 Berkembang sebagai sebuah negara maju | 1 |
| | F5 Melakukan dengan semangat kekitaan, prihatin, saling menghormati dan bertanggungjawab | 1 |
| | H5 Politik menjadi stabil | 1 |
| | F6 Mempergiatkan program patriotisme, kenegaraan dan nilai murni | 1 |
| | H6 Mengukuhkan ukhuwah/ hubungan masyarakat | 1 |
| | F7 Melahirkan masyarakat yang membudayakan perpaduan | 1 |
| | H7 Imej negara dipandang tinggi | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan dikehendaki memberikan kesan sekiranya dilaksanakan di negara kita. Calon boleh menggunakan dan mengolah maklumat yang calon peroleh serta menambah jawapan sendiri. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 97* | F1 Faktor politik | 1 |
| | H1a Meningkatkan keselamatan | 1 |
| | H1b Perkembangan pengaruh Barisan Sosialis | 1 |
| | H1c Memenangi pilihan raya Hong Lim/ Anson | 1 |
| | H1d Melemahkan parti pimpinan Lee Kuan Yew/ People's Action Party (PAP) | 1 |
| | H1e Lee Kuan Yew ingin mempertahankan kedudukannya | 1 |
| | H1f Menggugat rancangan British untuk memberikan kemerdekaan | 1 |
| | H1g Menyelesaikan ancaman komunis di Singapura | 1 |
| | H1h Tanah Melayu mempunyai pengalaman untuk membanteras komunis | 1 |
| | H1i Sokongan PAP/ Parti Buruh | 1 |
| | F2 Mempercepat kemerdekaan | 1 |
| | H2a Majlis Undangan Singapura meluluskan usul penggabungan | 1 |
| | H2b Keputusan referendum rakyat Singapura | 1 |
| | F3 Faktor ekonomi | 1 |
| | H3a Membuka peluang pasaran | 1 |
| | H3b Mempercepat pembangunan wilayah | 1 |
| | H3c Berkongsi kekayaan hasil bumi | 1 |
| | H3d Kedudukan pelabuhan Singapura/ strategik | 1 |
| | H3e Status pelabuhan bebas | 1 |
| | H3f Membuka peluang perdagangan | 1 |
| | H3g Sokongan pedagang/ pengusaha industri | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab/ faktor Singapura menyertai Persekutuan Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119* | F1 Politik | 1 |
| | H1a Lee Kuan Yew tidak berpuas hati | 1 |
| | H1b Kerana peranan Singapura terhad | 1 |
| | H1c Konflik antara pemimpin PAP dengan Perikatan | 1 |
| | H1d Kempen Malaysian Malaysia | 1 |
| | H1e Lee Kuan Yew menuntut hak sama rata untuk semua kaum | 1 |
| | H1f Menimbulkan keresahan penduduk | 1 |
| | F2 Ekonomi | 1 |
| | H2a Singapura menuntut pasaran bersama disegerakan | 1 |
| | H2b Singapura menentang tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | H2c Singapura ingin mengenakan kadar faedah pinjaman Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F3 Masalah perkauman | 1 |
| | H3a Rusuhan kaum di Singapura | 1 |
| | H3b Menimbulkan ketegangan antara kaum | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan faktor pemisahan Singapura dari Malaysia.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*c*)<br>*KBAT* | H1 Boleh | 1 |
| | H2 Dapat elakkan isu perkauman | 1 |
| | H3 Menerima semua perkara yang termaktub dalam perlembagaan | 1 |
| | H4 Mengiktiraf hak istimewa orang Melayu dan bumiputera | 1 |
| | H5 Mengukuhkan semangat persekutuan | 1 |
| | H6 Utamakan rundingan untuk menyelesaikan masalah | 1 |
| | H7 Tidak mementingkan diri/ tamak | 1 |
| | C Seperti membuat tuntutan yang tidak munasabah | 1 |
| | H8 Meningkatkan kerjasama politik | 1 |
| | H9 Untuk memajukan persekutuan | 1 |
| | *atau* | |
| | H1 Tidak boleh | 1 |
| | H2 Isu yang diutarakan sangat sensitif | 1 |
| | H3 Sukar untuk diselesaikan | 1 |
| | H4 Api perkauman memuncak | 1 |
| | H5 Hubungan antara kaum renggang | 1 |
| | H6 Masalah akan menjadi lebih besar | 1 |
| | C Seperti perang saudara/ rusuhan kaum | 1 |
| | H7 Tuntutan yang dikemukakan tidak munasabah | 1 |
| | H8 Masa dan tenaga terbuang kerana menyelesaikan isu | 1 |
| | H9 Perancangan pembangunan tergendala | 1 |
| | H10 Imej negara merosot | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memilih sama ada pemisahan tersebut boleh dielakkan atau tidak. Calon mestilah memberikan hujah dan sokongan bagi pilihan yang dibuat.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*a*) | F1 Mengekalkan keamanan dunia | 1 |
| *KBAT* | F2 Mengambil faedah sebagai anggota | 1 |
| | F3 Bantuan kewangan dan teknikal | 1 |
| | F4 Platform menyelesaikan isu-isu | 1 |
| | F5 Pelarian Rohingya/ Palestin | 1 |
| | F6 Menjalin hubungan dengan semua negara | 1 |
| | F7 Meningkatkan kemajuan ekonomi | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pendapat berkenaan sebab Malaysia menyertai pertubuhan antarabangsa. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*b*) | F1 Mendukung Piagam PBB | 1 |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 198–205* | H1a Menegakkan hak asasi manusia tanpa membezakan kaum/ agama | 1 |
| | H1b Menghormati kedaulatan wilayah negara lain | 1 |
| | H1c Tidak campur tangan dalam hal ehwal urusan negara lain | 1 |
| | F2 Terlibat dalam agensi PBB | 1 |
| | C UNESCO/ FAO/ WHO/ EDEC/ UNICEF/ ILO/ UNHCR | 1 |
| | H2a Pengiktirafan tapak warisan dunia daripada UNESCO | 1 |
| | C2a Melaka/ Georgetown/ Gunung Mulu/ Taman Kinabalu/ Lembah Lenggong | 1 |
| | H2b Bekerjasama dalam pengeluaran makanan melalui FAO | 1 |
| | H2c Bekerjasama dalam bidang kesihatan dan perubatan melalui WHO | 1 |
| | H2d Membuka pejabat UNHCR di Kuala Lumpur | 1 |
| | H2e Menjaga/ melindungi golongan pelarian | 1 |
| | H2f Menyertai Majlis Keselamatan (MK) | 1 |
| | H2g Malaysia dipilih sebanyak empat kali sebagai anggota tidak tetap MK | 1 |
| | F3 Misi pengaman | 1 |
| | H3a Memastikan keselamatan penduduk/ gencatan senjata | 1 |
| | H3b Congo/ Namibia/ Somalia/ Bosnia dan Herzegovina/ Kemboja/ Timor Leste/ Ethiopia/ Lubnan | 1 |
| | F4 Misi pegawai pemerhati | 1 |
| | H4a Membantu pentadbiran/ pengurusan/ memberi latihan/ teknikal/ jurubahasa | 1 |
| | H4b Sierra Leone/ Chad-Libya/ Bosnia dan Herzegovina/ Iraq/ Kemboja/ Liberia/ Congo/ Namibia/ Angola/ Mozambique/ Ethiopia/ Timor Leste | 1 |
| | F5 Tokoh Malaysia dalam PBB | 1 |
| | H5a Tokoh perubatan/ aktivis kemanusiaan | 1 |
| | C5a Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood | 1 |
| | H5b Penjawat awam/ mengetuai UN | 1 |
| | C5b Datuk Maimunah Mohd Sharif | 1 |
| | H5c Tokoh diplomat | 1 |
| | C5c Tan Sri Razali Ismail | 1 |
| | H5d Ahli akademik | 1 |
| | C5d Dr. Jomo Kwame Sundaram | 1 |
| | H5e Pegawai tentera | 1 |
| | C5e Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*c*) KBAT | F1 Malaysia lantang menentang dasar Aparteid<br>F2 Orang kulit putih diberi layanan istimewa<br>F3 Orang kulit hitam dilayan secara tidak adil<br>F4 Malaysia menyokong sekatan ekonomi terhadap Afrika<br>F5 Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik sehingga dasar tersebut dihapuskan<br>F6 Bertentangan dengan prinsip Malaysia/ hak asasi manusia<br>F7 Semua manusia berhak mengamalkan budaya masing-masing<br>F8 Agama/ adat/ bahasa pertuturan<br>F9 Semua manusia sama taraf<br>F10 Berhak menggunakan kemudahan yang sama<br>F11 Secara adil tanpa mengira warna kulit<br>F12 Memupuk perpaduan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan calon juga dikehendaki memberikan komen berkenaan perkara yang dibincangkan. Calon boleh menggunakan dan mengolah maklumat yang calon peroleh serta menambah jawapan sendiri.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023

## KERTAS 1

1 **B**
**Ulasan:** Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang lengkap dan tersusun. Sistem pentadbiran ini dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan. Pembesar Berempat yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana membantu sultan dalam melancarkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Pelaksanaan pemerintahan secara sistematik, lancar dan tersusun ini menjadikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang utuh dan unggul.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 8*

2 **D**
**Ulasan:** Syahbandar dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai di pelabuhan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9*

3 **A**
**Ulasan:** Gerakan nasionalisme oleh pertubuhan sosioekonomi dan golongan berpendidikan Melayu dan Inggeris menyebabkan British berhati-hati dan bertindak mengadakan beberapa sekatan. Apabila gerakan nasionalisme dikesan oleh British, tokoh seperti Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam ditangkap dan dipenjarakan di Singapura pada tahun 1941. Mereka kemudiannya dibebaskan oleh Jepun pada tahun 1942.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 42*

4 **C**
**Ulasan:** Nasionalisme dalam kalangan rakyat timbul semasa pemerintahan Raja Vajiravudh. Kelemahan pentadbiran Raja Vajiravudh menimbulkan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja. Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram menubuhkan Parti Rakyat dan melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932. Revolusi tersebut menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak. Pemerintahan raja berperlembagaan diperkenalkan dengan meletakkan raja pada kedudukan tertinggi, tetapi tidak mencampuri urusan pentadbiran kerajaan Thailand yang dijalankan oleh Perdana Menteri.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 31*

5 **A**
**Ulasan:** Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919. Berdasarkan perjanjian tersebut, Jerman dikehendaki bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang, membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga, mengehadkan saiz angkatan tentera dan menyerahkan wilayah dan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga. Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil dan menjejaskan kedaulatan negaranya. Gerakan nazisme di bawah pimpinan Adolf Hitler telah berusaha untuk memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengetepikan Perjanjian Versailles. Hitler membina angkatan tentera semula dan seterusnya menduduki Rhineland semula, wilayahnya yang hilang melalui Perjanjian Versailles.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 56 & 58*

6 **B**
**Ulasan:** Jepun mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia. Di bawah pengaruh tentera, dasar luar Jepun terarah kepada matlamat mengembangkan kuasa, mewujudkan kebebasan ekonomi dan menentang imperialisme Barat. Dasar peluasan kuasa Jepun telah mendapat reaksi daripada pihak Bersekutu. Amerika Syarikat, British dan Belanda mengenakan sekatan ekonomi untuk menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk industri dan operasi perang. Sebagai jalan keluar daripada sekatan ekonomi pihak Bersekutu, Jepun merancang untuk menguasai wilayah di selatan merangkumi Asia Tenggara yang kaya dengan bahan mentah seperti bijih timah, getah, bauksit dan petroleum.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 64–65*

7 **D**
**Ulasan:** Pemerintahan tentera Jepun yang kejam dan kesengsaraan hidup yang dihadapi oleh rakyat kemudiannya telah mencetuskan penentangan terhadap pendudukan Jepun. Rakyat memberi kerjasama dengan British melalui penentangan pasukan bersenjata seperti Rejimen Askar Melayu, Force 136 dan MPAJA. Pasukan-pasukan ini bukan sahaja melibatkan penduduk tempatan tetapi juga sokongan dan bantuan British seperti bantuan latihan dan bekalan senjata.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 74–78*

8 **A**

**Ulasan:** Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran di bawah Malayan Union bagi mengurangkan kos pentadbiran. British juga berhasrat agar Malayan Union akan melicinkan sistem pentadbiran, meningkatkan pelaburan ekonomi, mengukuhkan pertahanan dan mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja untuk meningkatkan ekonomi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 96–97*

9 **B**

**Ulasan:** Ahmad Boestamam menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* sebagai wadah untuk membuka minda rakyat ke arah idea ingin bebas dan merdeka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 129*

10 **B**

**Ulasan:** Golongan nasionalis Melayu radikal melaungkan perjuangan kemerdekaan sejak penghujung tahun 1930-an. Mereka mempunyai matlamat perjuangan, iaitu membebaskan tanah air daripada penjajahan, menyatukan seluruh Tanah Melayu dan enggan berkompromi dengan penjajah untuk mencapai kemerdekaan. Golongan ini juga memperjuangkan hak semua kaum dalam sebuah negara dan memberikan penekanan kepada kebebasan hak bersuara, berhimpun dan menerbitkan akhbar.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 129*

11 **A**

**Ulasan:** Pembentukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa sebagai balasan kepada membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136–137*

12 **B**

**Ulasan:** Rundingan Baling diadakan bagi menamatkan ancaman komunis dan mencapai kemerdekaan. Rundingan ini melibatkan wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, iaitu Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan David Marshall dengan PKM yang diwakili oleh Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin. Dalam rundingan ini, Tunku Abdul Rahman meminta Chin Peng untuk membubarkan PKM, meletakkan senjata dan menyerah diri. Chin Peng pula menetapkan syarat, iaitu permintaan kerajaan akan dituruti seandainya kerajaan bersetuju mengakui PKM sebagai parti politik yang sah. Tunku Abdul Rahman enggan menerima syarat tersebut menyebabkan rundingan ini menemui kegagalan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 160*

13 **D**

**Ulasan:** United Malays National Organisation (UMNO) yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar berusaha menyatukan orang Melayu untuk mempertahankan hak bangsa Melayu dan kedudukan Raja-raja Melayu. Dengan slogan "Hidup Melayu", UMNO berjuang menentang Malayan Union bagi memelihara *status quo* orang Melayu dan kedaulatan Raja-raja Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 172*

14 **C**

**Ulasan:** Sistem persekolahan yang menggunakan bahasa pengantar dan kurikulum yang berlainan menimbulkan jurang perbezaan ekonomi dan sosial yang ketara antara rakyat berbilang kaum. Sistem seperti ini menghalang usaha menyatupadukan rakyat ke arah melahirkan satu identiti bangsa dan negara. Hal ini kerana, semasa di bawah pentadbiran British, sistem persekolahan berkembang mengikut kaum. Terdapat sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina dan sekolah vernakular Tamil, di samping sekolah aliran agama dan sekolah Inggeris.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 180*

15 **D**

**Ulasan:** Pilihan raya ini membuka peluang yang adil kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam politik tempatan dan mengamalkan demokrasi di negara ini bagi membentuk sebuah kerajaan. Pemilihan wakil yang berintegriti dan mempunyai jati diri yang teguh adalah penting untuk memastikan amalan demokrasi diamalkan dengan baik di negara kita.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 203*

16 **C**

**Ulasan:** Misi rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu ini juga berjaya mendapatkan persetujuan kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956. Dalam rundingan ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk membentuk Suruhanjaya Perlembagaan yang berperanan merangka perlembagaan bagi negara kita.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 218*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**17** **D**

**Ulasan:** Antara isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen; kewarganegaraan diberi melalui tiga cara, iaitu penguatkuasaan undang-undang, permohonan pendaftaran dan naturalisasi. Seterusnya menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Kedudukan bahasa Melayu pula diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan yang mana bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan bahasa komunikasi, manakala agama Islam merupakan agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224–225*

**18** **A**

**Ulasan:** Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara. Kewarganegaraan diberikan dengan tiga cara. Pertama, melalui penguatkuasaan undang-undang; kedua, memohon didaftarkan sebagai rakyat; dan ketiga, memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224*

**19** **C**

**Ulasan:** Keunikan kemerdekaan kita bukan sahaja diperoleh melalui rundingan malah muafakat pejuang-pejuang kemerdekaan yang dilakukan tanpa pertumpahan darah. Hal ini demikian kerana tanpa jasa mereka, kita tidak dapat merasai kemakmuran dan kesejahteraan pada hari ini.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 241*

**20** **C**

**Ulasan:** Pengiktirafan sebagai rakyat membolehkan kita mendapat hak asasi, iaitu hak yang dimilik oleh seseorang individu di sisi undang-undang seperti kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 247*

**21** **B**

**Ulasan:** Kedaulatan tradisional merujuk sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara. Kedaulatan negara kita berpaksi pada kedaulatan Raja-raja Melayu. Kedaulatan terletak pada kekuasaan dan kewibawaan raja. Raja merupakan pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi. Kedudukan dan kedaulatan raja diperkukuh oleh taat setia rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 6*

**22** **D**

**Ulasan:** Peranan rakyat dalam memastikan perpaduan tercapai ialah menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara yang dapat menjamin perpaduan kaum. Selain itu, memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum. Perpaduan juga dapat dicapai jika mengamalkan semangat perkongsian, bertoleransi dan saling menghormati sesama rakyat Malaysia serta melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 13*

**23** **D**

**Ulasan:** Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara. Perlembagaan merupakan unsur penting dalam negara yang membolehkan hala tujuan dan panduan dalam pemerintahan negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 22*

**24** **C**

**Ulasan:** Charter of Justice diperkenalkan di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 24*

**25** **D**

**Ulasan:** Pilihan raya merupakan elemen penting dalam demokrasi di negara kita. Rakyat diberikan mandat untuk membentuk kerajaan dengan memilih wakil rakyat atau pemimpin yang boleh membentuk kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 41 & 50*

**26** **A**

**Ulasan:** Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara. Kedudukan, kuasa dan tugas Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Undang-Undang Tubuh digubal oleh Raja-raja Melayu bagi negeri masing-masing dan diguna pakai sehingga hari ini mengangkat Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 40–41*

**27** **C**

**Ulasan:** Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk sebuah negara bersekutu. Pada asalnya, idea gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra

al-Haj ialah penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei untuk merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 67 & 71*

28 **A**

**Ulasan**: Antara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan termasuklah hal ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan dalam negeri, pentadbiran keadilan, kewarganegaraan, kewangan, perhubungan dan pengangkutan, pelajaran, serta perubatan dan kesihatan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 69*

29 **C**

**Ulasan**: Kesan pembentukan Persekutuan Malaysia adalah untuk merealisasikan rancangan dekolonisasi serta mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo, terutamanya Sarawak dan Sabah. Di samping itu wilayah-wilayah ini dapat bersatu dalam usaha mempercepat pelbagai bidang pembangunan. Pembentukan Malaysia boleh meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek seperti infrastruktur, sosial dan ekonomi yang lebih seimbang melalui perkongsian bahan mentah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93*

30 **C**

**Ulasan**: Penubuhan Malaysia akan mempercepatkan kemerdekaan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei. Di samping itu, People's Action Party (PAP) yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew menyambut baik rancangan ini kerana bimbang pengaruh berhaluan kiri dan ancaman komunis menguasai Singapura.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 92 & 97*

31 **C**

**Ulasan**: Pegawai-pegawai British menyokong cadangan pembentukan Malaysia kerana mereka melihat potensi ekonomi menerusi penggabungan wilayah ini. Selain itu, penggabungan ini juga bertujuan untuk menjaga keselamatan (ancaman komunis) dan pertahanan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 91*

32 **B**

**Ulasan**: Antara faktor yang menyebabkan Singapura berpisah dengan Malaysia ialah keengganan Singapura mematuhi dasar kerajaan. Antaranya ialah Singapura tidak berpuas hati dengan peranan mereka yang terhad, kempen Malaysian Malaysia yang menuntut hak sama rata untuk semua kaum sehingga menyebabkan berlaku rusuhan kaum, Singapura juga menuntut pembukaan pasaran bersama disegerakan, Singapura juga tidak bersetuju dengan peningkatan cukai yang dikenakan terhadapnya dan menuntut faedah pinjaman kepada kerajaan Malaysia bagi pembangunan Sabah dan Sarawak.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*

33 **B**

**Ulasan**: Prinsip keempat Rukun Negara, iaitu kedaulatan undang-undang menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang, tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang dan berusaha untuk menyokong penguatkuasaannya. Sebagai contoh, mematuhi peraturan jalan raya.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 159, KBAT*

34 **B**

**Ulasan**: Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan secara dwitahunan pada peringkat kebangsaan yang disertai oleh 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. SUKMA bertujuan mengeratkan hubungan kaum bagi mengukuhkan perpaduan rakyat serta integrasi antara negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 153*

35 **D**

**Ulasan**: Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang dan kekayaan negara dikongsi bersama. Antaranya termasuklah meningkatkan taraf hidup rakyat, memperkenalkan Rancangan Buku Hijau, memperkasakan peranan agensi kerajaan, pembangunan tanah oleh FELDA, pembangunan wilayah, pemilikan modal saham, pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan pendidikan untuk tenaga kerja mahir.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 168*

36 **A**

**Ulasan**: Dasar penswastaan dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada bulan Mac 1983. Dasar ini bertujuan meningkatkan produktiviti serta kualiti perkhidmatan atau barangan. Penswastaan mempercepat pembangunan ekonomi negara melalui pelaburan modal oleh sektor swasta.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 178*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**37** **A**

**Ulasan:** Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA) ditubuhkan pada tahun 1961 merupakan gabungan pertama yang melibatkan tiga negara di Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Filipina dan Thailand. Matlamat pertubuhan ini adalah untuk mengatasi ancaman komunis di samping menjamin keselamatan negara serantau dan kerjasama ekonomi, sosial dan bidang sains.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210*

**38** **A**

**Ulasan:** Dasar Aparteid menjadi isu penting yang mana Malaysia turut lantang menentang dasar ini. Asas penentangan Malaysia disebabkan dasar ini menyalahgunakan hak asasi manusia dengan membezakan hak seseorang berdasarkan warna kulit. Dasar Aparteid merujuk pemisahan antara kaum kulit putih dengan kaum kulit hitam yang dilaksanakan di Afrika Selatan dari tahun 1948 hingga tahun 1999. Kaum kulit hitam dianggap sebagai golongan yang mempunyai kedudukan yang rendah dan diberi layanan kelas kedua dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, sosial atau politik.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 207*

**39** **B**

**Ulasan:** Dalam menggubal dasar luar, kepentingan negara diberi perhatian utama untuk menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara. Kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali serta menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 197*

**40** **D**

**Ulasan:** Malaysia berada di barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan. Rakyat Malaysia sememangnya prihatin serta sanggup memberikan bantuan kepada golongan yang menghadapi musibah sama ada disebabkan peperangan mahupun bencana alam. Sikap perikemanusiaan yang tinggi dan sanggup melakukan kerja sukarela ini telah menaikkan nama baik negara kita.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 238*

## KERTAS 2

### Bahagian A

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68* | F1 Propaganda Jepun | 1 |
| | F2 Menanamkan semangat antipenjajah Barat | 1 |
| | F3 Menonjolkan imej Jepun | 1 |
| | F4 Jepun sebagai pembela negara Asia | 1 |
| | F5 Membuktikan kemampuan orang Asia | 1 |
| | F6 Memenangi hati | 1 |
| | F7 Mendapatkan kerjasama penduduk | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan tujuan akhbar *Semangat Asia* yang diterbitkan oleh Jepun semasa menjajah Tanah Melayu. [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum: 2 markah*] |
| **1**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 64–65* | F1 Pembaharuan Meiji membawa pemodenan Jepun | 1 |
| | F2 Dasar peluasan kuasa/ penaklukan | 1 |
| | F3 Keperluan perindustrian | 1 |
| | F4 Mengurangkan pergantungan kepada negara Barat | 1 |
| | F5 Pengaruh golongan tentera | 1 |
| | F6 Jepun mempunyai angkatan tentera moden | 1 |
| | F7 Masalah ekonomi Jepun | 1 |
| | F8 Jeneral Hideki Tojo mengheret Jepun ke kancah peperangan | 1 |
| | F9 Orde baharu Asia dikembangkan ke seluruh Asia | 1 |
| | F10 Menentang imperialis Barat | 1 |
| | F11 Jepun dikenakan sekatan ekonomi oleh pihak Bersekutu | 1 |
| | F12 Menghalang Jepun memperoleh bahan mentah | 1 |
| | F13 Rancangan penaklukan wilayah di selatan | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F14 Eksploitasi/ keperluan bahan mentah | 1 |
| | F15 Tanah Melayu pengeluar getah/ pertanian | 1 |
| | F16 Menghasilkan bijih timah/ emas/ bijih besi/ arang batu/ bauksit/ galian/ perlombongan | 1 |
| | F17 Minyak/ petroleum di Miri/ Lutong | 1 |
| | F18 Memerlukan kawasan pasaran industri | 1 |
| | F19 Menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan sekemakmuran Asia Timur Raya | 1 |
| | F20 Melaksanakan propaganda slogan "Semangat Asia"/ "Asia untuk Orang Asia" | 1 |
| | F21 Terbentuknya pakatan Kuasa Paksi | 1 |
| | F22 Jerman menghantar pakar ketenteraan | 1 |
| | F23 Mengkaji serangan terhadap wilayah selatan | 1 |
| | F24 Industri pembuatan kapal terbang Jepun | 1 |
| | F25 Pangkalan/ Armada tentera Amerika Syarikat di Hawaii lumpuh | 1 |
| | F26 Keperluan operasi/ strategik ketenteraan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab/ faktor Jepun menjajah Asia Tenggara<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 80–81*<br>*KBAT* | F1 Menanam semangat antipenjajah Barat dalam kalangan penduduk Asia | 1 |
| | F2 Menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia | 1 |
| | F3 Menekankan kebebasan negara Asia | 1 |
| | F4 Menentukan kemajuan Asia | 1 |
| | F5 Meningkatkan persaudaraan sejagat | 1 |
| | F6 Sesuai dengan hasrat golongan nasionalis tempatan | 1 |
| | F7 Kesatuan Melayu Muda (KMM) bekerjasama dengan Jepun | 1 |
| | F8 KMM berharap Jepun beri kemerdekaan kepada Tanah Melayu | 1 |
| | F9 Kejayaan Jepun mengalahkan Barat menyedarkan masyarakat tempatan | 1 |
| | F10 Orang Asia mampu mengalahkan orang Eropah yang dianggap kuasa besar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki untuk memberikan pendapat mengenai slogan "Semangat Asia" yang digunakan oleh Jepun untuk menguasai negara Asia. Calon boleh memberikan mana-mana jawapan yang berkaitan kesan penguasaan Jepun di Asia yang membawa kepada gerakan nasionalisme tempatan dan pendudukan Jepun.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178* | F1 Dato' Onn Jaafar | 1 |
| | F2 Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid | 1 |
| | F3 Dato' Mahmud Mat | 1 |
| | F4 Dato' Nik Ahmad Kamil | 1 |
| | F5 Dr. Ismail Abdul Rahman | 1 |
| | F6 E.E.C. Thuraisingham | 1 |
| | F7 H.S. Lee | 1 |
| | F8 Lee Tian Keng | 1 |
| | F9 Mustafa Albakri Hassan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menamakan dua warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menganggotai Sistem Ahli.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178–179* | F1 Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri | 1 |
| | F2 Ahli Pelajaran/ Pendidikan | 1 |
| | F3 Ahli Kesihatan | 1 |
| | F4 Ahli Pertanian dan Perhutanan | 1 |
| | F5 Ahli Tanah, Lombong dan Perhubungan | 1 |
| | F6 Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar | 1 |
| | F7 Ahli Pengangkutan | 1 |
| | F8 Ahli Hasil Bumi/ Sumber Alam | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
| --- | --- | --- |
| | F9 Hal Ehwal Ekonomi/ Ekonomi<br>F10 Perindustrian dan Perhubungan Sosial<br>F11 Perumahan dan Kerja Raya<br>F12 Perhubungan Industri dan Masyarakat<br>F13 Pos dan Telekom<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan dua portfolio yang terdapat dalam Sistem Ahli dengan tepat.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*c*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178–179* | F1 Dilaksanakan tahun 1951–1955<br>F2 Anggotanya dikenal sebagai ahli<br>F3 Ahli bertaraf menteri<br>F4 Bertanggungjawab menjaga portfolio<br>F5 Bertanggungjawab mencadangkan undang-undang<br>F6 Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja<br>F7 Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi<br>F8 Terdiri beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat<br>F9 Peringkat awal terdiri daripada sembilan orang ahli/ sembilan portfolio<br>F10 Lima ahli penduduk Tanah Melayu/ empat pegawai Inggeris<br>F11 Tiga orang Melayu/ seorang Cina/ Seorang India<br>F12 Selepas rombakan pada1954 ahlinya menjadi 11 orang/ 11 portfolio<br>F13 Lapan ahli penduduk Tanah Melayu/ tiga pegawai Inggeris<br>F14 Lima orang Melayu/ dua Cina/ seorang India<br>F15 Ahlinya terdiri pelbagai kaum<br>F16 Sistem Kabinet Bayangan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan dua ciri Sistem Ahli.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **2**(*d*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178–179*<br>*KBAT* | F1 Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran<br>F2 Memupuk perpaduan<br>F3 Melibatkan pelbagai kaum<br>F4 Membentuk permuafakatan<br>F5 Mengamalkan nilai toleransi<br>F6 Bersama terlibat dalam mencadangkan undang-undang<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan sebab British bersetuju menubuhkan Sistem Ahli. Calon boleh berikan kepentingan Sistem Ahli.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 43* | F1 Perak<br>F2 Selangor<br>F3 Pahang<br>F4 Negeri Sembilan<br>F5 Perlis<br>F6 Kedah<br>F7 Kelantan<br>F8 Terengganu<br>F9 Johor<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan negeri-negeri yang terlibat dalam persidangan Majlis Raja-Raja Melayu semasa Durbar pada tahun 1897.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 43* | F1 Dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat<br>F2 Sesuai dengan kedudukan dan peranan<br>F3 Diurus sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu<br>F4 Keanggotaan terdiri daripada sembilan orang Raja Melayu<br>F5 Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Raja-raja Melayu/ Majlis dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu<br>F6 Persidangan disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk memeterai keputusan persidangan<br>F7 Raja-raja Melayu diberi hak/ kuasa mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British<br>F8 Berkaitan penggubalan undang-undang/ dasar Kerajaan Persekutuan<br>F9 Membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara tertentu<br>F10 Di peringkat negeri, sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri<br>F11 Pesuruhjaya Tinggi British perlu merujuk kepada raja dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan<br>F12 Perkongsian kuasa Majlis Raja-Raja dengan Pesuruhjaya Tinggi British pada peringkat pusat<br>F13 Di peringkat negeri, sultan sebagai ketua negeri<br>F14 Berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri<br>F15 Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan<br>F16 Menjaga kepentingan hak istimewa orang Melayu<br>F17 Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan Majlis Raja-Raja Melayu sebagai sebuah institusi berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Raja sebagai ketua negara menjaga rakyat pelbagai kaum<br>F2 Raja menjadi lambang perpaduan rakyat<br>F3 Bertanggungjawab memastikan perpaduan kaum terpelihara<br>F4 Raja mengutamakan kebajikan rakyat jelata<br>F5 Raja perlu mempertahankan rakyat pelbagai bangsa dan kaum<br>F6 Raja menjadi pelengkap kepada pemerintahan sistem demokrasi<br>F7 Hubungan raja dan rakyat adalah saling memerlukan/ timbal balik<br>F8 Rakyat perlu taat setia kepada raja<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan ulasan berkaitan hubungan antara raja dengan rakyat yang terdapat dalam poster. Calon dikehendaki memberikan jawapan yang tersurat dan tersirat berdasarkan poster.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 140* | (i) F1 Rakyat pelbagai etnik/ agama/ wilayah<br>F2 Dalam masyarakat yang bersatu/ hidup aman/ harmoni<br>F3 Memberikan komitmen penuh kepada identiti kebangsaan<br>F4 Berlandaskan Perlembagaan Persekutuan/ Rukun Negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan konsep perpaduan kaum.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 140* | (ii) F1 Proses dinamik menyatukan rakyat<br>F2 Merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah<br>F3 Membentuk satu bangsa<br>F4 Mempunyai identiti sendiri | 1<br>1<br>1<br>1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F5 Berteraskan Perlembagaan Persekutuan/ Rukun Negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan konsep integrasi nasional. | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 143* | F1 Menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan | 1 |
| | F2 Melalui Akta Pendidikan 1996 | 1 |
| | F3 Mengukuhkan sistem pendidikan melalui pelaksanaan dasar pendidikan | 1 |
| | F4 Laporan Rahman Talib/ Laporan Jawatankuasa Kabinet/ Falsafah Pendidikan Kebangsaan/ Kajian Aminuddin Baki | 1 |
| | F5 Memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan/ bahasa rasmi kerajaan/ Bahasa pengantar/ bahasa Melayu wajib lulus | 1 |
| | F6 Memperkenalkan Akta Bahasa Kebangsaan/ Akta·32 | 1 |
| | F7 Menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pusat ilmu | 1 |
| | F8 Menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) | 1 |
| | F9 Bahasa Melayu di mahkamah | 1 |
| | F10 Menggalakkan pengamalan satu kebudayaan kebangsaan | 1 |
| | F11 Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk/ diperkenalkan | 1 |
| | F12 Dilaksanakan melalui Kementerian Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan/ Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara/ Majlis Kebudayaan Negeri/ Istana Budaya/ Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan | 1 |
| | F13 Dijelmakan melalui Program Citrawarna Malaysia/ festival kebudayaan | 1 |
| | F14 Kelahiran ramai tokoh/ penggiat budaya | 1 |
| | F15 Menggalakkan penglibatan dalam sukan | 1 |
| | F16 Melalui Dasar 1 Murid 1 Sukan/ RIMUP | 1 |
| | F17 Mengadakan pertandingan sukan melalui MASUM/ SUKMA | 1 |
| | F18 Menganjurkan pelbagai jenis sukan di peringkat serantau dan antarabangsa | |
| | F19 Slogan "Malaysia Boleh" | 1 |
| | F20 Agensi Sukan seperti KBS/ MSN/ MOM dipertanggungjawab tingkatkan pencapaian sukan | 1 |
| | F21 Memperkenalkan Rukun Negara | 1 |
| | F22 Berasaskan lima prinsip Rukun Negara | 1 |
| | F23 Mengadakan sambutan 50 tahun Rukun Negara | 1 |
| | F24 Arahan membaca lafaz Rukun Negara secara penuh | 1 |
| | F25 Diperkenalkan perkhidmatan Feri Malaysia yang dikenal sebagai *Cruise Muhibbah* | 1 |
| | F26 Menjadi tunjang kesetiaan rakyat berbilang kaum | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dari aspek sosial untuk memperkasa perpaduan kaum dan integrasi nasional. Calon juga boleh memberikan jawapan yang berkaitan dengan kehendak soalan seperti yang terkandung dalam buku teks Sejarah Tingkatan 5 (Bab 7). | |
| | [*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Perpaduan adalah hadiah tidak ternilai harganya | 1 |
| | F2 Mesti dipelihara dan dihargai semua rakyat di negara berbilang kaum seperti di Malaysia. | 1 |
| | F3 Rakyat pelbagai kaum perlu saling menghormati | 1 |
| | F4 Harus peka terhadap sensitiviti agama/ budaya masing-masing | 1 |
| | F5 Pemimpin dan rakyat perlu amalkan prinsip kesederhanaan bagi memelihara perpaduan | 1 |
| | F6 Rakyat harus sama-sama menjaga keamanan/ keharmonian bagi mengelakkan kekacauan | 1 |

© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F7 Rakyat harus menghargai keharmonian yang dinikmati<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki untuk mengulas pernyataan yang diberikan. Calon boleh menggunakan pernyataan yang diberikan sebagai jawapan, tetapi tidak boleh disalin bulat-bulat. Calon perlu mengolah sedikit tanpa mengubah ayat atau menambahkan penanda wacana. Bagi jawapan soalan begini, calon digalakkan memberikan jawapan yang tersurat dan yang tersirat.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br><br><br><br><br><br><br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 36* | F1 Kaum Muda | 1 |
| | F2 Menyalurkan idea melalui Gerakan Islah | 1 |
| | F3 Menjadikan agama Islam sebagai asas kemajuan dunia dan akhirat | 1 |
| | F4 Memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial orang Melayu | 1 |
| | F5 Mendorong masyarakat Melayu membetulkan pandangan terhadap Islam | 1 |
| | F6 Kembali kepada ajaran Islam sebenar | 1 |
| | F7 Berpandukan al-Quran dan hadis | 1 |
| | F8 Menyematkan sikap mengkritik penjajah | 1 |
| | F9 Mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan memajukan orang Melayu | 1 |
| | F10 Tokoh seperti Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin/ Syed Sheikh al-Hadi/ Haji Abbas Mohd Taha/ Dr. Burhanuddin al-Helmi | 1 |
| | F11 Kaum Muda bergerak baik di Negeri-negeri Selat. | 1 |
| | F12 Menjalankan kegiatan dakwah Islam perlu kebenaran sultan | 1 |
| | F13 Menyebarkan risalah dan buku Kaum Muda tidak dibenarkan | 1 |
| | F14 Tekanan British tidak dapat menghalang gerakan Islah | 1 |
| | F15 Menubuhkan madrasah untuk menyebarkan fahaman Islah | 1 |
| | F16 Kesedaran pentingnya pendidikan menyebabkan lebih banyak madrasah ditubuhkan | 1 |
| | F17 Madrasah al-Attas/ Madrasah al-Khairiah al-Islamiyah/ Maahad al-Ehya Assharif | 1 |
| | F18 Membawa kemajuan/ pemodenan sikap/ pentafsiran Islam | 1 |
| | F19 Wanita berpeluang belajar | 1 |
| | F20 Menyatukan rumpun Melayu | 1 |
| | F21 Idea disalurkan melalui akhbar/ majalah | 1 |
| | F22 *Al-Imam/ Al-Ikhwan/ Neracha/ Tunas Melayu/ Idaran Zaman/ Pengasuh* | 1 |
| | F23 Penulisan kreatif | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan golongan intelektual berpendidikan agama dalam membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 42* | (i) F1 Bilangan orang Melayu dalam Malayan Civil Service (MCS) bertambah | 1 |
| | F2 Daripada tujuh orang pada tahun 1930 kepada 20 orang pada tahun 1937 | 1 |
| | F3 Orang Melayu lebih peka tentang masa depan | 1 |
| | F4 Mula menyuarakan kepentingan berpersatuan | 1 |
| | F5 Membincangkan soal politik | 1 |
| | F6 Penubuhan persatuan peringkat negeri | 1 |
| | F7 Golongan revolusi memberi perhatian terhadap pendidikan masyarakat Cina di Tanah Melayu | 1 |
| | F8 Kelab bacaan/ pasukan drama ditubuhkan | 1 |
| | F9 Berita dari China dapat disalurkan | 1 |
| | F10 Sekolah Cina yang menggunakan bahasa Mandarin didirikan | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F11 Muncul masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu | 1 |
| | F12 Dikenal sebagai “the Strait born people” | 1 |
| | F13 Berusaha membentuk identiti tersendiri | 1 |
| | F14 Mementingkan perpaduan | 1 |
| | F15 Mula melihat perkembangan politik di Tanah Melayu | 1 |
| | F16 British berhati-hati/ bertindak mengadakan tindakan | 1 |
| | F17 Ibrahim Haji Yaakob/ Ishak Haji Muhammad/ Ahmad Boestamam ditangkap/ dipenjarakan | 1 |
| | F18 Mereka dibebaskan oleh Jepun pada tahun 1942 | 1 |
| | F19 Mengkritik Raja-raja Melayu | 1 |
| | F20 Menentang dasar pilih kasih British dalam pentadbiran | 1 |
| | F21 Malay Administration Service (MAS) melindungi orang Melayu | 1 |
| | F22 Meminta orang Melayu bersatu dalam politik | 1 |
| | F23 Menentang tuntutan orang dagang dalam politik tempatan | 1 |
| | F24 Semangat kenegerian berkurangan | 1 |
| | F25 Muncul parti politik berasaskan kaum | 1 |
| | F26 Muncul parti politik berbilang kaum | 1 |
| | F27 Perkembangan semangat antipenjajah | 1 |
| | F28 Perjuangan menentang Jepun | 1 |
| | F29 Penentangan terhadap Malayan Union | 1 |
| | F30 Penentangan penyerahan Sarawak | 1 |
| | F31 Penentangan penyerahan Sabah | 1 |
| | F32 Gerakan nasionalis radikal | 1 |
| | F33 Gabungan PUTERA-AMCJA | 1 |
| | F34 Mencadangkan Perlembagaan Rakyat | 1 |
| | F35 Perjuangan ke arah kemerdekaan | 1 |
| | F36 Penubuhan PTM 1948 | 1 |
| | F37 Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu | 1 |
| | F38 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu | 1 |
| | F39 Penubuhan Sistem Ahli | 1 |
| | F40 Pembentukan kabinet pertama | 1 |
| | F41 Rundingan kemerdekaan | 1 |
| | F42 Penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan PTM | 1 |
| | F43 Penubuhan PTM 1957 | 1 |
| | F44 Pengisytiharan kemerdekaan | 1 |
| | F45 Penglibatan dalam pertubuhan serantau/ antarabangsa | |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek politik. Skop soalan luas, membolehkan calon memberikan jawapan sehingga ke arah kemerdekaan negara.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 42* | (ii) F1 Membangkitkan semangat berniaga dalam kalangan masyarakat Melayu | 1 |
| | F2 Menubuhkan persatuan kebajikan | 1 |
| | F3 al-Jamiah al-Khairiah ditubuhkan di Singapura | 1 |
| | F4 Menulis rencana berinformasi tentang kepentingan kemajuan | 1 |
| | F5 Za‘ba membangkitkan isu meningkatkan taraf hidup semasa mengajar di SITC | 1 |
| | F6 Beliau menyedarkan guru pelatih pentingnya pendidikan tinggi | 1 |
| | F7 Kepentingan kurikulum bahasa Inggeris | 1 |
| | F8 Akhbar bahasa Inggeris/ *The Malay Mail/ The Malays Tribune* berusaha mengasaskan dana | 1 |
| | F9 Membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara | 1 |
| | F10 Tunku Abdul Rahman/ Tunku Yaacob/ Mohd Zain Ariffin | 1 |
| | F11 Penubuhan syarikat kerjasama | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F12 Mengurangkan kemasukan orang dagang yang mengancam ekonomi orang Melayu | 1 |
| | F13 Menyeru orang Melayu berjimat cermat | 1 |
| | F14 Penubuhan Bank Kebangsaan Melayu | 1 |
| | F15 Meningkatkan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F16 Menyusun semula masyarakat | 1 |
| | F17 Membasmi kemiskinan | 1 |
| | F18 Kemakmuran negara diagihkan secara adil | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek ekonomi. Skop soalan luas, membolehkan calon memberikan jawapan sehingga ke arah kemerdekaan negara. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **5**(*c*) *KBAT* | **Tugasan 1: Mesej yang terkandung dalam petikan:** | |
| | F1 Golongan intelektual berperanan dalam pembinaan dan pembangunan negara bangsa | 1 |
| | F2 Kemerdekaan yang dicapai terhasil daripada perjuangan golongan intelektual | 1 |
| | F3 Perjuangan golongan ini tidak mementingkan imbuhan atau kepentingan diri semata | 1 |
| | F4 Kerjasama pemerintah dan golongan intelektual telah berjaya menggubal dasar negara | 1 |
| | F5 Pembangunan negara perlulah mendapat sentuhan idea intelektual | 1 |
| | F6 Menanamkan sentimen kerakyatan dan kesetiaan dalam kalangan rakyat terhadap pembinaan negara bangsa bernama Malaysia | 1 |
| | **Tugasan 2: Iktibar yang boleh diambil daripada petikan yang diberikan** | |
| | F7 Kepakaran semua golongan perlu untuk membangunkan negara | 1 |
| | F8 Usaha membangunkan negara perlu jujur dan amanah | 1 |
| | F9 Kemerdekaan negara haruslah dihargai dan dijagai oleh semua golongan rakyat dan pemerintah | 1 |
| | F10 Kerjasama antara pemerintah dan golongan intelektual untuk membangunkan negara | 1 |
| | F11 Memupuk sikap bersatu padu dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan mesej dan iktibar yang boleh diambil daripada petikan yang diberikan. Calon boleh menggunakan dan mengolah jawapan daripada petikan bagi menjawab tugasan pertama. Calon perlu menjawab kedua-dua tugasan bagi mendapat markah penuh. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 236–241* | F1 Pengumuman sambutan Hari Merdeka melalui Radio Malaya (8 Julai 1957) | 1 |
| | F2 Jawatankuasa Persediaan Fizikal | 1 |
| | F3 Menyediakan prasarana fizikal | 1 |
| | F4 Pembinaan Stadium Merdeka | 1 |
| | F5 Pembinaan istana untuk Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F6 Mencadangkan lagu rasmi kebangsaan *Negaraku* | 1 |
| | F7 Penggunaan bendera Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F8 Raja Melayu memperkenankan penggunaan Jata Negara | 1 |
| | F9 Pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan | 1 |
| | F10 Jawatankuasa Sambutan/ JK Pusat Perayaan Merdeka/ JK Kerja Pusat Merdeka/ JK Perayaan Ibu Kota Persekutuan/ JK Derma Perayaan Kemerdekaan | 1 |
| | F11 Hiasan lampu di bangunan/ jalan raya/ Padang Kelab Selangor | 1 |
| | F12 Menempah 75 ribu bendera dari Jepun | 1 |
| | F13 Menyediakan pakaian khas/ baju muskat kepada menteri/ pegawai tinggi kerajaan | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F14 Menganjurkan kursus khas berkaitan dengan protokol | 1 |
| | F15 Memberi gaji seminggu lebih awal kepada kakitangan kerajaan | 1 |
| | F16 Upacara sambutan bermula pada malam 30 Ogos di Padang Kelab Selangor | 1 |
| | F17 Wakil Parti Perikatan Tanah Melayu/ Singapura berpakaian baju Melayu hitam | 1 |
| | F18 300 orang pemuda membentuk perbarisan kehormat | 1 |
| | F19 Menjelang 11.58 malam lampu dipadamkan | 1 |
| | F20 Lampu dipasang semula menjelang detik 12.00 malam | 1 |
| | F21 Orang ramai melaungkan "Merdeka" | 1 |
| | F22 Bendera Union Jack diturunkan dengan iringan lagu *God Save The Queen* | 1 |
| | F23 Bendera PTM dinaikkan dengan iringan lagu *Negaraku* | 1 |
| | F24 Tunku Abdul Rahman memberi/ menerima tabik hormat | 1 |
| | F25 Pasukan Pemuda Perikatan membawa dulang berisi rantai emas/ berukir peta Semenanjung Tanah Melayu/ gambar Tunku Abdul Rahman/ perkataan "Bapa Kemerdekaan Tanah Air/ dikalungkan oleh Sardon Jubir | 1 |
| | F26 Tunku Abdul Rahman menyampaikan ucapan | 1 |
| | F27 Pertunjukan bunga api | 1 |
| | F28 Bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Massood Hayati | 1 |
| | F29 Upacara Pemasyhuran Kemerdekaan diadakan pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka | 1 |
| | F30 Perarakan barisan pasukan tentera/ orang ramai berjumlah 20 ribu orang membanjiri stadium | 1 |
| | F31 Raja-raja Melayu dan wakil Queen Elizabeth II/ Duke of Gloucester serta beberapa pegawai tinggi British dipayungi biduanda di atas pentas | 1 |
| | F32 Bunyi nafiri kedengaran setiap kali pembesar negara tiba | 1 |
| | F33 Duke of Gloucester mewakili kerajaan British memberikan ucapan | 1 |
| | F34 Menyerahkan Surat Perlembagaan Serahan Kuasa kepada Tunku Abdul Rahman | 1 |
| | F35 Tunku Abdul Rahman melaungkan "MERDEKA" sebanyak tujuh kali dengan tangan di udara | 1 |
| | F36 Laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari | 1 |
| | F37 Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan diiringi lagu kebangsaan *Negaraku* | 1 |
| | F38 101 das tembakan dilepaskan menandakan PTM merdeka dan berdaulat | 1 |
| | F39 Istiadat mengangkat sumpah Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F40 Pelantikan jawatan Perdana Menteri/ Ahli Jemaah Menteri/ Hakim Besar/ Gabenor Pulau Pinang dan Melaka | 1 |
| | F41 Majlis jamuan di Residensi untuk mengucapkan selamat jalan | 1 |
| | F42 Sir Donald MacGillivray dan isteri berangkat pulang ke England | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kronologi peristiwa pemasyhuran kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 242–245* | F1 Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan | 1 |
| | F2 Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu | 1 |
| | F3 Amalan sistem Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | F4 Rakyat berkuasa memilih kerajaan melalui pilihan raya | 1 |
| | F5 Parlimen menggubal undang-undang peringkat Persekutuan/ Dewan Undangan Negeri menggubal undang-undang negeri | 1 |
| | F6 Mempunyai undang-undang berkesan/ negara makmur | 1 |
| | F7 Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri | 1 |
| | F8 Menteri Luar disandang Tunku Abdul Rahman | 1 |
| | F9 Tanda kebebasan negara menjalankan dasar luar negara | 1 |
| | F10 Menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan | 1 |
| | F11 Mengukuhkan dasar luar melalui pengukuhan Kementerian Luar | 1 |
| | F12 Menghantar pegawai ke Britain untuk latihan | 1 |
| | F13 Menjalinkan hubungan dengan negara luar | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F14 Menganggotai Komanwel | 1 |
| | F15 Merapatkan hubungan sosioekonomi | 1 |
| | F16 Pertahanan negara | 1 |
| | F17 Kerjasama Britain/ Australia/ New Zealand | 1 |
| | F18 Mengekalkan hubungan baik dengan Britain | 1 |
| | F19 Perjanjian Pertahanan AMDA | 1 |
| | F20 Diiktiraf Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) | 1 |
| | F21 Menjunjung prinsip PBB untuk melindungi hak asasi manusia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon perlu membuktikan pernyataan kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **6**(*c*) *KBAT* | F1 Rakyat Teras Kemajuan Negara | 1 |
| | F2 Keselamatan Negara dan Wawasan Kemakmuran Bersama | 1 |
| | F3 Dalam konteks Malaysia, keadaan selamat dan aman adalah sangat relatif dengan kemakmuran yang dinikmati | 1 |
| | F4 Kibaran Jalur Gemilang memupuk perasaan bangga kepada negara | 1 |
| | F5 Melahirkan masyarakat yang cintakan negara | 1 |
| | F6 Rakyat pelbagai kaum hidup bersatu padu | 1 |
| | F7 Menyokong pembangunan negara | 1 |
| | F8 Bersama memelihara keselamatan negara | 1 |
| | F9 Menyertai sektor awam seperti tentera, polis, perubatan | 1 |
| | F10 Rakyat perlu memainkan peranan masing-masing untuk memajukan negara | 1 |
| | F11 Memberi idea dan berusaha membangunkan negara | 1 |
| | F12 Negara yang aman akan menjadikan rakyat hidup dalam kemakmuran | 1 |
| | F13 Kemajuan dan keamanan negara menjadikan negara terkenal di mata dunia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon perlu menghuraikan maklumat yang terkandung dalam poster yang diberikan. Calon digalakkan memberikan jawapan yang tersurat dan yang tersirat. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 93* | F1 Keselamatan | 1 |
| | F2 Mengelakkan ancaman komunis di Singapura | 1 |
| | F3 Menganggap Singapura menjadi pusat kegiatan komunis | 1 |
| | F4 Memberikan kuasa pertahanan kepada Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | F5 Mengelakkan ancaman komunis di Sarawak | 1 |
| | F6 Gerakan CCO | 1 |
| | F7 Keseimbangan komposisi penduduk/ sosial | 1 |
| | F8 Penerimaan Singapura akan mewujudkan ketidakseimbangan | 1 |
| | F9 Antara orang Melayu dengan orang Cina | 1 |
| | F10 Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi kaum | 1 |
| | F11 Mempercepat kemerdekaan | 1 |
| | F12 Wilayah Borneo/ Sarawak/ Sabah/ Singapura | 1 |
| | F13 Merealisasikan rancangan dekolonisasi | 1 |
| | F14 Mempercepatkan pembangunan wilayah | 1 |
| | F15 Bersatu dalam mempercepat pelbagai bidang pembangunan | 1 |
| | F16 Meningkatkan taraf hidup peribumi | 1 |
| | F17 Infrastruktur/ sosial/ ekonomi yang seimbang | 1 |
| | F18 Faktor politik | 1 |
| | F19 Pengaruh Barisan Sosialis yang memenangi Pilihan Raya Hong Lim | 1 |
| | F20 Melemahkan Parti PAP | 1 |
| | F21 Lee Kuan Yew mendesak penggabungan | 1 |
| | F22 Gugat kerajaan British beri kemerdekaan | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F23 Pengalaman Tanah Melayu dalam menangani komunis | 1 |
| | F24 Kepentingan pangkalan British di Singapura terjaga/ terkawal | 1 |
| | F25 Kestabilan politik rantau Asia Tenggara | 1 |
| | F26 Faktor ekonomi | 1 |
| | F27 Mewujudkan pasaran lebih luas/ galakkan pelaburan | 1 |
| | F28 Memanfaatkan keistimewaan/ sumber/berkongsi kekayaan hasil bumi | 1 |
| | F29 Getah/ Bijih timah/balak/ minyak | 1 |
| | F30 Semangat setia kawan/ kesepakatan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor yang mencetuskan pembentukan Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| 7(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 97, 106–107* | F1 Peringkat awal tidak menentang/ tidak menunjukkan sebarang reaksi/ tidak menentang | 1 |
| | F2 Dr. Mohammad Hatta/ Naib Presiden Indonesia/ Dr. Subandrio/ Menteri Luar Indonesia mengalu-alukan idea pembentukan Malaysia | 1 |
| | F3 Indonesia menentang pembentukan Malaysia | 1 |
| | F4 TAR mendakwa/ menuduh Indonesia terlibat dalam pemberontakan Brunei | 1 |
| | F5 PKI menganggap rancangan Malaysia sebagai penerusan dasar neokolonialisme | 1 |
| | F6 Dr. Subandrio/ Menteri Luar Indonesia umumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia | 1 |
| | F7 "Ganyang Malaysia" diumumkan | 1 |
| | F8 Alasan mengancam kedudukan Indonesia | 1 |
| | F9 Menghantar tentera Indonesia ke Tebedu, Sarawak | 1 |
| | F10 Berbalas tembakan di Kalabakan, Sabah | 1 |
| | F11 30 orang gerila Indonesia mendarat di Labis, Johor | 1 |
| | F12 Ditahan oleh tentera Malaysia | 1 |
| | F13 Serangan terhadap kapal-kapal nelayan | 1 |
| | F14 Pencerobohan udara | 1 |
| | F15 Menghantar pengintip secara sulit | 1 |
| | F16 Indonesia memburukkan nama Malaysia di negara Afro-Asia dan negara dunia ketiga | 1 |
| | F17 Sekatan ekonomi | 1 |
| | F18 Hubungan dua negara diputuskan/ duta-duta dipanggil pulang | 1 |
| | F19 Akhirnya, Indonesia menerima pembentukan Malaysia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan reaksi Indonesia terhadap idea gagasan Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| 7(*c*) *KBAT* | F1 Hubungan Malaysia-Indonesia sejak zaman tradisional lagi | 1 |
| | F2 Malaysia dan Indonesia berkongsi banyak perkara | 1 |
| | F3 Antaranya dari segi bangsa, bahasa, budaya, sejarah dan agama | 1 |
| | F4 Kedua-dua negara ini berasal dari rumpun Melayu yang sama, iaitu Alam Melayu | 1 |
| | F5 Ini memberikan satu nilai persaudaraan dalam kalangan pemimpin dan rakyat kedua-dua negara | 1 |
| | F6 Menjamin kestabilan politik | 1 |
| | F7 Hubungan diplomatik yang stabil | 1 |
| | F8 Memberi bantuan kepada Indonesia | 1 |
| | F9 Tsunami di Acheh | 1 |
| | F10 Indonesia mampu menyediakan tenaga kerja yang ramai | 1 |
| | F11 Malaysia merupakan lubuk emas peluang pekerjaan rakyat Indonesia | 1 |
| | F12 Indonesia merupakan potensi pasaran produk Malaysia | 1 |
| | F13 Hubungan dua hala ini menekankan kepada keperluan ekonomi | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F14 Wujud hubungan saling bergantungan dalam pelbagai bidang | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki mengulas kepentingan hubungan Malaysia dan Indonesia berdasarkan petikan yang diberikan. Calon boleh menggunakan dan mengolah maklumat yang calon peroleh daripada petikan dan menambah jawapan sendiri.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 185* | (i) F1 Perkembangan industri berat | 1 |
| | F2 Menambahkan kemahiran rakyat dalam bidang teknologi | 1 |
| | F3 Melibatkan penggunaan jentera moden | 1 |
| | F4 Memerlukan kemahiran tinggi | 1 |
| | F5 Memerlukan modal besar | 1 |
| | F6 HICOM ditubuhkan pada tahun 1980 | 1 |
| | F7 Projek membaiki kapal di Limbungan Pasir Gudang | 1 |
| | F8 Besi dan keluli di Perai, Pulau Pinang/ Teluk Kalung, Terengganu | 1 |
| | F9 Loji gas cecair di Bintulu, Sarawak | 1 |
| | F10 Stesen janakuasa di Raub, Pahang | 1 |
| | F11 Kilang penapis petroleum di Kerteh, Lutong/ Port Dickson | 1 |
| | F12 Satelit komunikasi di Lendu Melaka, Measat, Binariang | 1 |
| | F13 Penggunaan dron/ robot menggantikan tenaga manusia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kejayaan yang telah dicapai dalam aspek perindustrian berteknologi tinggi.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 186* | (ii) F1 Penubuhan estet perindustrian | 1 |
| | F2 Dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)/ pihak berkuasa pembangunan wilayah/ pihak swasta | 1 |
| | F3 Bandar terancang | 1 |
| | F4 Mengandungi kawasan perumahan, pusat perniagaan dan perindustrian serta pusat rekreasi | 1 |
| | F5 Taman Teknologi Perindustrian/ Kulim Hitech, Taman Teknologi Cheng | 1 |
| | F6 Di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (pola FI) | 1 |
| | F7 Sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan industri di Kulim Hitech | 1 |
| | F8 Bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan inovasi | 1 |
| | F9 Mewujudkan Zon Perindustrian Bebas/ Kulim High Tech/ Pelabuhan Klang/ Bayan Lepas/ Sungai Way | 1 |
| | F10 Sebuah kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai/ tarif sebagai insentif | 1 |
| | F11 Bertujuan menarik pengusaha melabur | 1 |
| | F12 Merangsang ekonomi kawasan sekitar | 1 |
| | F13 Digunakan oleh syarikat multinasional/ seperti Sime Darby/ Axiata Group Berhad/ Proton Holdings Berhad | 1 |
| | F14 Menjalankan aktiviti perniagaan/ perdagangan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kejayaan yang telah dicapai dalam aspek kawasan perindustrian baharu.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 187* | (iii) F1 Penubuhan HiCOM dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia/ PIP | 1 |
| | F2 Telah menggalakkan pertumbuhan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia | 1 |
| | F3 PROTON mempelopori industri kereta tempatan/ Saga, Iswara | 1 |
| | F4 PERODUA/ Alza, Myvi, Axia, Kelisa, Kancil | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F5 Untuk pasaran tempatan dan antarabangsa | 1 |
| | F6 Membuka peluang pekerjaan/ tenaga kerja | 1 |
| | F7 Meningkatkan pendapatan rakyat | 1 |
| | F8 Meningkatkan taraf hidup rakyat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kejayaan yang telah dicapai dalam aspek industri kereta nasional. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **8**(*b*) KBAT | F1 Tahun 1990 menandakan berakhirnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) | 1 |
| | F2 Ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesatnya walaupun menghadapi pelbagai cabaran | 1 |
| | F3 DPN akan meneruskan usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi dalam kalangan kaum etnik, antara golongan kaya dan miskin serta antara wilayah | 1 |
| | F4 Ketidakseimbangan ekonomi ini dapat dikurangkan berasaskan prinsip pembangunan seimbang dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial | 1 |
| | F5 Memperkukuhkan perpaduan negara | 1 |
| | F6 Pelbagai kejayaan telah dicapai dalam tempoh pelaksanaan DEB | 1 |
| | F7 DPN membolehkan Malaysia mencapai taraf negara maju dalam semua segi | 1 |
| | F8 Keadilan sosial gagal diperolehi jika usaha kerajaan tidak berjaya | 1 |
| | F9 Menyebabkan perpaduan negara tergugat | 1 |
| | F10 Keselamatan negara terancam | 1 |
| | F11 Jurang ekonomi melebar menimbulkan rasa tidak puas hati | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan komen berdasarkan maklumat yang terkandung dalam petikan. Calon boleh menggunakan dan mengolah maklumat yang calon peroleh daripada petikan dan menambah jawapan sendiri. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 238* | F1 Komitmen Malaysia menangani/ memelihara/ isu alam sekitar | 1 |
| | F2 Isu rumah hijau/ kerosakan dan penipisan ozon/ pencemaran/ mengawal iklim | 1 |
| | F3 Pelibatan dalam negara Komanwel/ PBB/ NAM | 1 |
| | F4 Pemberian Anugerah Langkawi | 1 |
| | F5 Warganegara Malaysia yang memberikan sumbangan dalam bidang alam sekitar | 1 |
| | F6 Melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara | 1 |
| | F7 Menjadi asas pembangunan negara | 1 |
| | F8 Mengisytiharkan Langkawi sebagai *geopark* | 1 |
| | F9 Melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara | 1 |
| | F10 Menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau/ tenaga solar | 1 |
| | F11 Menggalakkan penanaman semula hutan | 1 |
| | F12 Mengelakkan lambakan bahan toksik | 1 |
| | F13 Melakukan pembangunan secara mampan | 1 |
| | F14 Mengadakan kempen alam sekitar | 1 |
| | F15 Menguatkuasakan undang-undang berkaitan alam sekitar | 1 |
| | F16 Membuka mata pemimpin dunia tentang alam sekitar | 1 |
| | F17 Meningkatkan kemakmuran serantau/ global | 1 |
| | F18 Meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar | 1 |
| | F19 Mewujudkan masyarakat yang prihatin tentang alam sekitar | 1 |
| | F20 Alam sekitar dapat dipulihara dan dipelihara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan usaha dan manfaat yang diperolehi Malaysia dalam menjayakan Deklarasi Langkawi. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **9**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 240–241* | F1 Membangkitkan isu penerokaan secara tidak adil terhadap benua ais<br>F2 Hanya didominasi oleh sebahagian kecil negara/ negara maju<br>F3 Malaysia memberi pandangan sejak tahun 1983 melalui NAM<br>F4 Malaysia mendesak PBB menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat<br>F5 Mencadangkan PBB mentadbir Antartika<br>F6 Segala hasil dikongsi bersama/ milik bersama<br>F7 Mendapat sokongan negara lain<br>F8 Membentuk pasukan penyelidik dalam pelbagai bidang ke Antartika<br>F9 Penyelidikan dijalankan oleh Dr. Hj. Omar Abdul Rahman<br>F10 Melaksanakan penyelidikan berkaitan perubahan iklim/ kajian gas rumah hijau<br>F11 Mewujudkan pusat penyelidikan Antartika Kebangsaan di Universiti Malaya<br>F12 Diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah<br>F13 Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan<br>F14 Melakukan penyelidikan saintifik di Antartika<br>F15 Bukti kemampuan penyelidikan Malaysia<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan Malaysia dalam usaha menjadikan Antartika sebagai warisan sejagat.<br>[*Mana-mana* 6 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **9**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk<br>F2 Mempelbagaikan kegiatan ekonomi<br>F3 Meningkatkan peluang pekerjaan<br>F4 Kerajaan melaksanakan DEB<br>F5 Bagi meningkatkan taraf hidup rakyat<br>F6 PBB mencapai kelaparan sifar<br>F7 Mengurangkan masalah kebuluran<br>F8 PBB berusaha memastikan masyarakat mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang baik<br>F9 Menggalakkan pertanian mampan<br>F10 Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua lapisan umur<br>F11 Masyarakat yang produktif dan berkualiti dapat dilahirkan<br>F12 Memajukan teknologi kesihatan<br>F13 Memastikan pendidikan berkualiti dalam kalangan masyarakat<br>F14 Menjamin pendidikan menyeluruh<br>F15 Menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat<br>F16 Melahirkan modal insan yang berkualiti<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan sebab PBB fokus untuk menyelesaikan masalah dalam infografik yang diberikan. Calon boleh menggunakan dan mengolah maklumat yang calon peroleh daripada infografik serta menambah jawapan sendiri.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024 SET 1

## KERTAS 1

1 **B**
**Ulasan:** Kawasan pegangan merupakan kawasan yang dikurniakan oleh Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat untuk diperintah.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 9*

2 **C**
**Ulasan:** Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 10–11*

3 **A**
**Ulasan:** Golongan Thakin (yang bermaksud tuan) menubuhkan Parti Do Bama Asiayone (Kami Orang Burma) untuk memperjuangkan kemerdekaan Burma. Antara pemimpin parti tersebut seperti Aung San, Kyaw Nein dan U Nu menegaskan orang Burma mesti bertuankan orang Burma.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 29*

4 **C**
**Ulasan:** British memperkenalkan dasar desentralisasi mendorong orang Melayu lebih peka tentang masa depan mereka dalam politik. Dasar ini cuba mengembalikan kuasa sultan, residen dan Majlis Mesyuarat Negeri. Kesannya, orang Melayu mula menyuarakan kepentingan berpersatuan bagi membincangkan soal politik sehingga tertubuhnya persatuan peringkat negeri.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 42*

5 **C**
**Ulasan:** Perang Dunia Pertama turut memberi kesan kepada Tanah Melayu. Antaranya kemakmuran ekonomi negeri Melayu juga dimanipulasi oleh British. Wang hasil bijih timah dan getah digunakan untuk membiayai operasi British dalam Perang Dunia Pertama. Di samping itu, Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang yang menyokong dan memberikan taat setia kepada kerajaan British serta pelbagai undang-undang yang berkaitan dengan perang diluluskan oleh pentadbiran British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 57*

6 **A**
**Ulasan:** Jepun melancarkan serangan ke atas Pearl Harbour, Amerika Syarikat dalam Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik pada tahun 1941–1945 bertujuan untuk melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat di Pasifik yang boleh menjadi penghalang kepada perluasan kuasa Jepun ke Asia Pasifik.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 66*

7 **A**
**Ulasan:** Akhbar seperti *Utusan Melayu* (Singapura), *Majlis* (Kuala Lumpur) dan *Warta Negara* (Pulau Pinang) telah menyuarakan bantahan dengan keras, mengecam dan mengutuk Malayan Union kerana merugikan orang Melayu. Akhbar ini menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak gagasan Malayan Union dan sentiasa melaporkan perkembangan berita penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 102*

8 **B**
**Ulasan:** Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat sebarang bantahan kerana penduduk tempatan tidak memahami tujuan penyerahan tersebut. Hal ini ditambah dengan dasar British yang menindas kesedaran nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 117*

9 **A**
**Ulasan:** Pentadbir British menyokong Persekutuan Tanah Melayu 1948 kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan politik dan kemajuan ekonomi, seterusnya mendorong pelabur melabur ke Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 133*

10 **C**
**Ulasan:** Faedah yang diperoleh kepada masyarakat tempatan hasil daripada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah dapat mewujudkan kerjasama kaum yang membawa kepada perpaduan. Selain itu, mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu, menjaga keistimewaan orang Melayu dan membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136 & 137*

© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

11 **A**

**Ulasan:** Komunis telah mencetuskan huru-hara di seluruh negara agar penduduknya hilang keyakinan terhadap British. Antara tindakan komunis ialah melumpuhkan ekonomi, merosakkan infrastruktur, mengancam keselamatan pendudukan dan pasukan keselamatan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 149*

12 **D**

**Ulasan:** Selain menggeledah rumah kediaman dan mengadakan perintah berkurung, antara tindakan lain yang dilakukan oleh British dalam pengisytiharan Undang-Undang Darurat ialah menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dengan komunis. Selain itu, mengetatkan undang-undang senjata api dan mengenakan hukuman berat kepada sesiapa yang membantu komunis. PKM dan parti politik berfahaman radikal diharamkan dan pemimpinnya ditangkap.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 152*

13 **A**

**Ulasan:** Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan di Tanah Melayu pada Januari 1949 bertujuan untuk mengkaji hubungan kaum secara mendalam, membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial agar wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti serta mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk negara ini.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174*

14 **D**

**Ulasan:** E.E.C. Thuraisingham merupakan Ahli Pelajaran, Dato' Onn Jaafar merupakan Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri, Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid menjadi Ahli Pertanian dan Perhutanan, H.S. Lee bertugas sebagai Ahli Pengangkutan, Ahli Kesihatan ialah Lee Tiang Keng.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178*

15 **D**

**Ulasan:** Faktor yang membolehkan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan adalah Rang Undang-undang Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu diluluskan pada 19 Ogos 1954.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 199*

16 **C**

**Ulasan:** Kata-kata tersebut menggambarkan sebuah peristiwa penting dalam perjuangan Tanah Melayu berkerajaan sendiri hasil dari kemenangan dalam Pilihan Raya Persekutuan 1954. Persidangan MPP 1955 merupakan persidangan yang julung kalinya majoriti ahlinya dipilih dalam pilihan raya untuk menerajui kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 205*

17 **B**

**Ulasan:** Peranan Suruhanjaya Reid termasuklah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220–221*

18 **A**

**Ulasan:** Syarat kewarganegaraan berdasarkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 diberi melalui tiga cara, iaitu penguatkuasaan undang-undang, memohon didaftarkan sebagai rakyat dan memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 224, KBAT*

19 **D**

**Ulasan:** Pembinaan sebuah stadium untuk meraikan kemerdekaan merupakan salah satu prasarana fizikal yang disediakan. Selain daripada untuk menonjolkan identiti negara, nilai yang boleh diambil adalah kesungguhan, iaitu kesungguhan dalam menonjolkan identiti negara dan kesungguhan dalam menyambut kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 236*

20 **D**

**Ulasan:** Tindakan Tunku Abdul Rahman untuk mengekalkan hubungan baik dengan Britain dan menandatangani perjanjian Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA) selepas negara mencapai kemerdekaan bertujuan untuk mengukuhkan pertahanan negara.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 243*

21 **D**

**Ulasan:** Tafsiran tokoh terhadap kedaulatan sesuai dengan zamannya. Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 5*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

22 **A**
**Ulasan:** Ciri negara berdaulat mesti mempunyai pemerintahan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi. Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan yang mengamalkan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Selain itu, mempunyai sempadan yang memisahkan antara negara dan negeri seperti Thailand yang berkongsi sempadan darat, air dan udara. Seterusnya mempunyai perundangan yang menjadi asas peraturan negara untuk memelihara kesejahteraan. Asas perundangan adalah Perlembagaan Persekutuan. Akhir sekali ialah mempunyai rakyat yang merupakan penduduk dalam sebuah negara. Rakyat terikat dengan undang-undang daripada pemerintah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8–9*

23 **C**
**Ulasan:** Ciri moden Perlembagaan Persekutuan ialah mempunyai Kerajaan Persekutuan. Seterusnya mempunyai Demokrasi Berparlimen yang berasaskan pilihan raya. Ketiga, kewarganegaraan yang diperkenalkan pada tahun 1948.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28–29*

24 **A**
**Ulasan:** Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 melibatkan tiga perkara, iaitu struktur Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo dan jawatan Yang di-Pertua Negeri. Jawatan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 30–31*

25 **B**
**Ulasan:** Majlis Raja-Raja berfungsi sebagai memilih YDPA dan TYDPA, memberi persetujuan atau tidak berkenaan perkara yang memerlukan persetujuan, memberi nasihat tentang pelantikan jawatan tertentu, menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum lain, menjadi lembaga pengampunan, memperkenan perubahan sempadan negeri, dan memperkenan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 44–45*

26 **B**
**Ulasan:** Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan sejak merdeka terbukti berkesan mewujudkan kestabilan dan kemakmuran kepada negara kerana Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mengiktiraf raja sebagai ketua negara yang berfungsi sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi melalui dua cara, iaitu hak dirunding dalam beberapa perkara pelantikan penting dan hak membincangkan hal berhubung dasar negara. Selain itu, demokrasi berparlimen memberikan kuasa kepada rakyat untuk memilih wakil mereka melalui pilihan raya untuk membentuk kerajaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 41*

27 **A**
**Ulasan:** Pembentukan Sistem Persekutuan di negara kita bermula pada tahun 1896 yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Diikuti Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927, Kesatuan Malaya 1946, Persekutuan Tanah Melayu 1948, 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963. Pembentukan Sistem Persekutuan di negara kita bermula pada tahun 1896 hingga 1946 menunjukkan British meluaskan pengaruhnya dalam pentadbiran negara yang mana ia menjamin kepentingan British di Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 66–67, KBAT*

28 **D**
**Ulasan:** Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) antara agensi yang terlibat dalam pembangunan wilayah berdasarkan pembangunan kawasan di beberapa buah negeri untuk membangunkan wilayah baharu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 73*

29 **A**
**Ulasan:** Sir Malcolm MacDonald mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bertujuan membentuk satu entiti politik dan ekonomi bagi menyesuaikan dengan rancangan dekolonisasi. Manakala Sir Gerald Templer meminta agar penggabungan wilayah tersebut disegerakan atas tujuan keselamatan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 91*

30 **C**

**Ulasan:** Antara Perjanjian Malaysia ialah tarikh pembentukan Malaysia adalah 31 Ogos 1963; Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu; kerajaan British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia; memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri; memperuntukkan tempoh masa peralihan, contohnya bidang pentadbiran awam serta pendidikan Sarawak dan Sabah; kerusi Parlimen Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah 16 kerusi; dan penduduk bumiputera Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 103*

31 **D**

**Ulasan:** Antara faktor pemisahan Singapura dari sudut politik adalah Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad, konflik antara PAP dengan Perikatan, dan kempen Malaysian Malaysia oleh Lee Kuan Yew yang inginkan persamaan taraf. Dari sudut ekonomi pula, Singapura menuntut pasaran bersama, Singapura tidak berpuas hati dengan kadar cukai yang ditetapkan, dan Singapura mahu kadar faedah RM150 juta dari pinjaman kepada kerajaan Persekutuan. Faktor sosial pula adalah disebabkan rusuhan kaum akibat dari Singapura menuntut hak yang sama rata.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119–120*

32 **D**

**Ulasan:** Antara langkah yang diambil dalam mengatasi masalah peristiwa 13 Mei adalah pengisytiharan darurat, pembentukan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan peranan Raja-raja Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 129–131*

33 **B**

**Ulasan:** Integrasi nasional merupakan satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa. Mereka ini mempunyai identiti sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Manakala perpaduan kaum ialah keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu. Mereka memberikan komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 140*

34 **D**

**Ulasan:** Penubuhan UKM dan DBP merupakan antara tindakan kerajaan dalam memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. UKM telah memperkenalkan pelbagai jurusan yang berkaitan dengan bidang bahasa Melayu, penubuhan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) yang kemudian diubah menjadi ATMA, dan melakukan penyelidikan. DBP pula berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi melalui penerbitan buku dan majalah, penganjuran aktiviti dan bulan bahasa.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 149*

35 **B**

**Ulasan:** Langkah menyusun semula masyarakat dilakukan dengan pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Hal ini bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan (Perkara 153). Antaranya ialah meningkatkan tenaga kerja dan penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan, latihan dalam bidang pengurusan harta dan etika perniagaan diberikan oleh agensi kerajaan, pemberian kontrak, kuota dan lesen kepada perniagaan milik bumiputera dan syarikat usaha sama dengan bukan bumiputera turut dilaksanakan, perhatian khusus diberikan kepada penyertaan bumiputera dalam IKS, usaha sama secara aktif antara bumiputera dengan bukan bumiputera digalakkan untuk membolehkan syarikat bumiputera meningkatkan prospek perniagaan, dan pendedahan dengan teknologi terbaharu, di samping kemudahan modal, maklumat pasaran dan hubungan perniagaan dalam pasaran antarabangsa untuk meningkatkan persaingan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 177*

36 **C**

**Ulasan:** Industri teknologi tinggi dikendalikan oleh The Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM) yang ditubuhkan pada tahun 1980. Antara projek yang dilaksanakan termasuklah membaiki kapal (Limbungan Pasir Gudang, Johor), besi dan keluli (Perai, Pulau Pinang dan Teluk Kalung, Terengganu), loji gas cecair (Bintulu, Sarawak), stesen janakuasa (Raub, Pahang), kilang penapis petroleum (Kerteh, Lutong dan Port Dickson) dan satelit komunikasi.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 185*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**37** **D**

**Ulasan:** Malaysia turut menyertai Rancangan Colombo, iaitu rancangan pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Komanwel yang dilaksanakan sejak tahun 1951. Rancangan ini bertujuan menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel. Selain itu, mendapat khidmat nasihat berkaitan dengan pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan; terlibat dalam program latihan untuk kakitangan awam dan pembangunan sektor swasta sejak tahun 1995; dan memberikan bantuan dalam pelbagai bidang kepada negara anggota yang belum membangun melalui Rancangan Colombo ini.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 206*

**38** **B**

**Ulasan:** Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003. Dalam sidang ini, deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin serta serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq yang dianggap sebagai satu pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 212*

**39** **A**

**Ulasan:** Pemerdagangan orang merupakan jenayah terancang. Aktiviti ini dijalankan tanpa mengenal bangsa, agama, keturunan dan warna kulit. Pemerdagangan orang juga merupakan ancaman terhadap hak asasi manusia dan keselamatan negara. Malaysia tidak terkecuali daripada berdepan dengan isu ini. Hal ini kerana perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menarik kehadiran warga asing. Terdapat warga asing yang masuk ke Malaysia melalui sindiket pemerdagangan orang. Selain itu, kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara turut menjadikannya sebagai lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 229*

**40** **C**

**Ulasan:** Anugerah Langkawi diberikan kepada warganegara Malaysia yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar. Anugerah ini dimulakan pada tahun 1991.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 238*

## KERTAS 2

### Bahagian A

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 37* | (i) Intelektual Melayu | |
| | F1 Tokohnya, O.T. Dussek/ Abdul Hadi Hassan/ Abdul Hadi Abdul Manan/ Harun Aminurrashid | 1 |
| | F2 Meniup kesedaran nasionalisme dalam kalangan pelajar | 1 |
| | F3 Melahirkan ramai tokoh penulis/ nasionalis | 1 |
| | F4 Mewujudkan Pejabat Karang Mengarang | 1 |
| | F5 Menghasilkan buku berkualiti/ pemangkin mengasah bakat pelajar | 1 |
| | F6 Muncul tokoh nasionalis Buyong Adil/ Abdul Hadi Hassan | 1 |
| | F7 Kemasukan bahan bacaan dari Timur Tengah/ Indonesia menjadikan SITC pusat ilmu/ pembaharuan dari luar | 1 |
| | F8 Kurikulum SITC menitikberatkan mata pelajaran Sejarah/ keagungan empayar Melayu di Alam Melayu | 1 |
| | F9 Mata pelajaran Anyaman/ Kesihatan/ Sukan juga penting | 1 |
| | F10 Menubuhkan Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar/ Ikatan Semenanjung Borneo | 1 |
| | F11 Melahirkan persatuan radikal/ Kesatuan Melayu Muda | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan golongan intelektual Melayu dalam perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 37* | (ii) Intelektual Inggeris | |
| | F1 Melahirkan intelektual berpendidikan Inggeris | 1 |
| | F2 Melatih anak bangsawan bagi diserapkan dalam pentadbiran Inggeris | 1 |
| | F3 Menggunakan kedudukan mereka untuk menyuarakan hak mendapat pendidikan orang Melayu | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F4 Tokoh seperti Raja Chulan Raja Abdullah/ Mahmud Mat/ Mohammad Eunos Abdullah/ Raja Uda Raja Muhammad | 1 |
| | F5 Bertugas sebagai pegawai kerajaan | 1 |
| | F6 Menuntut British memperbaiki taraf hidup orang Melayu | 1 |
| | F7 Menuntut lebih banyak peluang kerja kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan | 1 |
| | F8 Menyalurkan idea/ tuntutan secara baik dengan British | 1 |
| | F9 Menggunakan akhbar *Warta Malaya*/ *Lembaga Malaya*/ *Utusan Melayu* | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan golongan intelektual Inggeris dalam perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| 1(*b*) KBAT | F1 Menyebarkan ilmu pengetahuan | 1 |
| | F2 Menghasilkan inovasi | 1 |
| | F3 Mencipta teknologi baharu | 1 |
| | F4 Menyumbang idea bernas kepada kerajaan | 1 |
| | F5 Menjadi pakar rujuk dalam bidang tertentu | 1 |
| | F6 Mewujudkan perpaduan dalam negara | 1 |
| | F7 Merancang pembangunan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki mengulas peranan golongan intelektual dalam pembinaan dan pembangunan negara bangsa berdasarkan petikan yang diberikan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| 2(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178* | F1 Tahun 1951, Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi mengumumkan Sistem Ahli | 1 |
| | F2 Sistem melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu (PTM) | 1 |
| | F3 Anggota MPP diberi tanggungjawab terhadap jabatan/ agensi kerajaan | 1 |
| | F4 Sistem Ahli dilaksanakan pada April 1951 – Jun 1955 | 1 |
| | F5 Mengadakan pilihan raya MPP pada Julai 1955 | 1 |
| | F6 Tiga portfolio kekal di bawah pentadbiran British | 1 |
| | F7 Hal Ehwal Ekonomi/ Perindustrian dan Perhubungan Sosial/ Perumahan dan Kerja Raya | 1 |
| | F8 Tahun 1954 berlaku rombakan Sistem Ahli/ portfolio baharu diwujudkan/ dianggotai oleh warganegara PTM yang menjadi anggota MPP | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan latar belakang pembentukan Sistem Ahli. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| 2(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179* | F1 Ahli bertaraf menteri/ bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan/ agensi kerajaan | 1 |
| | F2 Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F3 Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan jabatan/ dibentang dalam MPP | 1 |
| | F4 Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi | 1 |
| | F5 Satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada pegawai tadbir/ tokoh masyarakat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan ciri-ciri Sistem Ahli. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*c*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 179*<br>*KBAT* | F1 Asas penting untuk melatih orang tempatan<br>F2 Proses ke arah berkerajaan sendiri<br>F3 Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir<br>F4 Dapat menerajui kerajaan dan pentadbiran<br>F5 Proses memupuk perpaduan kaum<br>F6 Memperoleh kemerdekaan negara<br>F7 Mendapat sokongan seluruh penduduk<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan manfaat/ kepentingan Sistem Ahli kepada penduduk tempatan.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 22* | F1 Undang-undang bertulis<br>F2 Undang-undang/ peraturan tertinggi negara<br>F3 Panduan kepada pemerintah<br>F4 Teras dalam pemerintahan negara<br>F5 Dokumen rasmi negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan maksud perlembagaan.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 30–31* | F1 Menggabungkan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura<br>F2 Mengubah struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England<br>F3 Terbahagi kepada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan<br>F4 Mahkamah Atasan diwujudkan di Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah serta Singapura<br>F5 Berfungsi mendengar persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri<br>F6 Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo<br>F7 Mahkamah Tinggi Borneo menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah<br>F8 Jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan berpusat di Kuching, Sarawak<br>F9 Mewujudkan jawatan Yang di-Pertua Negeri<br>F10 Yang di-Pertua Negeri perlu mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak dan Kabinet Negeri bagi Sabah<br>F11 Mengeluarkan Singapura daripada Malaysia<br>F12 Memansuhkan perkara berkaitan imigresen<br>F13 Kewangan/ hubungan luar/ pertahanan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan perkara yang dipinda dalam Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963 dan 1965.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menguatkuasakan undang-undang<br>F2 Mengukuhkan semangat patriotisme<br>F3 Melaksanakan aktiviti kenegaraan<br>F4 Mengadakan kempen Sayangi Malaysia<br>F5 Menekankan penghayatan Rukun Negara | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |

© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F6 Menerapkan unsur nilai murni kepada masyarakat | 1 |
| | F7 Memberikan kesedaran sivik dalam kalangan generasi muda | 1 |
| | F8 Memupuk budaya taat setia kepada pemimpin negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan pemimpin dalam mengatasi masalah perlembagaan negara kita yang sering diganggu-gugat oleh segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 129* | F1 Kesan ketidakseimbangan ekonomi dan sosial negara | 1 |
| | F2 Keadaan/ keputusan pilihan raya ke-3 menjadi penyebab utama | 1 |
| | F3 Ketegangan dalam kempen pilihan raya | 1 |
| | F4 Parti politik mengeksploitasi isu sensitiviti kaum/ keagamaan | 1 |
| | F5 PKM ambil kesempatan mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum | 1 |
| | F6 Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal timbul kekacauan/ provokatif antara kaum | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan faktor tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **4**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 129–131* | F1 Darurat diisytiharkan/ mengisytiharkan darurat | 1 |
| | F2 Perlembagaan ditangguh/ Parlimen digantung | 1 |
| | F3 Pusat perlindungan diwujudkan | 1 |
| | F4 Perintah berkurung | 1 |
| | F5 Penubuhan jawatankuasa bertugas menyusun semua perkhidmatan penerangan kerajaan | 1 |
| | F6 Semua berita media ditapis | 1 |
| | F7 Kerajaan memastikan bekalan makanan diperoleh penduduk | 1 |
| | F8 Mangsa rusuhan dipindah ke pusat perlindungan di Stadium Merdeka/ Tiong Nam Settlement | 1 |
| | F9 Memagar kawasan Kampung Baru | 1 |
| | F10 Penubuhan MAGERAN | 1 |
| | F11 Peranan Raja Melayu/ Sultan Perak menasihati rakyat menjaga keamanan | 1 |
| | F12 Pemimpin masyarakat/ politik menubuhkan Jawatankuasa Muhibah | 1 |
| | F13 Merayu penduduk bertenang/ bantu negara kekal keamanan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan langkah yang diambil bagi mengatasi peristiwa rusuhan kaum. | |
| | [*Mana-mana* 3 × 1*m*] | [*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **4**(*c*) *KBAT* | F1 Menstabilkan politik negara | 1 |
| | F2 Menjaga keamanan negara | 1 |
| | F3 Tidak menghalang perkembangan ekonomi | 1 |
| | F4 Memupuk suasana muhibah antara kaum | 1 |
| | F5 Menghormati budaya dan agama kaum lain | 1 |
| | F6 Mengutamakan kepada kepentingan negara | 1 |
| | F7 Mengukuhkan perpaduan antara masyarakat | 1 |
| | F8 Menjaga imej negara di mata dunia | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan sebab untuk mengekalkan keharmonian kaum di negara kita. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 132–133* | F1 Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union | 1 |
| | F2 Ini disebabkan Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu/ orang Melayu | 1 |
| | F3 Raja Melayu mencadangkan penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukan tanah jajahan | 1 |
| | F4 Perjanjian baharu menggantikan Malayan Union | 1 |
| | F5 Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor | 1 |
| | F6 Raja berkuasa dalam perundangan | 1 |
| | F7 Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu | 1 |
| | F8 Sultan Perak mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan sebelum bincang perkara lain | 1 |
| | F9 Pentadbir British menyokong persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan/ kestabilan/ kemajuan ekonomi | 1 |
| | F10 Sir Edward Gent/ Malcolm MacDonald/ Sir Ralph Hone/ Gammans/ A.T. Newboult/ Roland Braddell/ W. Linehan/ Theodore Adams | 1 |
| | F11 Sir Ralph Hone cadangkan British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan | 1 |
| | F12 Contohnya beri kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan | 1 |
| | F13 British perlu laksanakan dasar dekolonisasi | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136–137* | F1 Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu | 1 |
| | F2 Majlis Raja-Raja diwujudkan | 1 |
| | F3 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F4 Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara | 1 |
| | F5 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal | 1 |
| | F6 Mewujudkan kerjasama kaum dalam memupuk perpaduan | 1 |
| | F7 Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum | 1 |
| | F8 Memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*c*) *KBAT* | F1 Mengamalkan semua prinsip Rukun Negara | 1 |
| | F2 Hormati semua lambang negara | 1 |
| | F3 Belajar bersungguh-sungguh | 1 |
| | F4 Mempertahankan kedaulatan negara | 1 |
| | F5 Meningkatkan imej negara | 1 |
| | F6 Menjaga nama baik negara | 1 |
| | F7 Mengukuhkan perpaduan kaum | 1 |
| | F8 Mempertahankan Sistem Demokrasi berparlimen | 1 |
| | F9 Menyertai pilihan raya | 1 |
| | F10 Mentaati kepada pemimpin negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan pandangan mengenai tanggungjawab rakyat terhadap negara. [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **6**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 234–235* | F1 Bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing | 1 |
| | F2 Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara | 1 |
| | F3 Bebas daripada penjajahan/ kurungan/ naungan | 1 |
| | F4 Negara yang berdaulat, iaitu mempunyai kuasa tertinggi | 1 |
| | F5 Kemerdekaan ibarat perhentian dalam perjalanan yang jauh untuk mewujudkan negara baharu yang berdaulat | 1 |
| | F6 Menghayati jiwa merdeka dengan sayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban dengan apa cara sekalipun | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan maksud kemerdekaan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 242–245*<br>*KBAT* | F1 Pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan | 1 |
| | F2 Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara dengan bidang khas tertentu | 1 |
| | F3 Sistem Demokrasi Berparlimen diamalkan | 1 |
| | F4 Rakyat mempunyai kuasa untuk memilih kerajaan dan pemerintah melalui proses pilihan raya | 1 |
| | F5 Pilihan raya memberi rakyat hak bersuara dan memilih wakil untuk menentukan hala tuju negara | 1 |
| | F6 Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan | 1 |
| | F7 Peringkat negeri, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang-undang | 1 |
| | F8 Negara ditadbir oleh rakyat tempatan | 1 |
| | F9 Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri PTM yang pertama | 1 |
| | F10 Negara memainkan peranan penting dalam organisasi antarabangsa seperti PBB | 1 |
| | F11 Negara mendapat pengiktirafan antarabangsa | 1 |
| | F12 Ekonomi negara berkembang pesat | 1 |
| | F13 Penubuhan FELDA | 1 |
| | F14 Rancangan Malaya Pertama | 1 |
| | F15 Penubuhan institusi kewangan | 1 |
| | F16 Bank Negara/ Malay National Bank/ Kwong Yik Bank | 1 |
| | F17 Pembangunan luar bandar | 1 |
| | F18 Rancangan Buku Merah | 1 |
| | F19 Pembangunan sosial ditingkatkan | 1 |
| | F20 Pendidikan/ Penyata Rahman Talib diwujudkan | 1 |
| | F21 Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka | 1 |
| | F22 Penubuhan Jabatan Penerangan | 1 |
| | F23 Kemudahan awam/ bekalan air/ bekalan elektrik disediakan | 1 |
| | F24 Hospital/ pusat kesihatan dibina di luar bandar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kesan kemerdekaan terhadap negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menikmati kemerdekaan adalah impian hidup setiap rakyat bagi negara yang dijajah British | 1 |
| | F2 Kemerdekaan tidak ternilai nikmatnya | 1 |
| | F3 Memberi peluang kepada sesebuah negara menentukan hala tuju dan masa depan | 1 |
| | F4 Kemerdekaan negara ini dikongsi oleh tiga kaum utama, iaitu Melayu/ Cina/ India/ lain-lain etnik di Sabah dan Sarawak | 1 |
| | F5 Kemajuan negara bukan sahaja sumbangan besar kepemimpinan negara | 1 |
| | F6 Pelbagai lapisan masyarakat atau rakyat bekerja keras dalam memastikan kehidupan kita berubah | 1 |
| | C1 Mematuhi undang-undang negara | 1 |
| | C2 Sanggup berkorban demi negara | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | C3 Menyambut hari kemerdekaan dengan penuh syukur<br>C4 Bersatu padu dengan semua lapisan masyarakat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan memberikan cara untuk menghargai kemerdekaan negara. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya empat maklumat daripada teks dan empat cara untuk menghargai. Calon digalakkan untuk mengolah/ mengubah sedikit ayat daripada teks (tidak menyalin bulat-bulat).<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | 1<br>1<br><br><br><br><br><br><br>[*Maksimum*: 8 *markah*] |
| 7(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 44–45* | F1 Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa dan fungsi dalam sistem Raja Berperlembagaan<br>F2 Bertindak menggunakan budi bicara<br>F3 Memilih Yang di-Pertuan Agong/ Timbalan Yang di-Pertuan Agong<br>F4 Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang/ memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja<br>F5 Memberi nasihat berkaitan dengan kedudukan tertentu<br>F6 Menjadi rujukan dalam perubahan dasar/ kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera/ Sarawak/ Sabah<br>F7 Menjaga kepentingan sah kaum lain<br>F8 Menjadi Lembaga Pengampunan kes-kes tertentu<br>F9 Memperkenankan perubahan persempadanan negeri/ mendapat perkenan raja negeri berkenaan<br>F10 Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara tertentu<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kedudukan Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| 7(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 48–49* | F1 Kuasa eksekutif<br>H1 Bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri<br>F2 Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri<br>H2a Melantik seorang Ahli Dewan Rakyat/ mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri<br>H2b Atas nasihat Perdana Menteri melantik Menteri/ Timbalan Menteri/ Ahli Dewan Rakyat/ Ahli Dewan Negara<br>F3 Pelantikan jawatan penting<br>H3a Melantik Peguam Negara/ Panglima Angkatan Tentera/ Ketua Audit Negara<br>H3b Melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya/ Ahli Suruhanjaya Polis/ Majlis Angkatan Tentera<br>F4 Ketenteraan<br>H4a Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia<br>H4b Baginda dibantu Majlis Angkatan Tentera bagi pemerintahan/ tatatertib/ pentadbiran angkatan tentera/ perkara yang berkaitan dengan gerakan tentera<br>F5 Diplomatik<br>H5a Melantik diplomat Malaysia ke luar negara<br>H5b Menerima menghadap diplomat asing sebelum memulakan tugas di Malaysia<br>F6 Kuasa perundangan<br>H6a Memperkenankan Rang Undang-Undang/ pembentangan di Dewan Rakyat/ Dewan Negara<br>F7 Persidangan Parlimen<br>H7a Mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang<br>H7b Berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen<br>F8 Agama<br>H8a Ketua agama Islam di negeri baginda sendiri/ Wilayah Persekutuan/ Melaka/ Pulau Pinang/ Sarawak/ Sabah | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H8b Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan/ raja yang memerintah di negeri masing-masing | 1 |
| | F9 Hak dan keistimewaan | 1 |
| | H9a Menjaga/ melindungi kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera Sarawak/ Sabah | 1 |
| | H9b Melindungi kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F10 Pengisytiharan darurat | 1 |
| | H10a Boleh membuat pengisytiharan darurat | 1 |
| | H10b Pengisytiharan darurat/ wujud keadaan yang mengancam keselamatan awam/ ekonomi negara | 1 |
| | F11 Kuasa kehakiman | 1 |
| | H11a Melantik hakim Mahkamah Atasan/ nasihat Perdana Menteri/ dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman/ berunding dengan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | H11b Melantik Hakim Mahkamah Atasan terdiri Presiden Mahkamah Rayuan/ Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya/ Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah/ Hakim Mahkamah Persekutuan/ Hakim Mahkamah Rayuan/ Hakim Mahkamah Tinggi | 1 |
| | F12 Kuasa pengampunan | 1 |
| | H12a Mengampun seseorang sudah dihukum dalam hal jenayah | 1 |
| | H12b Baginda bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan | 1 |
| | H12c Mengampunkan/ menangguhkan/ meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera/ Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara.<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Sebagai lambang perpaduan/ keharmonian rakyat/ keamanan/ kemakmuran negara | 1 |
| | F2 Memupuk masyarakat yang bersatu padu/ saling bertoleransi antara satu sama lain | 1 |
| | F3 Yang di-Pertuan Agong bersifat adil dalam semua perkara yang boleh menyejahterakan rakyat dan negara | 1 |
| | F4 Bertindak adil dalam membuat sebarang keputusan demi kepentingan rakyat/ sentiasa muafakat dalam Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F5 Menjadi tonggak kekuatan/ keseimbangan masyarakat yang berbilang kaum | 1 |
| | F6 Menjaga keselamatan negara/ pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia | 1 |
| | F7 Memastikan negara bebas daripada pencerobohan kuasa asing | 1 |
| | F8 Keselamatan negara akan lebih terjamin dari aspek politik/ ekonomi/ sosial | 1 |
| | F9 Mengekalkan kemerdekaan/ kedaulatan negara/ bebas daripada penjajahan asing | 1 |
| | F10 Sifat muafakat dalam institusi beraja negara dapat mewujudkan kestabilan politik | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyampaikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya lapan maklumat daripada teks. Calon digalakkan untuk mengolah/ mengubah sedikit ayat daripada teks (tidak menyalin bulat-bulat).<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 174–175* | F1 Penglibatan aktif pihak swasta dalam ekonomi | 1 |
| | F2 Pelaksanaan program penanaman semula | 1 |
| | F3 Meningkatkan penggunaan sains dan teknologi | 1 |
| | F4 Meningkatkan pemilikan saham bumiputera | 1 |
| | F5 Memberi insentif/ kemudahan pendidikan | 1 |
| | F6 Memberikan kemudahan pendidikan tanpa mengira kaum | 1 |
| | F7 Memajukan masyarakat miskin tanpa mengira kaum | 1 |
| | F8 Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera | 1 |
| | F9 Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F10 Menyediakan dan menaik taraf kemudahan asas | 1 |
| | F11 Melaksanakan pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **8**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 180–184* | F1 Penurunan kadar kemiskinan | 1 |
| | H1a Mempelbagaikan kegiatan ekonomi membuka peluang pekerjaan | 1 |
| | H1b Menambah pendapatan isi rumah | 1 |
| | H1c Mendapatkan kemudahan awam dapat meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F2 Peningkatan kualiti hidup | 1 |
| | H2a Peningkatan tahap kesihatan rakyat semakin baik | 1 |
| | H2b Aspek pendidikan ditingkatkan | 1 |
| | H2c Pemilikan barang keperluan asas | 1 |
| | H2d Penyediaan infrastruktur meningkat | 1 |
| | C2a Hospital/ klinik | 1 |
| | H2e Meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F3 Kemunculan golongan pertengahan | 1 |
| | H3a Meningkatkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam pekerjaan di bandar | 1 |
| | C3a Profesional/ pemodal/ teknikal/ pentadbiran dan pengurusan | 1 |
| | H3b Mewujudkan masyarakat baharu | 1 |
| | H3c Menunjukkan dasar ekonomi kerajaan dan swasta memberi kesan kepada peningkatan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F4 Masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera | 1 |
| | H4a Membentuk kelas bumiputera komersial | 1 |
| | H4b Melibatkan diri dalam sektor korporat | 1 |
| | H4c Muncul tokoh bumiputera | 1 |
| | H4d Bidang perbankan/ pemodal saham/ usahawan muda | 1 |
| | C4a Tan Sri Azman Hashim/ Tan Sri Mohd Effendi Norwawi | 1 |
| | F5 Pembangunan pendidikan | 1 |
| | H5a Pertambahan institusi pendidikan milik kerajaan/ swasta | 1 |
| | H5b Muncul graduan bidang sains/ teknologi/ teknikal | 1 |
| | H5c Memenuhi permintaan tinggi bidang perindustrian/ kegiatan k-ekonomi | 1 |
| | H5d Pembangunan pendidikan tinggi membantu membaiki taraf hidup | 1 |
| | F6 Pengangkutan dan perhubungan | 1 |
| | H6a Memenuhi keperluan perindustrian/ perdagangan | 1 |
| | H6b Memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah | 1 |
| | C6a Jaringan jalan raya/ pengangkutan udara/ kereta api/ pelabuhan moden | 1 |
| | F7 Perkembangan wilayah | 1 |
| | H7a Kemunculan bandar baharu | 1 |
| | C7a Felda Segitiga Jengka melahirkan Bandar Tun Abdul Razak | 1 |
| | H7b Dilengkapi pelbagai kemudahan | 1 |
| | C7b Pejabat pos/ hospital/ bank/ institusi pendidikan | 1 |
| | H7c Pengoperasian kilang di kawasan perindustrian | 1 |
| | C7c Kilang Alps/ Kilang Bimbingan Bank Pembangunan bengkel kereta dan motor | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan kejayaan Dasar Pembangunan Nasional dalam aspek sosial. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **8**(*c*) <br> *KBAT* | F1 Perkembangan dalam bidang perindustrian berteknologi tinggi | 1 |
| | H1 Melibatkan penggunaan jentera moden/ kemahiran tinggi/ modal yang besar | 1 |
| | C1 HICOM | 1 |
| | F2 Pembangunan (R&D) membawa kepada pemodenan pertanian | 1 |
| | F3 Kemajuan ekonomi juga membawa kepada perkembangan perindustrian | 1 |
| | C3 Zon Perindustrian Pelabuhan Klang/ Taman Teknologi Perindustrian Kulim | 1 |
| | F4 Dengan adanya kemajuan pengangkutan dan komunikasi | 1 |
| | C4 Koridor Raya Multimedia/ Cyberjaya | 1 |
| | F5 Pelaksanaan k-ekonomi juga membantu dalam perkembangan perindustrian | 1 |
| | F6 Perkembangan ICT yang seiring dengan kemajuan dalam bidang pendidikan | 1 |
| | F7 Kemajuan dan pemodenan dalam bidang pertanian | 1 |
| | C7 Bioteknologi/ pertanian teknologi pintar-iklim | 1 |
| | F8 Pembangunan infrastruktur turut membawa kepada pembentukan bandar terancang | 1 |
| | C8 Putrajaya, Cyberjaya dan Nusajaya | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki membuktikan yang Dasar Pembangunan Nasional dapat merealisasikan hasrat Malaysia untuk mencapai taraf negara maju. <br> [*Mana-mana jawapan munasabah*] <br> [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*) <br> *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 212–213* | F1 Bermula dengan kehadiran Muhammad Ghazali Shafie (kini Tun) di Sidang Kemuncak, Tanzania, 1970 | 1 |
| | F2 Menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003 | 1 |
| | F3 Melalui deklarasi Kuala Lumpur NAM menyuarakan pandangan terhadap isu Palestin | 1 |
| | F4 Membantah serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq | 1 |
| | F5 Menganggap sebagai satu pencerobohan kuasa besar | 1 |
| | F6 Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003–2006 | 1 |
| | F7 Lantang menyuarakan isu pencerobohan hak asasi manusia | 1 |
| | F8 NAM dijadikan medan untuk menyuarakan isu Aparteid di Afrika Selatan | 1 |
| | F9 Bersetuju agar Afrika Selatan dikenakan tekanan politik/ ekonomi | 1 |
| | F10 Membangkitkan isu Bosnia dan Herzegovina yang ditekan oleh Serbia | 1 |
| | F11 Bersama negara anggota berjaya menggantung keahlian Yugoslavia dari NAM | 1 |
| | F12 Menerima sejumlah pelarian Bosnia dan Herzegovina | 1 |
| | F13 Melaksanakan dasar aman dan berkecuali | 1 |
| | F14 Bersuara meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali | 1 |
| | F15 Meminta negara China/ Rusia/ Amerika Syarikat untuk tidak campur tangan/ memberikan tekanan kepada rantau Asia Tenggara | 1 |
| | F16 Menandatangani Perisytiharan Lusaka untuk mengharamkan senjata nuklear | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan Malaysia dalam NAM. <br> [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **9**(*b*) <br> *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 214–217* | F1 Pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung Pertama OIC pada tahun 1970–1974 | 1 |
| | F2 Menyuarakan diwujudkan sebuah pertubuhan Islam untuk menjaga kepentingan orang Islam sedunia | 1 |
| | F3 Menjadi tuan rumah Persidangan Pertama Kongres Islam Sedunia Rantau Asia Tenggara pada tahun 1964 | 1 |
| | F4 Menjadi tuan rumah bagi Persidangan Islam Antarabangsa yang membawa kepada tertubuhnya OIC | 1 |
| | F5 Tun Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Pengerusi OIC pada tahun 2003 | 1 |
| | F6 Malaysia menolak tohmahan bahawa masyarakat Islam dikaitkan dengan keganasan | 1 |
| | F7 Malaysia mengetengahkan nilai kesederhanaan/ menolak keganasan | 1 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F8 Memberikan penekanan kepada pembangunan pendidikan/ sosial | 1 |
| | F9 Membantu memberi pembiayaan pelajaran dan kebajikan | 1 |
| | F10 Membantu penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | 1 |
| | F11 Pelajar dari negara luar diberi biasiswa ketika belajar di UIAM | 1 |
| | F12 Malaysia terlibat menangani isu politik negara Islam | 1 |
| | F13 Menjadi perantara menyelesaikan konflik Iran-Iraq | 1 |
| | F14 Menyokong perjuangan rakyat Palestin/ PLO | 1 |
| | F15 Menjadi tuan rumah Persidangan Keserantauan Asia berkaitan dengan Palestin | 1 |
| | F16 Menyokong hak rakyat Palestin menentukan nasib sendiri/ mempunyai sebuah negara yang merdeka | 1 |
| | F17 Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul | 1 |
| | F18 Membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur | 1 |
| | F19 Membangunkan ekonomi negara anggota OIC | 1 |
| | F20 Menyertai Bank Pembangunan Islam (IsDB) untuk mendapat pinjaman | 1 |
| | F21 Penubuhan IsDB membawa kepada penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan pelibatan Malaysia dalam OIC. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **9**(*c*) KBAT | F1 Menjamin kedaulatan negara | 1 |
| | H1a Bebas daripada campur tangan negara asing | 1 |
| | H1b Undang-undang dapat dilaksanakan | 1 |
| | H1c Mendapat pengiktirafan daripada negara luar | 1 |
| | F2 Sistem pemerintahan berjalan lancar | 1 |
| | H2 Terselamat daripada konflik dunia/ antarabangsa/ serantau | 1 |
| | C2 Menyelesaikan masalah secara rundingan/ peristiwa MH370 | 1 |
| | F3 Tidak terikat dengan mana-mana blok dunia | 1 |
| | C3 Bebas daripada blok kapitalis atau sosialis/ pakatan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki memberikan kepentingan dasar-dasar luar tersebut perlu diamalkan oleh pemimpin negara kita. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

## KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024 SET 2

### KERTAS 1

1 **A**
**Ulasan:** Golongan diperintah terdiri daripada rakyat yang merangkumi golongan merdeka dan hamba. Secara umum, rakyat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 6*

2 **C**
**Ulasan:** Wilayah naungan ialah wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka sama ada melalui perkahwinan atau persahabatan. Contohnya, wilayah naungan ialah Lingga, Patani dan Kedah. Wilayah yang diperoleh melalui perkahwinan adalah Siantan yang dihadiahkan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 7*

3 **B**
**Ulasan:** Idea nasionalisme tidak sama antara negara dengan zaman kerana idea tersebut berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling seperti keturunan, agama, bahasa dan adat resam.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 22*

4 **B**
**Ulasan:** Perkembangan nasionalisme di Asia merupakan kesinambungan idea nasionalisme di Barat kesan pertembungan ilmu dan budaya yang berlaku dengan bangsa Eropah. Kedatangan dan penjajahan kuasa Eropah di Asia mencetuskan kebangkitan nasionalisme di India, China, Mesir, empayar Uthmaniyah dan Jepun. Kita perlu mengambil iktibar supaya sentiasa berwaspada terhadap anasir asing yang boleh menjejaskan kedaulatan bangsa dan negara.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 26–27*

5 **D**
**Ulasan:** Jepun menggunakan propaganda seperti penggunaan slogan "Semangat Asia" dan "Asia untuk Orang Asia' bertujuan untuk menanamkan semangat antipenjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 68*

6 **D**
**Ulasan:** Amerika Syarikat telah menggunakan bom atom dalam serangan terhadap Jepun pada bulan Ogos 1945. Peristiwa tersebut telah membawa kekalahan kepada tentera Jepun dan berakhirnya Perang Dunia Kedua.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 82*

7 **C**
**Ulasan:** Faktor penyerahan Sarawak kepada British termasuklah seperti masalah perwarisan takhta, iaitu Vyner Brooke tiada anak lelaki untuk dijadikan pewaris kerana semakin tua dan uzur. Kedua, desakan kerajaan British, di mana British mendesak Vyner untuk menyerahkan Sarawak untuk menguasai ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri tersebut. Dan ketiga, Vyner mengalami masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas Perang Dunia Kedua.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 107*

8 **A**
**Ulasan:** Gerald T. MacBryan telah menggunakan pelbagai muslihat seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan. Cara ini sama seperti tindakan Sir Harold MacMichael yang menggunakan cara yang sama untuk mendapatkan persetujuan sultan dalam melaksanakan Malayan Union.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 99 & 109*

9 **A**
**Ulasan:** Cristiano Ronaldo akan mendapat kewarganegaraan secara pendaftaran kerana melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, sesiapa yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya boleh mendapat kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 135*

10 **C**
**Ulasan:** Antara kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 termasuklah membuka ruang kewarganegaraan yang mana orang bukan Melayu diberi ruang menjadi warganegara melalui cara kuat kuasa undang-undang dan pendaftaran. Manakala orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 136*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

**11** **C**

**Ulasan:** Komunis adalah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. Mereka menulis karya *Communist Manifesto* dan *Das Kapital*.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 146*

**12** **B**

**Ulasan:** Komunis telah mencetuskan huru-hara di seluruh negara agar penduduknya hilang keyakinan terhadap British. Antara tindakan komunis ialah, melumpuhkan ekonomi, merosakkan infrastruktur, mengancam keselamatan pendudukan dan pasukan keselamatan. Selain menggeledah rumah kediaman dan mengadakan perintah berkurung, antara tindakan lain yang dilakukan oleh British dalam Pengisytiharan Undang-Undang Darurat ialah menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dengan komunis. Selain itu, mengetatkan undang-undang senjata api dan mengenakan hukuman berat kepada sesiapa yang membantu komunis. PKM dan parti politik berfahaman radikal diharamkan dan pemimpinnya ditangkap.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 148–149*

**13** **A**

**Ulasan:** Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan di Tanah Melayu pada Januari 1949 bertujuan untuk mengkaji hubungan kaum secara mendalam, membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial agar wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti serta mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk negara ini bagi mencapai status berkerajaan sendiri.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174*

**14** **D**

**Ulasan:** Sistem Ahli merupakan langkah awal British dalam menyediakan tanah jajahannya berkerajaan sendiri. Sistem Ahli merupakan sistem yang dapat melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran sebelum British memberikan kemerdekaan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 178*

**15** **D**

**Ulasan:** Kabinet pertama berperanan untuk membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam, menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan berasaskan Model Westminster, mengurangkan kuasa British, meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan dan membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 206*

**16** **B**

**Ulasan:** Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu memperlihatkan barisan pemimpin yang berwibawa. Mereka berusaha membangunkan negara menerusi jawatan yang diamanahkan, di samping bekerjasama dan berkongsi kuasa antara satu sama lain.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 207*

**17** **D**

**Ulasan:** Wakil Raja-raja Melayu yang mengikuti misi rundingan di London ialah Menteri Besar Perak (Dato' Panglima Bukit Gantang, iaitu Dato' Haji Wahab Abd Aziz), Menteri Besar Selangor (Encik Abdul Aziz Abdul Majid), Menteri Besar Johor (Dato' Mohamad Seth Mohammad Said) dan Menteri Besar Kelantan (Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood).

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 216*

**18** **A**

**Ulasan:** Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut agar dapat menggunakan masa pelayaran untuk berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu. Tunku Abdul Rahman berbuat demikian bagi mendapatkan persetujuan supaya kedua-dua pihak dapat menyusun strategi bersama-sama apabila berunding dengan kerajaan British.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 217*

**19** **C**

**Ulasan:** Takrifan kemerdekaan mengikut Perdana Menteri Ketiga dan Ketujuh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad ialah merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa-apa cara sekalipun.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 235*

**20** **C**

**Ulasan:** Nilai yang boleh diambil daripada Jawatankuasa Sambutan dalam pemasyhuran kemerdekaan negara ialah nilai kerjasama. Hal ini kerana semua peringkat masyarakat memainkan peranan penting dalam menyambut kemerdekaan. Pelbagai jawatankuasa turut diwujudkan agar dapat melancarkan lagi perjalanan sambutan.

*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 237*

**21** **A**

**Ulasan:** Kedaulatan undang-undang bermaksud kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi. Kedaulatan undang-undang menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat serta menjadikan negara aman, stabil dan makmur. Badan kehakiman yang bebas dan berwibawa diwujudkan untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 7*

**22** **D**

**Ulasan:** Sempadan merupakan garis pemisah antara negara dan negeri seperti Thailand yang berkongsi sempadan darat, air dan udara. Sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa, khasnya PBB. Penetapan ini memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi negara kita.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 8*

**23** **B**

**Ulasan:** Ciri-ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan ialah mempunyai kesultanan atau pemerintahan beraja, agama Islam, bahasa Melayu, dan kedudukan orang Melayu dan bumiputera.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 28–29*

**24** **B**

**Ulasan:** Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu digubal oleh Majlis Persekutuan manakala Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu digubal oleh Majlis Negeri. Undang-undang Negeri-negeri Selat digubal oleh Majlis Undangan Negeri. Sarawak pula memberikan kuasa kepada Majlis Negeri untuk membuat undang-undang manakala Sabah Majlis Undang berkuasa untuk membuat undang-undang di Sabah.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 24*

**25** **B**

**Ulasan:** Durbar dibentuk pada tahun 1897 seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Durbar dalam negeri- negeri ini berperanan sebagai sebuah majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor Pahang dan Negeri Sembilan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 42*

**26** **D**

**Ulasan:** Pengasingan kuasa dalam pentadbiran ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara merupakan punca kuasa kepada ketiga-tiga badan ini.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 52*

**27** **D**

**Ulasan:** Sejarah pembentukan sistem Persekutuan di Malaysia bermula pada tahun 1896 hingga tahun 1963. Ia bermula dengan Persekutuan 1896 yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu, diikuti dengan Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927 yang memperkemaskan tadbir urus Persekutuan, Kesatuan Malaya (Malayan Union) ditubuhkan walau bagaimanapun ia gagal dilaksanakan sepenuhnya kerana bantahan dari orang Melayu. Seterusnya, Persekutuan Tanah Melayu yang menggabungkan sembilan buah negeri Melayu dan dua Negeri Selat. Pada tahun 1957 Persekutuan Tanah Melayu 1957 diwujudkan di Tanah Melayu yang merdeka, pada masa ini jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai ketua negara. Pada 1963, Persekutuan Malaysia ditubuhkan yang menggabungkan 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 67*

**28** **C**

**Ulasan:** Peranan Kerajaan Persekutuan bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi ialah Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi yang dapat memberikan bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri pula menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan kerana tanah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 72*

**29** **D**

**Ulasan:** Kandungan laporan Suruhanjaya Cobbold menyatakan dua pertiga penduduk menyokong pembentukan Malaysia mengesyorkan agar Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu, mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah yang tidak boleh dipinda atau dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri berkenaan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 100*


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

30 **A**

**Ulasan**: Indonesia membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Oleh itu, U Thant, Setiausaha Agung PBB mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa, iaitu United Nations Malaysia Mission (UNMM) pada 12 Ogos 1963 untuk menilai dan membuat laporan. Laurence Michelmore, Duta Amerika Syarikat di PBB mengetuai rombongan melakukan tinjauan di Sarawak dan Sabah. Pada 14 September 1963, misi ini menerbitkan laporan penduduk Sarawak dan Sabah yang menerima pembentukan Malaysia.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 104*

31 **B**

**Ulasan**: Telah berlaku rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964 yang telah menimbulkan ketegangan kaum. Rusuhan ini berlaku berpunca daripada usaha menuntut persamaan hak sama rata bagi semua kaum yang seterusnya menjadi isu.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 119*

32 **A**

**Ulasan**: Pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 berpunca dari ketegangan hubungan antara kaum pada 13 Mei 1969.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 129*

33 **B**

**Ulasan**: Penubuhan DBP merupakan antara tindakan kerajaan dalam memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. DBP berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi melalui penerbitan buku dan majalah, menganjurkan seminar dan bengkel, penganjuran aktiviti dan bulan bahasa serta slogan Bahasa Jiwa Bangsa.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 149*

34 **C**

**Ulasan**: Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bermula pada tahun 1974. MASUM ditubuhkan bertujuan mengadakan pertandingan sukan dalam kalangan penuntut dan staf universiti tempatan bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional. MASUM menjadi medan untuk atlet menunjukkan kebolehan dalam sukan. Penganjuran MASUM secara bergilir-gilir dapat menggalakkan integrasi antara negeri.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 153*

35 **A**

**Ulasan**: Matlamat DEB adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 167*

36 **D**

**Ulasan**: Kemunculan tokoh Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera di negara kita turut memberikan faedah kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin dengan tawaran pekerjaan dalam syarikat dan industri yang dimiliki oleh golongan ini.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 182*

37 **B**

**Ulasan**: Negara Komanwel merupakan antara rakan dagang Malaysia yang utama. Hal ini menjadikan komoditi utama negara dieksport ke negara anggota Komanwel dengan lebih mudah. Kadar cukai yang dikenakan lebih rendah. Contohnya, cukai eksport barangan siap dan cukai produk digital. Pelbagai kemudahan turut disediakan seperti kemudahan kredit dan bantuan dana Komanwel. Pelaburan daripada negara Komanwel juga penting kepada pembangunan ekonomi negara.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 206*

38 **A**

**Ulasan**: Malaysia bekerjasama dengan negara ASEAN dalam memperkuat pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara. Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN diadakan bagi membincangkan kerjasama ini. Malaysia juga menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand pada tahun 1965 untuk menangani isu keselamatan.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 209*

39 **B**

**Ulasan**: Malaysia berperanan penting dalam pembangunan ekonomi yang melibatkan pembangunan segi tiga yang bertujuan mendapatkan keuntungan bersama apabila negara jiran saling membantu bagi memajukan kawasan yang terlibat. Antara manfaat yang Malaysia peroleh ialah mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam ASEAN daripada negara maju. Selain itu mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 231*

**40** **C**
**Ulasan:** Malaysia telah menandatangani Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara yang menekankan agar negara yang terlibat tidak mengembangkan, mengeluarkan, memperoleh, memiliki atau mengawal senjata nuklear. Hal ini kerana kedudukan Asia Tenggara yang strategik turut melibatkannya secara langsung dalam persaingan kuasa-kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat yang juga mempunyai senjata nuklear. Malaysia bertindak untuk tidak membenarkan perairan Melaka dan Laut China Selatan digunakan oleh kapal perang yang membawa senjata nuklear.

*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 244*

## KERTAS 2

**Bahagian A**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **1**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 12–13* | F1 Selaras dengan konsep waadat<br>F2 Rakyat bernaung di bawah pentadbiran sultan dan pembesar<br>F3 Hubungan ini dapat menggerakkan jentera kerajaan dan pemerintahan<br>F4 Hubungan timbal balik mengukuhkan pemerintahan sesebuah kerajaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan hubung kait antara rakyat dengan pemerintah.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **1**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 12* | F1 Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan<br>F2 Menjadi perantara sultan dengan rakyat<br>F3 Mengutip hasil melalui sistem serah<br>F4 Membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan pembesar dalam sistem sosial Kesultanan Melayu Melaka.<br>[*Mana-mana* 3 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 3 *markah*] |
| **1**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Rakyat tidak boleh menderhaka kepada raja<br>F2 Mewujudkan kerjasama antara pemerintah dan rakyat<br>F3 Pemerintah memelihara kebajikan dan keamanan negara<br>F4 Pemerintah memajukan ekonomi<br>F5 Melaksanakan pentadbiran dengan penuh tanggungjawab<br>F6 Pemerintah mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cara untuk memelihara hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 174* | F1 Mengkaji hubungan kaum secara mendalam<br>F2 Membetulkan keadaan politik/ ekonomi/ sosial<br>F3 Mewujudkan pembahagian yang adil untuk semua komuniti<br>F4 Mewujudkan keadaan harmoni/ muhibah dalam kalangan penduduk<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan objektif pembentukan CLC.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **2**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 176–177* | F1 Mengadakan pilihan raya<br>F2 Peringkat majlis bandaran/ majlis negeri/ Majlis Perundangan Persekutuan<br>F3 Memperakui kedudukan istimewa orang Melayu<br>F4 Mengiktiraf kepentingan sah kaum lain<br>F5 Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)<br>F6 Bantuan ekonomi/ kemajuan luar bandar<br>F7 Melonggarkan syarat kewarganegaraan<br>F8 Memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu<br>F9 Melahirkan semangat patriotik/ bertanggungjawab kepada negara<br>F10 Menubuhkan jawatankuasa pendidikan<br>F11 Mengkaji sistem pendidikan<br>F12 Melahirkan pendidikan seragam/ diterima oleh semua kaum<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan kejayaan/ kesan CLC dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **2**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mengeratkan perpaduan kaum<br>F2 Mengelakkan konflik perkauman<br>F3 Meningkatkan persefahaman antara pemimpin masyarakat berbilang kaum<br>F4 Menyelesaikan masalah secara rundingan<br>F5 Bersatu dalam memajukan ekonomi negara<br>F6 Sanggup berkorban demi keselamatan negara<br>F7 Mengamalkan dasar tolak ansur antara satu sama lain<br>F8 Memelihara keamanan/ kestabilan politik<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki mengulas kepentingan semangat kerjasama antara kaum dalam memastikan keharmonian di negara kita.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **3**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 10–11* | F1 Keberkesanan pentadbiran<br>F2 Kebebasan negara menjalankan pentadbiran<br>F3 Tanpa campur tangan pihak luar<br>F4 Kemakmuran ekonomi<br>F5 Meningkatkan taraf hidup rakyat<br>F6 Kesejahteraan sosial<br>F7 Melahirkan generasi yang berilmu/ berkemahiran<br>F8 Kecemerlangan hubungan luar negara<br>F9 Hak untuk menjalinkan kerjasama dengan negara lain<br>F10 Menggubal dasar luar negara<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menyatakan sebab negara berdaulat perlu diwujudkan.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 13* | (i) F1 Pemerintah dan rakyat saling bekerjasama<br>F2 Pemerintah menggubal undang-undang/ dasar<br>F3 Memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang/ dasar<br>F4 Merangka program/ kempen<br>F5 Memupuk integrasi nasional<br>F6 Memperuntukkan perbelanjaan<br>**Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan pemerintah bagi langkah mempertahankan kedaulatan negara dengan mengekalkan perpaduan kaum.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[*Maksimum*: 2 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **3**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 13* | (ii) F1 Menggubal dasar/ undang-undang | 1 |
| | F2 Melindungi keselamatan negara | 1 |
| | F3 Mengadakan perjanjian pertahanan | 1 |
| | F4 Mengadakan latihan ketenteraan | 1 |
| | F5 Memodenkan aset ketenteraan | 1 |
| | F6 Mengukuhkan pasukan pertahanan | 1 |
| | F7 Memastikan pasukan/ aset ketenteraan siap siaga | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan pemerintah bagi langkah mempertahankan kedaulatan negara dengan mengukuhkan pertahanan negara.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **3**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Menghormati negara dan bangsa/ pemerintah/ raja | 1 |
| | F2 Menumpahkan taat setia kepada negara/ raja | 1 |
| | F3 Menjadi bangsa yang berjaya/ berilmu | 1 |
| | F4 Sanggup berkorban mempertahankan negara dan bangsa | 1 |
| | F5 Bersedia berjuang untuk negara | 1 |
| | F6 Sentiasa mengekalkan keamanan negara | 1 |
| | F7 Menjaga hubungan/ perpaduan antara kaum/ bertoleransi | 1 |
| | F8 Membantu meningkatkan imej negara dalam bidang pendidikan/ ekonomi | 1 |
| | F9 Menghargai perjuangan tokoh/ pemimpin | 1 |
| | F10 Menyokong dasar/ program kerajaan | 1 |
| | F11 Menghormati lambang negara | 1 |
| | F12 Menyanjungi adat warisan bangsa | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan rakyat dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara berdasarkan lirik lagu yang diberikan. Calon juga boleh menambah jawapan mana-mana munasabah.<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 174–175* | F1 Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan | 1 |
| | F2 Pembangunan seimbang antara negeri | 1 |
| | F3 Pembangunan seimbang antara bandar dengan luar bandar | 1 |
| | F4 Dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam/ Rancangan Malaysia Ketujuh | 1 |
| | F5 Mewujudkan masyarakat bersatu padu | 1 |
| | F6 Memperkukuh kestabilan sosial/ politik | 1 |
| | F7 Mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan sebab pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional di negara kita.<br>[*Mana-mana* 2 × 1*m*] | [*Maksimum*: 2 *markah*] |
| **4**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 176–179* | **Bidang ekonomi** | |
| | F1 Pelibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan ekonomi | 1 |
| | F2 Melaksanakan program penanaman semula | 1 |
| | F3 Penggunaan sains dan teknologi | 1 |
| | F4 Meningkatkan pemilikan saham bumiputera | 1 |
| | **Bidang sosial** | |
| | F5 Memberikan insentif serta kemudahan pendidikan untuk kemajuan masyarakat miskin tanpa mengira kaum | 1 |
| | F6 Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera | 1 |
| | F7 Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | **Kemudahan fizikal dan alam sekitar** | |
| | F8 Menyediakan/ menambah baik kemudahan asas | 1 |
| | F9 Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan strategi DPN. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **4**(*c*) *KBAT* | F1 Ekonomi berkembang maju | 1 |
| | F2 Pendapatan negara meningkat | 1 |
| | F3 Menarik kemasukan pelabur | 1 |
| | F4 Kestabilan politik negara terjamin | 1 |
| | F5 Pentadbiran negara berjalan lancar | 1 |
| | F6 Kesepakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum | 1 |
| | F7 Keamanan negara dikecapi | 1 |
| | F8 Dasar negara dapat dilaksanakan | 1 |
| | F9 Kedaulatan negara dikekalkan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki membincangkan pelibatan golongan belia dalam pembangunan negara dapat memacu kemajuan masa depan. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |

**Bahagian B**

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 58–59* | F1 Kemunculan Ideologi Baharu | 1 |
| | H1a Fasisme di Itali | 1 |
| | H1b Pimpinan Benito Mussolini/ parti Fasis | 1 |
| | H1c Berjaya menguasai kerajaan Itali | 1 |
| | H1d Keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu | 1 |
| | H1e Percaya kepada nasionalisme melampau/ termasuk berperang bagi meningkatkan imej negara | 1 |
| | H1f Meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia)/ Albania | 1 |
| | H1g Nazisme di Jerman | 1 |
| | H1h Pimpinan Adolf Hitler/ parti Nazi | 1 |
| | H1i Membentuk kerajaan di Jerman | 1 |
| | H1j Mengagungkan bangsa Jerman | 1 |
| | H1k Memulihkan nasionalisme Jerman | 1 |
| | H1l Membina angkatan tentera | 1 |
| | H1m Menduduki Rhineland semula | 1 |
| | F2 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles | 1 |
| | H2a Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil | 1 |
| | H2b Menjejaskan kedaulatan negaranya | 1 |
| | H2c Kehilangan tanah jajahan | 1 |
| | H2d Pampasan perang yang tinggi | 1 |
| | H2e Itali tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles | 1 |
| | H2f Tidak diberi tanah jajahan baharu | 1 |
| | F3 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa | 1 |
| | H3a Gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata | 1 |
| | H3b Gagal menangani krisis pencerobohan yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan faktor-faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua di Eropah. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **5**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 60* | F1 Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat | 1 |
| | H1a Jerman memulakan serangan Blitzkrieg/ serangan kilat | 1 |
| | H1b Mengebom sasaran musuh | 1 |
| | H1c Serangan kereta kebal/ tentera bermotosikal | 1 |
| | H1d Menakluk negara di Eropah | 1 |
| | H1e Menawan Poland/ Denmark/ Norway/ Belanda/ Belgium/ Luxembourg/ Perancis | 1 |
| | F2 Pengeboman Britain | 1 |
| | H2a Jerman melancarkan serangan udara/ laut terhadap Britain | 1 |
| | H2b Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan/ kawasan | 1 |
| | H2c Perindustrian/ pertahanan udara Britain | 1 |
| | H2d Menjejaskan ekonomi Britain | 1 |
| | F3 Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah | 1 |
| | H3a Mengisytiharkan perang terhadap Britain/ Perancis | 1 |
| | H3b Itali menyerang Perancis melalui arah selatan | 1 |
| | H3c Jerman menyerang Perancis dari arah utara | 1 |
| | F4 Serangan Jerman ke atas Rusia | 1 |
| | H4a Melancarkan Operasi Barbarossa/ serangan besar-besaran | 1 |
| | H4b Hitler mengarahkan lebih tiga juta tentera menyerang Rusia | 1 |
| | H4c Dibantu oleh 3350 kereta kebal dan 2270 kapal perang | 1 |
| | H4d Disertai oleh tentera Finland/ Hungry/ Romania | 1 |
| | H4e Menyasarkan bandar utama di Rusia | 1 |
| | H4f Leningrad/ Moscow/ Stalingrad | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peristiwa Perang Dunia Kedua. | |
| | [*Mana-mana* 6 × 1*m*] | [*Maksimum*: 6 *markah*] |
| **5**(*c*) *KBAT* | F1 Mengorbankan nyawa | 1 |
| | F2 Kemusnahan harta benda persendirian/ awam | 1 |
| | F3 Krisis makanan dan kesihatan | 1 |
| | F4 Peningkatan masalah sosial | 1 |
| | F5 Gejala depresi/ tekanan perasaan/ traumatisme | 1 |
| | F6 Penghijrahan penduduk ke luar negara | 1 |
| | F7 Menjejaskan ekonomi | 1 |
| | F8 Seperti perindustrian/ pertanian/ pelancongan | 1 |
| | F9 Berlaku inflasi/ pengangguran | 1 |
| | F10 Menjejaskan pembangunan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan kesan peperangan terhadap sebuah negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **6**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 220* | F1 Membincangkan/ menyusun/ merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka | 1 |
| | F2 Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu | 1 |
| | F3 Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu | 1 |
| | F4 Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal/ bebas/ berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel | 1 |
| | F5 Berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan | 1 |
| | F6 Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat kerajaan negeri juga mempunyai autonomi tertentu | 1 |
| | F7 Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan di negeri masing-masing | 1 |
| | F8 Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara, iaitu Yang di-Pertuan Besar/ Yang di-Pertuan Agong untuk Persekutuan Tanah Melayu | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F9 Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F10 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu/ kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **6**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 4 m.s. 222–223* | F1 Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima daripada pihak Raja-raja Melayu/ parti politik/ badan awam/ orang perseorangan untuk dipertimbangkan | 1 |
| | F2 Memorandum ini berkaitan dengan corak pentadbiran/ kewarganegaraan/ kedudukan istimewa orang Melayu/ bahasa/ pendidikan | 1 |
| | F3 Raja-raja Melayu mencadangkan Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang ketua negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F4 Yang di-Pertuan Agong harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan | 1 |
| | F5 Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ialah lima tahun | 1 |
| | F6 Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F7 Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F8 Parti Perikatan telah menyuarakan cadangan melalui memorandum yang dinamakan Testament Amanah Politik Perikatan | 1 |
| | F9 Semasa menyediakan memorandum ini, terdapat perbezaan pandangan tentang isu *jus soli* dalam Parti Perikatan | 1 |
| | F10 Terdapat beberapa pihak dalam UMNO yang menolak pemberian kewarganegaraan *jus soli* | 1 |
| | F11 Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan | 1 |
| | F12 Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran | 1 |
| | F13 Masyarakat India menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti | 1 |
| | F14 Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan | 1 |
| | F15 Memorandum daripada MCA menuntut supaya semua sekolah yang ada daripada aliran bahasa Inggeris atau vernakular perlu diteruskan | 1 |
| | F16 Memorandum juga mencadangkan supaya semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris/ Melayu/ Cina/ Tamil | 1 |
| | F17 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf perlembagaan | 1 |
| | F18 Meneruskan sistem Kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu | 1 |
| | F19 Sistem kewarganegaraan berasaskan *jus soli* kepada semua yang lahir di Tanah Melayu | 1 |
| | F20 Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan | 1 |
| | F21 Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F22 Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk | 1 |
| | F23 Pelbagai reaksi terhadap draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F24 Ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep *jus soli* | 1 |
| | F25 Kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat | 1 |
| | F26 Agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi | 1 |
| | F27 Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi | 1 |
| | F28 Dato' Onn Jaafar dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar | 1 |
| | F29 Parti Negara/ PAS/ Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan ini | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F30 Parti PAS pula mengkritik soal kewarganegaraan yang dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu/ mahu kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara | 1 |
| | F31 Menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi | 1 |
| | F32 Sebahagian daripada pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan | 1 |
| | F33 MIC mahukan syarat kewarganegaraan/ penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian | 1 |
| | F34 Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman/ Dato' Abdul Razak Hussein/ Ong Yoke Lin/ V.T. Sambanthan berlepas sekali lagi ke London untuk berbincang dengan kerajaan British tentang isu kewarganegaraan dan beberapa isu yang belum muktamad | 1 |
| | F35 Beberapa perubahan/ pindaan dibuat pada draf perlembagaan | 1 |
| | F36 Hasil pindaan disembah perkenan/ dibincangkan dalam Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F37 Draf ini kemudiannya dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibentangkan/ dibahaskan pada 10 Julai 1957 hingga 11 Julai 1957 | 1 |
| | F38 Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu akhirnya diluluskan oleh Parlimen British di London kemudiannya diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 27 Ogos 1957 | 1 |
| | F39 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuat kuasa secara rasminya pada 31 Ogos 1957 | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| 6(*c*) KBAT | **Maklumat** | |
| | F1 Perlembagaan terhasil daripada idea Raja-raja Melayu/ pemimpin/ persatuan | 1 |
| | F2 Idea yang dihasilkan terdiri daripada pelbagai kaum | 1 |
| | F3 Permuafakatan politik/ kontrak sosial antara pemimpin pelbagai kaum mewujudkan perpaduan | 1 |
| | F4 Generasi muda perlu mencontohi nilai kerjasama/ tolak ansur | 1 |
| | F5 Perlembagaan Persekutuan mempertahankan kepentingan penduduk asal | 1 |
| | F6 Kepentingan sah kaum lain turut dipertahankan | 1 |
| | **Kesan** | |
| | F7 Negara tidak aman | 1 |
| | F8 Berlaku pergaduhan dalam masyarakat/ pemimpin | 1 |
| | F9 Seperti rusuhan kaum | 1 |
| | F10 Kedaulatan negara tergugat | 1 |
| | F11 Perpaduan rakyat akan terjejas | 1 |
| | F12 Keselamatan rakyat terabai | 1 |
| | F13 Negara akan mundur | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan memberikan kesan sekiranya tiada permuafakatan dalam negara kita. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya empat maklumat daripada teks dan empat kesan. Calon digalakkan untuk mengolah/ mengubah sedikit ayat daripada teks (tidak menyalin bulat-bulat). | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| 7(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 66–67* | F1 Penyatuan beberapa buah negeri membentuk sebuah negara bersekutu | 1 |
| | F2 Pada tahun 1963 penggabungan 11 negeri Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak | 1 |
| | F3 Persekutuan dinamakan Malaysia | 1 |
| | F4 Wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan Kerajaan Negeri | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **7**(*a*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 66–67* | F5 Pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran | 1 |
| | F6 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F7 Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen diwujudkan dalam pentadbiran negara | 1 |
| | F8 Perlembagaan Persekutuan digubal untuk melicinkan pentadbiran negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan konsep sistem Persekutuan di negara kita.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **7**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 70–71* | (i) F1 Dewan Undangan Negeri (DUN) berkuasa menggubal undang-undang peringkat negeri | 1 |
| | F2 Kerajaan Negeri diketuai Sultan/ Yang Dipertua Negeri | 1 |
| | F3 Kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Negeri | 1 |
| | F4 Kerajaan Negeri berkuasa dalam Undang-Undang Islam | 1 |
| | F5 Pentadbiran Tanah | 1 |
| | F6 Pertanian dan Perhutanan | 1 |
| | F7 Kerajaan Tempatan | 1 |
| | F8 Hari kelepasan negeri | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan Pentadbiran Kerajaan Negeri.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **7**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 69* | (ii) F1 Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan | 1 |
| | F2 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F3 Kuasa Kerajaan Persekutuan termaktub dalam Senarai Persekutuan | 1 |
| | F4 Kuasa meliputi skop kepentingan nasional | 1 |
| | F5 Merangkumi semua aspek perkhidmatan berhubung dengan pentadbiran negara | 1 |
| | F6 Hal ehwal luar negeri | 1 |
| | F7 Pertahanan | 1 |
| | F8 Keselamatan dalam negeri | 1 |
| | F9 Pentadbiran keadilan | 1 |
| | F10 Kewarganegaraan | 1 |
| | F11 Kewangan | 1 |
| | F12 Perhubungan dan pengangkutan | 1 |
| | F13 Pelajaran | 1 |
| | F14 Perubatan dan kesihatan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menerangkan peranan Pentadbiran Kerajaan Pusat.<br>[*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **7**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Kejayaan pemulihan ekonomi negara disebabkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri | 1 |
| | F2 Kerjasama ini akan meningkatkan kestabilan politik negara | 1 |
| | F3 Kerjasama ini akan mewujudkan kesejahteraan sosial dalam kalangan rakyat | 1 |
| | F4 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bergading bahu menyalurkan bantuan dalam menangani wabak COVID-19 | 1 |
| | F5 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berusaha membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk | 1 |
| | F6 Isu jurang pendapatan dalam kalangan penduduk perlu ditangani oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri | 1 |
| | F7 Kerajaan menyediakan bantuan dalam bentuk kewangan untuk membantu rakyat pelbagai kaum | 1 |
| | F8 Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya lapan maklumat daripada teks. Calon digalakkan untuk mengolah/ mengubah sedikit ayat daripada teks (tidak menyalin bulat-bulat).<br>[*Mana-mana jawapan munasabah*]<br>[*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| **8**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 98–102* | F1 Siri lawatan | 1 |
| | H1a Lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Brunei pada Julai 1961 | 1 |
| | H1b Lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke PTM pada Ogos 1962 | 1 |
| | H1c November 1962, lawatan Tunku Abdul Rahman ke Sarawak dan Sabah | 1 |
| | H1d Terdapat kesepakatan ahli politik PTM untuk menjelaskan gambaran rancangan Malaysia kepada penduduk Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F2 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JKSM) | 1 |
| | H2a Bermesyuarat sebanyak empat kali, iaitu di Jesselton, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura | 1 |
| | H2b Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia/ ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat/ mengumpulkan pandangan/ menyebarkan maklumat/ memupuk aktiviti penghebahan yang mempercepatkan pembentukan Malaysia | 1 |
| | H2c Memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman kepada pemimpin tempatan/ mendapatkan sokongan terhadap pembentukan Malaysia | 1 |
| | F3 Referendum Singapura | 1 |
| | H3a Diadakan pada awal September 1962 di Singapura | 1 |
| | H3b Menyatakan bentuk pilihan Singapura menyertai Malaysia | 1 |
| | H3c Rakyat Singapura bersetuju untuk bergabung membentuk Malaysia | 1 |
| | F4 Rundingan London | 1 |
| | H4a Rundingan antara kerajaan PTM dan kerajaan British pada November 1961 | 1 |
| | H4b Penubuhan suruhanjaya bagi meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F5 Suruhanjaya Cobbold (Januari 1962) | 1 |
| | H5a Meninjau pendapat penduduk Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F6 Pembentukan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) pada Ogos 1962 | 1 |
| | H6a Menyediakan rangka perlembagaan | 1 |
| | H6b Membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan langkah pembentukan Malaysia. [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **8**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 103* | FI Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963 | 1 |
| | F2 Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F3 Kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia diiktiraf oleh kerajaan British | 1 |
| | F4 Sarawak dan Sabah diberi kelebihan menubuhkan kabinet negeri | 1 |
| | F5 Memperuntukkan tempoh peralihan kepada Sarawak dan Sabah seperti pentadbiran dan pendidikan | 1 |
| | F6 Peruntukan kerusi Parlimen kepada Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Sabah sebanyak 16 kerusi | 1 |
| | F7 Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menyenaraikan inti pati Perjanjian Malaysia. [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **8**(*c*) *KBAT* | F1 Mempercepatkan kemerdekaan Sabah, Sarawak dan Singapura | 1 |
| | F2 Pembangunan lebih pantas | 1 |
| | F3 Mengatasi ancaman komunis | 1 |
| | F4 Mengukuhkan pertahanan negara | 1 |
| | F5 Keluasan negara bertambah | 1 |
| | F6 Pasaran negara bertambah | 1 |
| | F7 Memajukan wilayah yang mundur | 1 |
| | F8 Meningkatkan kemudahan dan prasarana | 1 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | F9 Mewujudkan negara baharu yang harmoni | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki membuktikan bahawa tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia telah membawa kebaikan kepada rakyat. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |
| **9**(*a*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 208* | F1 Cabaran politik antarabangsa | 1 |
| | F2 Mengamalkan dasar berkecuali dengan negara luar | 1 |
| | F3 Tanpa mengira ideologi | 1 |
| | F4 Menjalinkan hubungan dengan negara China | 1 |
| | F5 Melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein | 1 |
| | F6 Cabaran politik serantau | 1 |
| | F7 Peluasan komunis di Indochina menyebabkan rantau Asia Tenggara tidak stabil | 1 |
| | F8 Berlaku kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara | 1 |
| | F9 Malaysia turut terkesan dengan perkembangan tersebut | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menjelaskan cabaran politik dalam mengukuhkan dasar luar Malaysia. | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*b*) *Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 210–211* | (i) F1 Mengisytiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali/ ZOPFAN | 1 |
| | H1a Menjalinkan hubungan dengan China | 1 |
| | H1b Menjadikan ASEAN sebagai platform terpenting untuk mengisytiharkan perubahan dasar luar negara pada peringkat serantau/ global | 1 |
| | H1c Mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar | 1 |
| | C1c Amerika Syarikat/ Rusia/ China | 1 |
| | F2 Penyelesaian konflik serantau | 1 |
| | H2a Malaysia terlibat menyelesaikan konflik politik yang berlaku di Indochina | 1 |
| | C2a Ancaman komunis/ pelarian di Vietnam/ Kemboja | 1 |
| | H2b Menyeru kuasa besar tidak campur tangan dalam isu di Vietnam | 1 |
| | H2c Menyelesaikan isu di Kemboja melalui pilihan raya pada tahun 1993 | 1 |
| | H2d Menghantar pasukan pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)/ Misi UNTAC | 1 |
| | F3 Kerjasama ekonomi | 1 |
| | H3a Memulakan Projek Industri ASEAN (AIP) pada tahun 1978 | 1 |
| | H3b Berjaya menghasilkan pengeluaran baja urea di Indonesia (1984)/ Malaysia (1986) | 1 |
| | H3c Mengeluarkan baja fosfat/ kuprum di Filipina | 1 |
| | H3d Menghasilkan serbuk soda di Thailand | 1 |
| | H3e Mempromosikan/ menyokong konsep integrasi ekonomi ASEAN | 1 |
| | H3f Mewujudkan satu pasaran tunggal ASEAN yang bebas | 1 |
| | H3g Penggunaan mata wang ASEAN | 1 |
| | H3h Meningkatkan perdagangan antara negara ASEAN/ Skim Keutamaan Perdagangan (SKP) | 1 |
| | H3i Menawarkan pemotongan cukai ke atas pelbagai jenis produk keluaran negara anggota ASEAN | 1 |
| | F4 Kerjasama sosial | 1 |
| | H4a Melalui penubuhan Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara/ SEAMEO | 1 |
| | C4a Pusat Serantau Pendidikan untuk Sains dan Matematik/ RECSAM di Pulau Pinang | 1 |
| | H4b Kerjasama dalam semua bidang yang berkaitan pendidikan/ pertukaran pelajar/ penubuhan pusat serantau pendidikan | 1 |
| | C4b Mengadakan festival kebudayaan/ kesenian | 1 |
| | H4c Kerjasama dalam bidang kebudayaan | 1 |
| | H4d Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN | 1 |
| | H4e Melaksanakan Sukan SEA | 1 |

| Soalan | Isi | Markah |
|---|---|---|
| | H4f Menjalinkan kerjasama dalam sukan | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peranan Malaysia dalam Persatuan Negara- negara Asia Tenggara (ASEAN). | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*b*)<br>*Buku Teks Tingkatan 5 m.s. 212–213* | (ii) F1 Tuan rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi | 1 |
| | H1a Menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 | 1 |
| | H1b Deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin/ serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq | 1 |
| | H1c Dianggap satu pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil | 1 |
| | H1d Membuktikan kemampuan Malaysia dalam mengendalikan persidangan bertaraf dunia | 1 |
| | H1e Menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga tahun 2006 | 1 |
| | H1f Dilaksanakan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi yang menjadi Perdana Menteri ketika itu | 1 |
| | H1g Menjulang nama Malaysia dalam kalangan negara anggota | 1 |
| | H1h Berusaha meningkatkan tahap kemajuan/ pembangunan anggota NAM | 1 |
| | H1i Bekerjasama agar menjadi organisasi yang dihormati | 1 |
| | F2 Peranan dalam politik | 1 |
| | H2a Menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia/ negara lain | 1 |
| | H2b Menjadikan NAM sebagai platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Aparteid | 1 |
| | H2c Bersetuju agar tekanan politik/ ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan | 1 |
| | H2d Membangkitkan isu Bosnia/ Herzegovina | 1 |
| | H2e Sedang ditekan oleh Serbia | 1 |
| | H2f Menggantung keahlian Yugoslavia | 1 |
| | H2g Menerima sejumlah pelarian Bosnia/ Herzegovina | 1 |
| | F3 Dasar keamanan dan berkecuali | 1 |
| | H3a Meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali | 1 |
| | H3b Negara kuasa besar perlu mengaku/ tidak campur tangan/ memberikan tekanan | 1 |
| | C3b Seperti China/ Rusia/ Amerika Syarikat | 1 |
| | H3d Menandatangani Perisytiharan Lusaka | 1 |
| | H3e Mendesak pengharaman penggunaan senjata nuklear | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki menghuraikan peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM). | |
| | [*Mana-mana* 4 × 1*m*] | [*Maksimum*: 4 *markah*] |
| **9**(*c*)<br>*KBAT* | F1 Mewujudkan hubungan dagangan | 1 |
| | H1a Membolehkan Malaysia mempromosikan produk ke luar negara | 1 |
| | H1b Mempercepatkan pertumbuhan/ perkembangan ekonomi | 1 |
| | H1c Mewujudkan kerjasama untuk meningkatkan tahap pendidikan/ kesihatan | 1 |
| | H1d Menggalakkan pertukaran teknologi/ perkongsian maklumat | 1 |
| | F2 Mengeratkan kerjasama/ hubungan baik dengan negara luar | 1 |
| | H2a Melindungi kepentingan rakyat Malaysia semasa berada di negara luar | 1 |
| | C2a Seperti berlakunya bencana/ wabak COVID-19 | 1 |
| | H2b Hubungan dengan negara lain akan menjadi erat | 1 |
| | H2c Mengekalkan keamanan negara | 1 |
| | F3 Menjamin kedaulatan negara | 1 |
| | **Ulasan:** Calon dikehendaki membuktikan pelibatan Malaysia secara aktif dalam pertubuhan serantau telah memberi manfaat kepada negara. | |
| | [*Mana-mana jawapan munasabah*] | |
| | [*Mana-mana* 8 × 1*m*] | [*Maksimum*: 8 *markah*] |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.